

M 954799

# **SIAPA PENCABAR ANWAR?**

**USNIE PUBLISHER**  
**KUALA LUMPUR**  
**1998**

# SIAPA PENCABAR ANWAR?

MOHD SAYUTI OMAR

＼ M

954799

BN  
220 1995012

1150

# SIAPA PENCABAR ANWAR?

© MOHD SAYUTI OMAR (MSO)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal atau dipinda sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada dengan cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sabagainya dengan terlebih dahulu mendapat Izin daripada Penerbit

ISBN 983-9452-54-1

Cetakan Pertama, Jun 1998

Penerbit:

USNIE PUBLISHER  
47, TINGKAT 1, JLN 45/26  
TAMAN SRI RAMPAI  
53300, KUALA LUMPUR.

**persembahan buat bunda  
yang kesepian di kampung**

**Hajjah Mek Thom binti Haji Salleh**

## PRAKATA

APAN tahun lepas saya telah mengkritik Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi buku penuh kontroversi berjudul *Anwar Ibrahim - Mimpi & Realiti*. Apa yang menjadi mauduk kritikan saya ketika itu ialah mengenai perubahan sikap dan budaya Anwar setelah meninggalkan Abim dan menyertai Umno. Pada kaca mata saya, Anwar ketika itu begitu drastik melakukan perubahan atau penyesuaian diri dengan Umno sehingga beliau alpa apa yang dipraktikan dan dilaung-laungkan dalam Abim sebelum itu.

Saya tahu Anwar terpaksa mengorbankan prinsip-prinsip *syariah* untuk mengamalkan dirinya dengan Umno. Sebagai ahli politik, Anwar harus bermain politik? Tetapi kerana ianya berlaku terlalu cepat, menyebabkan orang-orang seperti saya yang telah menyangkutkan harapan nusa dan bangsa di bahunya, merasa cuak dan cemas kepada perubahan beliau itu. Lantaran itu tanpa banyak memikirkan risiko, saya memberanikan diri menge-ruhkan suasana "ketenangan" Anwar dalam Umno dengan membuat sedikit kritikan.

Buku itu merupakan muqadimah terhadap kritikan-kritikan saya dan juga orang lain ke atas bekas Presiden Abim

itu. Barang kali tidak segan kalau saya mengakui, sayalah orang pertama mengkritik beliau secara terbuka menerusi buku, kemudian baru diikuti oleh penulis-penulis lain. Justeru itu saya dikecam dengan begitu rupa, apa lagi pada saat itu seluruh warga Malaysia sedang mengagumi Anwar sebagai tokoh idola Islam bangsa di masa hadapan.

Wajarlah kalau Anwar tersintak dan latah dengan menerbitkan sifat-sifat yang ganjil, tatkala murka dan marah kepada saya. Kerana sebelum itu beliau tidak pernah menerima suntikan beracun, apa lagi surat beracun seperti yang berlaku tahun 1977 lalu, kecuali dipuja dan dipuji sebagai tokoh muda yang mampan daya inteleknya dan berjiwa Islam nombor wahid. Jadi apabila timbul kecaman ia sangat-sangat memedihkan cuping telinganya. Padahal kalau beliau menye-dari sifat yang harus ada pada seorang pemimpin; perlu terbuka dan rela dikritik, tidak seharusnya cuping telinga beliau menjadi merah menyala!

Lantaran itu banyak pihak yang secara sukarela tampil membela Anwar dan mengcam saya. Para pengagum beliau yang berjumpa dengan saya menuntut justifikasi tentang kritikan itu. Ada yang berhadapan secara langsung dan tidak dengan saya. Setiausaha Agung Abim, Anuar Tahir, yang sememangnya *farvour* terhadap Anwar mengeluarkan kenyataan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap saya. Nasib baik tindakan undang-undang itu tidak jadi, dan mungkin itu sebagai satu gertakan kebudak-budakan sahaja.

Lebih teruk daripada itu ada juga suara jolokan mengatakan saya diupah. Malahan Anwar sendiri sewaktu mengulas pengedaran buku berkenaan menuduh ada dalang disebalik penulisan buku berkenaan dan mendakwa saya makan upah. Kata Anwar; "*Saya menyifatkan buku ini*

*dihadarkan oleh "penulis upahan" kerana saya tahu siapa yang membeli dan berapa ribu naskah yang dibeli untuk diberikan kepada perwakilan." - Berita Harian 28 November, 1990.*

Berapa banyak saya diupah saya sendiri tidak tahu? Tetapi bagi mereka yang tahu prinsip dan pegangan saya, barang kali tentu tahu berapa jumlah saya terima dan mengecapi kemewahan dengan royalti (upahan) buku itu?

Sebenarnya tanpa disuruh dan dipaksa pun, saya akan mengkritik. Saya merasakan berhak dan bertanggungjawab untuk mengkritik beliau ketika itu. Sebagai pemimpin Anwar dan sesiapa sahaja harus membukakan dada untuk dikritik. Saya mempertikaikan sikap beliau berpandukan kepada apa yang dapat dilihat dan yang berlaku pada diri Anwar sendiri. Kritikan saya ketika itu bersifat '*external*' kepada sifat-sifat politik beliau sahaja. Semua itu saya ukur dan bandingkan dengan apa yang berlaku dalam Abim dan Umno.

Misalnya gaya bercakap, berpakaian, sosial dan sebagainya. Dalam permerhatian saya akhlak Anwar yang diwarisi dari Abim terlalu halus dan lembut sekali kerana ianya bersendikan akhlak Rasulullah. Tetapi apa yang dukacitanya segala sifat-sifat *hasanah* dan *sakinah* itu terhakis perlahan-lahan apabila beliau menyertai Umno. Misalnya sewaktu dalam Abim bukan gampang untuk Anwar bergambar dengan perempuan, tetapi didalam Umno, Anwar bagaikan *film star* pula.

Keadaan itu sebenarnya satu evolusi budaya yang berlaku ke atas Anwar yang tidak dapat dihindarkan setelah beliau menyertai *harakah* partisan. Tetapi bagi orang luar, evolusi itu tidak boleh dimaafkan kerana ia tetap "haram" yang tidak boleh dihalalkan walaupun dengan apa jua alasan sekali pun. Dari

perspektif itulah saya menegur Anwar.

Bertolak dari kritikan itu banyak pihak mengatakan saya sudah mengistiharkan perang dengan Anwar sebelum berkemundangnya nafiri perang sebenarnya. Ada yang membuat berbagai ramalan dan simpulan terhadap tindakan saya itu, termasuk ‘perbalahan’ saya dengan Anwar itu kerana kononnya Anwar tidak memenuhi kehendak-kehendak peribadi saya. Saya tidak tersinggung dan Anwar sendiri boleh mengesahkannya, apakah saya pernah meminta dan harapkan sesuatu dari beliau? Saya tidak pernah mengharap apa-apa daripada Anwar selain daripada mahu melihat beliau menjadi Perdana Menteri yang mengamalkan prinsip dan dasar Islam sepenuhnya.

Allahyarham Zakry Abadi dalam mengulas mengenai penerbitan buku itu berkata; bahawa saya tidak akan baik dengan Anwar sampai ke bila pun. Namun pandangan Allahyarham itu bukan menjadi pegangan saya. Saya tetap berdiri atas prinsip, mengkritik bukan bermakna membenci dan orang yang saya kritik menjadi musuh saya. Saya tetap menghormati dan bersedia melukiskan perwatakan baru sekiranya ia peka dengan teguran dan sedia bertaubat. Bagi saya, saya tidak kesal kalaupun Anwar tidak mengenali saya sebagai seorang yang baik, apa yang penting asalkan saya me-ngenalinya sebagai seorang pemimpin yang bertanggung-jawab.

Saya mempunyai pegangan yang cukup jelas dalam membuat kritikan dan teguran ke atas pemimpin. Saya akan menegur seseorang itu tanpa disuruh. Sebagai penulis sudah menjadi tanggungjawab saya menegur untuk kebaikan umat dan agama. Dan saya bersedia memuji dan menghormati tokoh yang saya tegur kalau sekiranya mereka kembali ke

pangkal jalan semula.

Apa yang berlaku kepada Datuk Annuar Musa di Kelantan adalah sebagai contoh dimana saya telah berpegang kepada janji dan falsafah saya sendiri. Satu masa dulu saya mengkritik dan menegur cara dan tindakan politiknya yang mengamalkan dasar "*apathy*" di Kelantan. Pada masa itu saya dipuja oleh musuh Annuar. Tetapi apabila beliau sudah mula menunjukkan perubahan dan sikap rasional, saya tidak segan silu untuk memujinya dan dikala ini para musuh Annuar mula mengecam saya dan membuat berbagai prejudis. Apakah harus saya akur kepada mereka, oh... tidak!

Dalam berhadapan dengan Anwar Ibrahim seharusnya tidak ada sesiapa yang meragui pendirian saya. Saya telah tulis di dalam prakata satu "akujanji" saya kepada beliau. Bahawa teguran itu adalah untuk mengembalikan semula perjuangannya yang sudah 'tergeleceh ril'. Kritikan itu bukan sama sekali berniat sampai hendak membunuh perjuangannya, sebaliknya untuk memperbetulkan "kiblat" perjuangannya, tidak lebih dari itu.

*"Terus terang saya katakan, sebagai rakyat saya begitu mengagumi Anwar dan saya percaya anda juga demikian, amat mengharapkan Anwar akan mendapat kuasa penuh dan memimpin kita suatu hari nanti. Sebenarnya kita tidak ada pilihan lain untuk diangkat menjadi pemimpin kecuali Anwar. Visi, semangat dan sifat kepimpinan beliau amat sesuai dan serasi dengan Melayu yang menganuti Islam. Keadaan itu menyebabkan kita rasa harapan dan masa hadapan negara dan Islam, tergenggam di tangan Anwar.*

*Namun harapan dan mimpi kita itu semakin hancur*

*dan lebur. Ianya dikoyak oleh evolusi yang berlaku ke atas diri Anwar. Perubahan sikap, pandangan dan juga visi politik Anwar menyebabkan kita seperti dikejutkan oleh sesuatu yang mengerikan jika Anwar dilepaskan berkuasa dalam keadaan dirinya kini tanpa disemak dan diperbetulkan oleh kita semua.*

*Jadi, bertolak dari kondisi dan situasi itulah, maka saya telah memberanikan diri, membuat sedikit teguran kepada Anwar. Dan mempersoalkan beberapa tindak tanduk, sikap dan perubahan yang berlaku ke atas diri Anwar untuk diinsafi oleh Anwar dan renungan kita semua.*

*Adalah menjadi harapan saya, jika apa yang saya perkatakan ini benar, tepat dan perlu adanya tindakan susulan dari anda semua, maka wajarlah kita perlakukan begitu demi kesejahteraan kita bersama.*

*Juga apa menjadi harapan saya semoga pendedahan dan teguran ini, akan turut memberi satu kesedaran baru kepada kita semua amnya dan Anwar khasnya dalam melihat masa hadapan politik negara. Moga-moga buku kecil ini sedikit sebanyak boleh mengingatkan Anwar bahawa dirinya memang menjadi perhatian dan sorotan umum. Kita harap Anwar akan menyemak dirinya, memperbetulkan semula kiblat perjuangan dan paling penting memperbaharui semula nawaitu perjuangannya.” - Anwar Ibrahim Mimpi & Realiti, Tinta Merah 1990.*

Demikian luah dan ilusi saya terhadap Anwar ketika itu yang sebenarnya amat pedih untuk dihemburkan gelombang perasaan itu. Tetapi atas nawaitu yang hanya Allah sahaja

## PRAKATA

mengetahui, saya terpaksa juga melayangkannya walaupun ia merupakan lahar gunung berapi nan begitu pedih dan menyenakkan hati Anwar dan para penyokongnya ketika itu.

Dan hari ini mungkin sayalah orang yang boleh merasakan gembira dan bangga dengan apa yang berlaku ke atas Anwar. Walaupun keimbangan yang saya rasakan itu tetap juga berlaku, tetapi Anwar tidak sempat menyimpang jauh dari landasan perjuangan. Ia masih kental dan konsisten dengan falsafah, dan juga nawaitu perjuangannya. Dalam keterlupaan, situasi kegentingan dan ada kalanya benar-benar mencabarnya, rupanya Anwar masih berpegang kepada paksi jihadnya. Beliau benar-benar tahan uji dengan keadaan semasa, dan tidak sampai terusan larut dalam budaya dan feel Umno seratus peratus.

Agenda perjuangannya; menegak keadilan, prihatin kepada golongan *marhain*, penerapan nilai Islam serta bertegas kerana kebenaran, masih menjadi amalan pentadbirannya hari ini. Malahan dalam keadaan kita terkepong dengan “rompakan ekonomi” hari ini, beliau masih gagah dan bersemangat memperjuangkan hak-hak asasi rakyat. Tanpa segan silu beliau mengkritik kerja-kerja merompak harta rakyat dan memberi jaminan kerajaan akan tetap memberi perhatian dan kedulian yang lebih kepada rakyat bawahan.

Bertolak dari realiti itulah maka sekali lagi setelah hampir 10 tahun saya tidak menyentuh Anwar secara khusus, saya terjunkan buku ini ke laman pembaca sekalian dengan variasi dan ilusi yang berbeza. Dalam buku ini saya memberi sorotan yang berbeza sesuai dengan perubahan yang berlaku pada masa ini. Apa yang ingin saya per-sembahankan di sini ialah harapan kepada Anwar di samping membentangkan halangan-

halangan yang terpaksa dirempuhinya untuk mencapai cita-cita dan harapan bangsa – menjadi PM.

Dalam pada itu saya tetap menyakini bahawa laluan Anwar untuk menjadi PM bukan semudah yang disangka. Beliau tetap juga akan berhadapan dengan onak dan duri. Bukan semua 2.6 juta ahli Umno senang dengan Anwar dan dapat menerima dan secocok dengan segala idea dan hablunnya. Dalam jumlah itu nanti akan tampil *hero* jadian untuk berhadapan dengan Anwar.

Buat masa ini tiga tokoh yang dikira layak ataupun mempunyai kekuatan untuk mencabar Anwar. Mereka itu ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Seri Najib Razak dan Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam buku ini saya cuba mem-bentangkan hujah dan juga rasionalnya mengapa tiga orang tokoh itu dikira layak dan mempunyai kemampuan untuk memberi cabaran kepada Anwar!

Bagaimana pun dalam menilai agenda ini, kita merasakan tidak wajar bagi ahli Umno memberi tepok sorak kepada mana-mana tokoh untuk menghalang cita-cita Anwar. Apa yang ada kepada Anwar adalah sudah cukup bagi beliau muncul menjadi pemimpin. Pengalaman menjadi menteri selama 10 tahun sudah memandai baginya untuk membawa Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang gemilang. Pencapaian beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan selaku Menteri Kewangan, biarpun tidak sampai ke peringkat *excellent* tetapi setidak-tidaknya menyerlahkan keupayaannya untuk tampil sebagai seorang Menteri Kewangan yang berpotensi.

Perlantikan beliau sebagai Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia/Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), biarpun lebih dilihat sebagai satu ujian Yahudi ke atas

keimananya, namun sedikit sebanyak ia juga memberi peluang kepada Anwar mengenal mana yang baik dan mana yang buruk. Kalau selama beliau berkhidmat itu akan menemui-kannya banyak tembelang Yahudi, itu boleh dianggap sebagai pengajaran dan sempadan baginya. Tetapi dalam konteks kerajaan Dr Mahathir, perlantikan Anwar itu kita yakin diterjemahkan sebagai satu pengiktirafan sejagat kepada Anwar/Malaysia yang belum pernah diterima sebelum ini.

Bukan itu sahaja, kalau kita hormat kepada kehadiran Anwar ialah, kerana beliau satu-satu tokoh yang erat menggenggam panji-panji Islam dalam Umno yang hampir dengan jawatan itu - PM. Lagipun kita kebetulan tidak ada tokoh yang bertitle sebegitu kecuali Anwar. Peluang ini adalah peluang keemasan yang tidak akan diperolehi lagi pada masa akan datang. Memikirkan ini saya sering teringat kata-kata Tan Sri Sanusi Junid; "*Kalau tidak Anwar siapa lagi. Setidak-tidaknya Anwar pernah berjanji untuk memperjuangkan Islam*". Kata-kata Sanusi itu perlu diakui. Memang Malaysia tidak mempunyai dua tokoh seperti Anwar yang mempunyai iltizam yang tinggi terhadap agama dan bangsa untuk dua tiga akan datang!

Hari ini rakyat begitu merindui dan tidak sabar lagi untuk melihat Anwar menjadi Perdana Menteri. Rakyat sudah bersiap sedia dengan *note book* untuk mencatat perubahan-perubahan baru yang bakal dilakukan oleh Anwar. Bagi umat Islam, bangsa Melayu dan bangsa yang menyintai Malaysia sebagai negara tumpah darah, merasa terbela sebaik sahaja Anwar memijak kaki ke persada Perdana Menteri. Kehadiran pemuka seperti Anwar adalah 'penjelmaan alam' untuk setiap 100 tahun sekali. Itulah impian kita dan itulah harapan kita, semoga tidak dijadikan angin debu oleh Anwar!

#### **SIAPA PEN CABAR ANWAR?**

Akhirnya dikesempatan ini saya mengucapkan terima kasih banyak kepada semua pihak yang membantu dalam penulisan buku ini, terutamanya isteri; Naimah Haji Yaacob dan anak-anak yang cukup mengerti tentang rona-rona dan cabaran bagi seorang penulis buku politik bebas seperti saya. Saya tidak tahu bagaimana harus membayar segala kesabaran dan pengrobohan kalian semua. Kepada pembaca tercinta, terima kasih... diatas semangat dan dokongan yang ber-terusan.

Wassalam.

**MOHD SAYUTI OMAR.**

Email: [sayuti@pd.jaring.my](mailto:sayuti@pd.jaring.my)

*Wangsa Maju,  
Kuala Lumpur.*

*1 Mei, 1998.*

## KANDUNGAN

Prakata	i
1. SIAPA GANTI DR MAHATHIR?	1
2. SIAPA PEN CABAR ANWAR	19
3. MODEL PEMIMPIN ALAF BARU	33
4. TINGGALKAN ABIM TANPA TALAK	47
5. PERIBADI DAN JIHAD ANWAR	57
6. ANWAR TOKOH BERNASIB BAIK	67
7. KEPIMPINAN ANWAR TIDAK PERLU DITAKUTI	79
8. TENSKU RAZALEIGH POLITIKUS YANG MALANG	93
9. LATAR BELAKANG TENSKU RAZALEIGH	107
10. FENOMENA TENSKU RAZALEIGH DI KELANTAN	117
11. JANGAN PISANG BERBUAH DUA KALI	129

# 1

## SIAPA GANTI DR MAHATHIR?

**S**EJAK Datuk Musa Hitam (Tan Sri) meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 26 Februari 1986, persoalan siapa bakal mengganti Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri terus menghantui pemikiran para pemerhati politik. Pertanyaan itu seakan tidak pernah terjawab walaupun Dr Mahathir sendiri telah beberapa kali memberi jawaban dan penegasan bahawa pengganti beliau ialah orang nombor dua (Anwar).

Ada beberapa sebab kenapa pertanyaan itu tidak pernah ternoktah. Antaranya ialah kerana sejarah penyandang jawatan TPM di bawah Dr Mahathir itu sendiri yang memberi petunjuk kepada orang ramai. Setidak-tidaknya dua orang TPM tidak sempat mengakhiri kerier politiknya sampai ke hujung. Kalau seorang mungkin tidak menjadi satu kemasukan dan dianggap biasa, tetapi disebabkan sudah dua orang ia dikira luar biasa. Pengunduran Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba menjadikan jawatan itu seperti berhantu. Dan *phobia* hantu itu banyak dikatakan akan turut sama menimpas Datuk Seri Anwar Ibrahim?

Penegasan Dr Mahathir, bahawa pengganti beliau ialah timbalannya juga tidak dapat menyakinkan orang ramai

termasok ahli UMNO sendiri. Ini kerana orang ramai, termasuk ahli-ahli UMNO sukar untuk membaca fikiran politik Dr Mahathir. Stail kepimpinan Mahathir menyebabkan orang kabur untuk menebak ke mana hujung jatuhnya kata-kata beliau yang kadang kala berbelit-belit. Kata-kata Mahathir boleh ditafsirkan berbagai, dan ada kalanya hakikat kata-kata itu jauh menyimpang dari rasional orang ramai.

Banyak tindakan, keputusan dan kesimpulan Dr Mahathir tidak tersaul dek akal atau diluar pemikiran umum. Baik keputusan dalam kerajaan maupun dalam parti. Sama ada keputusan dan tindakan itu merupakan satu pembaharuan dan pemecahan tradisi, tetapi yang jelasnya ia merupakan satu keganjilan akal Perdana Menteri ke empat itu.

Selain itu sikap berani dan keras kepala Dr Mahathir juga menyebabkan orang ramai susah untuk menilai hati budinya. Beliau seorang yang sangat yakin dengan diri sendiri dan jarang menerima kritikan ataupun nasihat. Sekiranya beliau yakin dengan keputusannya, beliau akan laksanakan meskipun mengundang banyak risiko. Beliau tidak menimbang dan mempedulikan masalah yang bakal dihadapi oleh orang lain, yang penting beliau merasa puas dengan tindakannya.

Banyak contoh dalam hal ini, seperti isu pindaan perlembagaan tahun 1993 yang membabitkan Raja-Raja Melayu. Begitu juga dengan keghairahannya melaksanakan projek mega, semuanya dibuat atas pertimbangan akal beliau semata-mata. Pembaharuan dan perubahan mengenai dasar dan polisi kerajaan juga kebanyakan beliau buat mengikut idea dan kehendaknya tanpa menerima nasihat pakar-pakar rujuk dalam bidang berkenaan. Kerana kedegilan itulah menyebabkan negara menghadapi kemelesetan ekonomi dan

menanggung banyak kerugian.

Dalam pentadbiran Umno, beliau telah membuat macam-macam peraturan yang aneh dengan berselidung disebalik sepotong ayat kononnya untuk menstabilkan kedudukan Umno. Sesetengah ahli Umno kurang bersetuju dengan perubahan itu kerana ia jelas bertentangan dengan asas perjuangan Umno dan juga ada kalanya kemiripan untuk mencabuli perlembagaan Umno. Kadang kalanya tindakan beliau terlalu liberal sehingga menimbulkan kegeruan kepada ahli-ahli Umno sendiri. Contohnya tindakan membuka keahlian Umno kepada kaum Bumiputera, seperti Thai dan Bumiputera Sabah.

Peraturan dan ‘undang-undang’ baru yang dikuatkuasakan ialah nasihat agar mana-mana ahli Majlis Tertinggi (MT) sama ada yang memegang jawatan Ketua Bahagian atau tidak dilarang daripada mencabar ataupun dicabar. Pada mulanya arahan itu berupakan nasihat, tetapi akhirnya bertukar menjadi arahan. Peraturan terbaru itu tidak disenangi oleh ahli Umno kerana mereka berpendapat ia menyekat kebebasan bersuara dan pemilihan didalam Umno. Gara-gara arahan itu ramai yang bercadang untuk bertanding terpaksa membatalkan niat. Tentunya tindakan Dr Mahathir itu ada motifnya. Ia mungkin untuk mengukuhkan kedudukannya, kerana ramai di kalangan ahli MT terdiri daripada mereka yang berada di pihaknya, seperti Datuk Annuar Musa, Datuk Paduka Zaleha Ismail, Datuk Drs Sulaiman Mohamed dan lain-lain.

Bukan itu saja, banyak lagi keanehan dan ‘pembaharuan’ yang dilakukan oleh Dr Mahathir. Dalam soal perlantikan ke jawatan kabinet pula, Dr Mahathir melanggar banyak tradisi dalam Umno. Beliaulah yang telah memulakan tradisi bahawa

perlantikan Menteri Besar tidak semestinya dari kalangan Ketua Bahagian atau penyandang jawatan penting dalam parti. Sesiapa boleh dilantik asalkan ia memenuhi kriteria menurut hemahnya. Ini berlaku ke atas Tan Sri Sanusi Junid. Biarpun bekas Menteri Pertanian itu kalah dalam perebutan Ketua Bahagian Langkawi dan hanya memegang jawatan ketua Cawangan, Sanusi tetap dilantik sebagai Menteri Besar Kedah. Protes oleh 22 ahli Dewan Undangan Negeri Kedah terhadap cadangan Dr Mahathir itu langsung tidak dihiraukannya.

Sementara Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pula tidak diberi apa-apa jawatan. Begitu juga dengan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, hanya dikekalkan sebagai Timbalan Menteri. Anehnya mereka yang kalah dikekalkan jawatan seperti Annuar dan Rafidah. Zahid Hamidi sudah kempunan untuk menjadi menteri dan bersedia menjadi "cina buta" kepada setiap kenyataan dan resolusi politik Mahathir, sebaliknya timbalannya Datuk Hishamuddin Hussein yang dinaikan pangkat dari Setiausaha Parlimen ke Timbalan Menteri.

Keprihatinan Dr Mahathir kepada Hishamuddin itu diterjemahkan betapa 'benci' nya Dr Mahathir terhadap Zahid. Dr Mahathir dikatakan seorang yang sensitif dan tidak mudah untuk memaafkan orang yang menyenggung hatinya. Tingkah laku Zahid sewaktu berkempen untuk melonjakkan Anwar tahun 1987 dulu dikatakan tidak berapa disukai oleh Dr Mahathir. Dr Mahathir tersinggung apabila "tokoh harapannya" Tan Sri Rahim Tamby Chik tewas dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Kalau dianalisis dan dihalusi perubahan dan ‘reformasi pentadbiran’ yang dilaksanakan Dr Mahathir itu bertujuan untuk mengukuhkan kedudukannya daripada tujuan yang disebutkan. Rata-rata peraturan itu, seperti undi bonos untuk calon Presiden dan Timbalan Presiden, larangan MT dicabar dan mencabar, tidak ada pertandingan untuk Presiden dan Timbalan serta pindaan perlombagaan Umno adalah sebagai proses ke arah menyelamat dan menambah imuniti Presiden. Bijaknya Dr Mahathir beliau berselindung di sebalik ‘topeng carit’ untuk menjaga keutuhan parti.

Begitulah realiti dan kenyataan yang berlaku pada zaman Dr Mahathir. Ia jauh berbeza dengan apa yang berlaku sebelum ini. Ada kalanya sesuatu tindakan dan keputusan itu begitu kontras dengan semangat parti yang menjadi resminya sebelum ini. Peta politik Umno di zaman Dr Mahathir terlalu abstrek dan sukar untuk memastikan sempadan dan simbol-simbolnya.

Oleh kerana reformasi dan tindakan-tindakan pembaharuan yang tergelecah dari landasan kebiasaanlah menyebabkan sukar untuk kita meramalkan politik Dr Mahathir. Dr Mahathir suka bertindak sendiri dan tidak mudah untuk berkongsi fikiran dan menerima pendapat orang lain. Dalam urusan pentadbiran baik parti dan kerajaan, beliau lebih suka bertindak sendiri dengan menggunakan kuasa veto selaku Presiden dan prerogatif sebagai Perdana Menteri.

Mungkin beliau mempunyai alasan dan keyakinan sendiri kenapa beliau berbuat demikian. Sebagai seorang yang mempunyai keyakinan dan kepercayaan diri sendiri yang kuat, amalan itu tidak menghairrankan. Ia ditambah lagi oleh sikap beliau yang pantas berfikir dan bijak bertindak, tidak suka kalau sesuatu rancangannya lambat apa lagi tergendala. Dr Mahathir

Mahathir tidak suka kalau sesuatu itu lambat, dan beliau bersedia mencabar tradisi jika perlu.

Birokrasi dalam sesbuah pertubuhan dan kerajaan memang banyak. Apa lagi dalam organisasi besar seperti Umno. Sesuatu keputusan, perubahan dan juga pembaharuan yang hendak dibuat ia terlebih dahulu memerlukan kelulusan ahli. Manakala untuk mendapatkan kelulusan itu sesuatu yang bukan mudah dan cepat. Suasana ini amat tidak digemari oleh Dr Mahathir. Justeru itu sebagai jalan mudah, beliau terpaksa tanpa segan silu menggunakan kuasa veto yang diberikan kepadanya untuk bertindak.

Tetapi apa yang menjadi masalahnya Dr Mahathir terlalu banyak menggunakan kuasa veto, dan kurang menerima pakai pandangan ahli. Keadaan inilah memperlihatkan beliau sebagai seorang diktator dan suka membuat keputusan sendiri.

Dari sudut pandangan Islam sikap Dr Mahathir itu amat bertentangan. Islam mengajak manusia supaya bermesyuarah dalam membuat sesuatu keputusan penting. Islam tidak memberi kuasa veto kepada seseorang pemimpin kerana ia (Islam) sudah maklum bahawa manusia itu tidak sempurna dan penuh dengan kecacatan dan terdedah kepada kesilapan. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri walaupun telah dijamin sebagai maksum, tetap mengadakan perbincangan serta menerima pandangan dari sahabat apabila ingin membuat sesuatu keputusan penting. Apa yang berlaku dalam peperangan Uhud membuktikan bahawa Baginda lebih mementingkan syura daripada pendapat beliau sendiri. Dalam peperangan ini Baginda meminta tentera Islam berselindung di Kota Madinah, tetapi permintaan itu dibantah oleh pemuda yang mahu pasukan Islam menyerang musuh. Natijahnya ramai pahlawan Islam yang terkorban di dalam peperangan

itu.

Sikap Dr Mahathir ini bukan baru sebaliknya sudah lama diamalkan. Kerana beliau mengamalkan stail dan budaya demikianlah maka beliau kurang disenangi oleh ahli Umno. Bekas Ketua Pemuda Umno yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris pernah mengkritik Dr Mahathir. Katanya;

*"Hinggakan di peringkat parti sendiri, terdapat perasaan yang kuat bahawa ia dikuasai oleh hanya satu orang. Secara terus-terang, saya tidak berapa senang melihat apa yang berlaku sekarang ini. Saya rasa beliau (Mahathir) akan menjadi diktator kerana hampir semua perkara yang telah dilaksanakannya tidak pernah dibawa berunding dalam parti, tiada perbincangan dalam jawatankuasa politik, apatah lagi dalam Majlis Tertinggi." - Razaleigh - Cita-cita dan Perjuangan, Muka Surat 201.*

Kritikan Harun Idris itu tidak disenangi oleh Dr Mahathir. Dr Mahathir seorang yang tidak suka pada kritikan, apa lagi kalau sesuatu tindakan itu dibuat atas bidang kuasa yang ada padanya. Dalam Perhimpunan Agung Umno, beliau telah menyindir Harun Idris orang yang tidak mengenang budi dengan membawa kisah pemburu yang membantu membuang duri yang terlekat di kaki seekor singa tua.

Corak dan bentuk pentadbiran Dr Mahathir itulah menjadikan pemikiran umum bercelaru. Orang menjadi sangsi terhadap setiap *prediction* yang dibuatnya kerana ia boleh berubah-rubah dari satu masa ke semasa. Begitu juga dengan keyakinan orang ramai terhadap janjinya bahawa selepas

beliau ialah Anwar akan jadi Perdana Menteri. Jaminan-jaminan itu tidak akan menenangkan gelora dan spekulasi siapa selepas beliau. Apa lagi jaminan-jaminan itu biasanya dikeluarkan selepas timbul isu yang membabitkan beliau dengan Anwar, seperti desas desus mengatakan hubungan keduanya retak.

Contohnya bila ada khabar angin ataupun laporan media asing tentang ‘ketidaklendikan’ hubungan beliau dengan Anwar, beliau akan membuat penegasan bahawa Anwar tetap menjadi Perdana Menteri. Untuk kesekian kalinya dalam perhimpunan agung Umno tahun 1997, beliau sekali lagi mengulangi pendiriannya dengan berkata; “*Dia (Anwar) masih menjadi timbalan saya dan bakal pengganti saya.*” - Utusan Malaysia 7 September, 1997.

Anwar sendiri dirasakan tidak yakin seratus peratus bahawa dia akan mengganti Dr Mahathir Mohamad. Beliau sendiri masih menyelami maknawi yang tertanam di jiwa Dr Mahathir dan tertanya-tanya jujurkan penulis buku *Malay Dilemma* itu terhadapnya. Kalau Musa dan Ghafar boleh ‘dikecewakan’, bagaimana pula dengan Anwar? Apakah istimewanya beliau berbanding dengan Musa dan Ghafar? Sedangkan Anwar sangat maklum dengan sifat dan *politiking* Dr Mahathir yang tidak akan menyelamatkan kawan yang terjempit sekiranya beliau tidak lagi berhadapan dengan bahaya! Oleh sebab itu sesiapa pun tidak boleh mentauhidkan yang Anwar akan menjadi PM Malaysia ke lima.

Hari ini cuma teori **RAHMAN** sahaja, yang menunjukkan bahawa selepas M ialah A. – selepas Mahathir ialah Anwar. Lain-lain teori atau akronim, tidak menunjukkan demikian. Kalau teori itu benar maka boleh berlapang dadalah Anwar. Tetapi dalam pada itu beliau juga perlu waspada, selain beliau

yang namanya bermula dengan huruf A, ada seorang tokoh lagi yang bermula dengan huruf A, iaitu Abdullah Ahmad Badawi.

Lantaran itu Anwar sangat berhati-hati dalam menapak ke depan. Beliau tampaknya begitu cermat dalam bertindak agar tidak menimbulkan kemarahan Dr Mahathir. Beliau khabarnya sering kali menasihati para penyokongnya agar tidak melampau dan bersabar dalam menanti saat penobatannya sebagai Perdana Menteri. Kenyataan-kenyataan berhubung dengan dasar kerajaan dan parti yang beliau keluarkan juga begitu berhati-hati agar tidak menyinggung hati Dr Mahathir. Adakalanya Anwar akur dengan kehendak Dr Mahathir walaupun jiwanya memberontak dan ia bertentangan dengan nalurinya.

Ini dapat dirasai — sebagai seorang pejuang dan pemimpin yang suka berterus terang, tegas dan komited dengan idealisme perjuangan, Anwar tidak suka menyembunyikan rasa isi hatinya. Beliau akan berterus terang dan bersikap telus. Tetapi hari ini beliau kelihatan lebih *cool* dan bersikap *low profail*. Dalam aspek-aspek tertentu Anwar telah mlarutkan dirinya dengan wawasan Dr Mahathir, terutama mengenai perspektif terhadap agama. Ketika timbul isu pembatalan konsert KRU Mania, penangkapan ratu cantik dan tragedi gadis Melayu murtad, Anwar seolah-olah memejamkan matanya daripada ikut sama mengambil bahagian. Padahal kalau sebelum ini isu-isu demikian akan ditangani dan didominasi dengan serius.

Justeru kerana demikian kroniknya politik Dr Mahathir maka jawatan TPM itu terus menjadi persoalan dan terus menghantui setiap pemimpin besar Umno. Sesiapa yang merasakan dia layak dan berhajat untuk menjadi PM, boleh

memasang angan-angan untuk memimpikan kerusi keramat itu sebagai kepunyaannya. Pengganti Dr Mahathir masih belum muktamad!

Senario ini bukan saja di luar Umno, malahan dalam Umno juga mengakui bahawa bakal pengganti Dr Mahathir sebenarnya masih menjadi teka teki. Tidak ada siapa yang berani untuk mengatakan Perdana Menteri ke 5, adalah hak mutlak Anwar. Apa lagi mereka yang tidak mahu melihat Anwar menjadi Perdana Menteri ke 5, cepat-cepat menafikan perkara ini dan memperendah-rendahkan keupayaan dan kemampuan bekas pemimpin Abim itu. Mereka cepat-cepat akan membentangkan sejuta kelemahan Anwar termasuk kelemahan-kelemahan yang direkacipta. Tidak cukup dengan hujah akal, mereka tambah dengan pelbagai fitnah bagi mengurangkan keyakinan orang ramai.

Penyebaran surat layang sebanyak 30 muka surat yang memfitnahkan Anwar, kononnya mempunyai skandal dengan isteri orang dan melakukan homosex menjelang perhimpunan agung tahun lepas, adalah salah satu daripada agenda golongan yang tidak mahu beliau naik. Fitnah itu adalah satu perbuatan yang cukup kejam dan tidak bermoral. Anwar sendiri menyifatkan, ia usaha yang cukup serius untuk menjatuhkan dan memalukannya.

Ketika berucap menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno tahun 1997 Anwar berkata; "*Sebenarnya surat layang bukan perkara baru. Bertubi-tubi. macam-macam judul ada. Tapi kali ini nampak lebih sangat sebab itu saya buat laporan polis pada 15 Ogos lalu.*" - Utusan Malaysia 7 September, 1997. Anwar lalu menyindir mereka yang berbuat buruk padanya dengan tiga rangkap pantun;

*Akar nibung meresap,  
Akar mati dalam perahu;  
Terbakar kampung kelihatan asap,  
Terbakar hati siapa yang tahu.*

*Dari Bentan ke Tanjung Kandis,  
Ramai pengembara bermain pakau;  
Lagiberhadapan nampaknya manis,  
Dalam sembunyi menanam ranjau.*

*Bunga Kemuting di dalam pagar,  
Kembang mewangi semerbak sunyi;  
Dengan helah pencak pendekar,  
Tak kan tergugat pahlawan sejati.*

Ahmad Lufti Othman penulis buku politik produktif menyifatkan penyebaran surat layang itu sebagai satu konspirasi untuk menjatuhkan Anwar menerusi buku berjudul; **Anwar Terjerat**.

Sebelum kemasukan semula Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam Umno, soal siapa ganti Dr Mahathir agak reda sedikit. Tidak ada tokoh-tokoh tertentu dalam Umno yang ditonjolkan untuk menyaingi Anwar. Walaupun masih ada tokoh-tokoh lain seperti Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Daim Zainuddin, tetapi nama-nama ini tidak begitu melambung kerana ia tidak setanding dengan Anwar.

Tetapi apabila Tengku Razaleig Hamzah menyertai Umno, tiba-tiba saja nama beliau dikemundangkan sebagai pengganti Dr Mahathir. Lagu sumbang itu sedikit sebanyak menganggu ketenangan Anwar. Pasaran nama Anwar tiba-tiba tergugat dengan kemasukan Tengku Razaleigh, setidak-

tidak calon tunggal PM itu sudah ada saingan.

Para bekas ahli Semangat 46 mula riuh randah mencanangkan agenda itu. Malahan mereka membisikkan kepada umum penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno ialah diatas permintaan Dr Mahathir supaya menggantinya. Untuk melogikkan ‘modal angin’ ini mereka mula membuat berbagai spekulasi dan memperlekehkan Anwar.

Menjelang perhimpunan agung Umno tahun lepas para broker yang berkerja di pihak Tengku Razaleigh giat menjalankan aktiviti menyebarkan fitnah ke atas Anwar. Mereka mengeksploitasi kejatuhan nilai ringgit dan kemelesetan ekonomi yang mengancam negara hari ini, disebabkan kegagalan Anwar sebagai Menteri Kewangan. Sejajar itu mereka menghebuhan ekonomi dan nilai ringgit akan naik ‘berdecun’ sekiranya Tengku Razaleigh kembali memegang Menteri Kewangan.

Kemuncak kepada permainan golongan frustasi itu ialah, mereka menyebarkan berita kononnya Anwar akan mengumumkan perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di hari akhir perhimpunan agung Umno. Mereka mendakwa Dr Mahathir mahukan Anwar berbuat demikian. Walaupun itu merupakan *political gimmick* tetapi ada juga penyokong Anwar yang menjadi lemah longlai – bimbang takut-takut kenyataan itu menjadi benar.

Laluan yang diberikan oleh Dr Mahathir kepada Tengku Razaleigh supaya memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Gua Musang, memberi modal baru kepada puak-puak itu. Kononnya titik mula untuk Tengku Razaleigh menguak lebih jauh sudah bermula. Puak-puak itu menjadikan pemberian jawatan itu sebagai permulaan untuk Dr Mahathir merestui

Tengku Razaleigh.

Akhir-akhir ini terdengar pula cerita kononnya peluang untuk Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri semakin cerah. Para penyokongnya telah menyebarluaskan berita kononnya Dr Mahathir terhutang budi kepada Tengku Razaleigh yang berjaya memujuk Sultan Brunei untuk membantu mengatasi masalah ekonomi Malaysia. Sultan Brunei juga dikatakan telah bermurah hati membantu meringankan beban hutang anak Mahathir, Mirzan yang berada di amabng bankrups. Dikatakan sebagai cagaran diatas pertolongan itu salah satu daripada dua bangunan berkembar KLCC telah digadaikan kepada Sultan Brunei. Bagaimana pun khabar angin ini telah dinafikan oleh kerajaan di Dewan Rakyat.

Untuk melazatkan lagi cerita, dikatakan Sultan Brunei meminta jaminan daripada Mirzan supaya memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh dalam pertandingan merebut jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno pada tahun hadapan, dimana Tengku Razaleigh akan berhadapan dengan Anwar.

Begitulah hebatnya peranan para broker yang anti Anwar menjalankan aktiviti sosial mereka menyebarluaskan fitnah memburukkan Anwar. Mereka menyerang Anwar habis-habisan dan sesuatu yang malang kepada Anwar, beliau tidak mempunyai *skuad* pencacai untuk membelaanya. Anwar tidak mempunyai pasukan "kedai kopi" atau "skuad coffee house" untuk menjual kehebatannya dan sekaligus menjadi pembersihan kepada fitnah-fitnah yang dilemparkan kepadanya. Adalah baik kalau Anwar juga merestui golongan pencacai ini menjadi pembelanya di warung-warung kopi dan *lobby-lobby* hotel. Anwar harus akui peranan para peraih politik sedikit sebanyak memberi manfaat, walaupun

profesyen ini tidak diiktiraf sebagai aktiviti yang profesional.

Dalam kekacauan itu nama saya juga turut sama diseret, kononnya saya sedang menulis buku berkaitan dengan skandal sex Anwar. Saya benar-benar terkejut apabila YB Ruhanie Ahmad, Presiden Kelab Penyokong Kerajaan, menghampiri saya sewaktu Perhimpunan Agung tahun lepas dan bertanya mengenai desas desus dan penyebaran surat layang.

*"Ti abang nak tahu, abang dengar Ti sedang buat buku hendak belasah, Pak Shekh, janganlah, Ti.."* tanya Run serius.

*"Di mana abang dengar ni semua? Tak betul... saya tak buat buku tahun ni. Itu cerita tak betul, jangan kaitkan nama saya dengan apa yang berlaku ke atas Datuk Seri Anwar."* Terang saya.

*"Kalau begitu, terima kasih, Ti. Abang dengar aje banyak orang cakap! Tolonglah, Pak Sheikh terjempit sekarang ini, kesian kat dia, dia kena fitnah!"* Run seperti merayu.

*"Abang cakaplah pada Anwar, saya simpati kepadanya. Saya akan cuba membelanya kerana fitnah itu sudah me-lampau. Abang cakaplah..."* kata saya melegakan hati Run.

Pada hari itu juga Datuk Ibrahim Ali berjumpa dengan saya dan menanyakan hal yang sama. Seperti yang saya jelaskan kepada Ruhanie Ahmad, saya memberi tahu, Ibrahim Ali, bahawa khabar-khabar angin itu dusta semata. Tahun lepas saya memang tidak menulis sebuah buku pun. Hairan juga macam mana nama saya boleh dikaitkan. Sebenarnya bukan setakat itu saja, semasa pemilihan Umno tahun 1990,

saya disurat layangkan keroncongnya mendapat upah dari Sanusi Junid sebanyak RM100,000 dan Abdullah Ahmad Badawi RM100,000. Tetapi saya tidak kisah kerana cukup faham dengan dunia politik.

Orang yang memfitnahkan Anwar itu merupakan mereka yang kecewa dalam Umno dan mula membuat onar selepas gagal untuk menafikan ketulinan Umno menerusi pilihan-raya. Cara baru mereka untuk menghuru-hara Umno ialah dengan cuba menimbulkan isu baru dalam Umno.

Golongan inilah yang berpakaat dengan puak-puak yang kurang senang dengan sikap tegas Anwar dalam pentadbiran parti dan kerajaan. Puak ini sebenarnya takut dan merasa terancam jika Anwar menjadi Perdana Menteri kelak. Kerana mereka cukup faham Anwar tidak akan berkompromi dengan mereka yang membuat dosa dan melakukan jenayah terhadap negara. Sekiranya Anwar naik, sudah pasti mereka akan diadili semula.

Bukan hendak nafikan ketokohan yang ada kepada lain-lain tokoh khasnya Tengku Razaleigh. Bekas Menteri Kewangan itu memang berkelayakan menjadi pengganti Dr Mahathir, dan kalau mengikut rantai perjuangan Umno, jawatan PM ialah hak Tengku Razaleigh. Tetapi dalam soal ini apa yang harus diinsafi, Allah s.w.t. lebih berkuasa dari segala-galanya. Allah lebih tahu dalam mengantur sesuatu dan apa yang bakal terjadi pada hari esok, lusa dan seterusnya. Betapa pun Tengku Razaleigh memenuhi syarat-syarat mengikut kriteria politik, tetapi kalau Tuhan tidak izinkan, ia tidak akan menjadi.

Tengku Razaleigh patut menjadi Timbalan Perdana Menteri sejak tahun 1986 lagi. Dan peluang terbaik yang sepatutnya beliau menjadi TPM ialah pada tahun 1988. Tetapi

kerana beliau terlalu gopoh, tidak dapat menerima hakikat serta tidak sabar, peluang keemasan itu berlalu begitu sahaja dan dipenuhi oleh orang lain. Itulah kesilapan yang dilakukan oleh Tengku Razaleigh!

Bayangkan kalau beliau tidak gopoh dan tidak lekas merajuk apabila Dr Mahatahir melantik Musa Hitam jadi TPM, sudah tentu, apabila Musa berundur diri kerana tidak tahan dengan kerenah dan corak pentadbiran Mahathir, Tengku Razaleighlah yang akan menjadi TPM. Tidak ada tokoh lain yang lebih layak ketika itu melainkan anak Raja itu, sedangkan Anwar sendiri pada masa itu masih berpangkat Sarjan dalam Umno. Tetapi kerana Tengku Razaleigh gopoh, maka tempat itu dipenuhi oleh Ghafar, orang yang tidak termasuk dalam senarai untuk menduduki Timbalan Perdana Menteri. Kesempatan yang diperolehi Ghafar itu kerana berkat kesabaran yang ada kepadanya.

Begitu juga kalau Tengku Razaleigh bijak dan pandai membaca sifir politik, dalam tahun 1987 beliau tidak seharusnya bertanding menentang Dr Mahathir, sebaliknya bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden untuk kali ketiga, berhadapan dengan Ghafar. Sekiranya beliau berhadapan dengan Ghafar kemungkinan beliau akan menang jawatan itu. Dan yang hampir pasti kemenangan itu membolehkan beliau akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Kekecewaan Tengku Razaleigh ialah disebabkan kekhilafan beliau sendiri. Kesilapan paling besar yang beliau lakukan ialah menentang Dr Mahathir untuk jawatan Presiden Umno. Tentangannya kepada Musa pada tahun 1981 dan 1984, dikira masih boleh dimaafi, tetapi apabila beliau sudah ‘bermandi darah’ dengan Dr Mahathir beliau dianggap sebagai

tidak bi-jak lagi. Perlawanannya dengan Dr Mahathir dicap sebagai kerana dendam dan bukan atas desakan politik.

Banyak orang menyifatkan perlawaan itu kerana kemarahan Tengku Razaleigh kepada Dr Mahathir. Tentangan itu menunjukkan bahawa Tengku Razaleigh sebagai anak Raja tidak mudah tunduk kepada keputusan umum dan beliau tetap berdegil dengan kehendaknya sendiri. Tengku Razaleigh masih merasakan beliau perlu diutama dan dimuliakan. Perangai ini adalah sangat tidak baik, kerana perjuangan menuntut kesabaran, bijaksana dan berhemah, bukannya marah tidak tentu pasal.

Berbalik kepada persoalan asal, seperti dikatakan tadi kerusi Perdana Menteri masih terbuka. Ia tetap terbuka selagi tidak ada orang yang mengangkat sumpah untuk mendudukinya. Dalam pencaturan hari ini Tengku Razaleigh masih berpeluang untuk merebutnya. Kelonggoran kata-kata Dr Mahathir serta amalannya yang tidak menurut tradisi di dalam Umno menyebabkan peluang untuk sesiapa menjadi Perdana Menteri masih ada. Kerusi Perdana Menteri terbuka untuk dijadikan rebutan. Siapa bakal mengganti Dr Mahathir Mohamad masih diselubungi kemesterian yang hitam. Bagaimana pun peluang Anwar adalah lebih cerah berbanding dengan tokoh-tokoh lain.



*Datuk Seri Anwar menanti peralihan kuasa dengan penuh kesabaran dan bijaksana  
Pengakuan Dr Mahathir bahawa penggantinya Anwar, tidak perlu dipertikaikan.*

## 2

### SIAPA PENCABAR ANWAR?

**J**AWATAN Timbalan Perdana Menteri mempunyai sejarah yang tersendiri. Sepanjang kewujudan jawatan itu ianya telah dijabat oleh tujuh orang pemimpin. Mereka ialah Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan sekarang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Diantara tujuh orang Timbalan Perdana Menteri itu, (kecuali Anwar) tiga sahaja yang dapat menjadi Perdana Menteri. Mereka ialah Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir. Tiga orang lagi Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba tidak sempat menjadi Perdana Menteri. Dr Ismail meninggal dunia awal, sebelum Tun Razak kembali ke rahmatullah. Manakala Musa Hitam, berhenti kerana tidak sebulu atau bersetuju dengan corak pentadbiran Dr Mahathir, dan Ghafar berhenti secara paksaan apabila arus perubahan melanda di dalam Umno yang mahu jawatan itu dipegang oleh bakal “mujadid politik Melayu abad ke 21” – Anwar Ibrahim pada tahun 1996.

Melihat kepada sejarah dan perkembangan jawatan itu,

ia merupakan satu jawatan yang menjadi rebutan ramai. Kedudukannya sebagai tempat nombor dua dalam hirarki kepimpinan negara menjadikan ia satu singgahsana sakti untuk membolehkan seseorang itu dinobat sebagai Perdana Menteri. Lantaran itu ia sentiasa panas, dan penyadangnya - Tengku Mahkota selalu berada dalam keadaan rimas dan resah gelisah.

Sementara itu penyadang jawatan itu juga harus mempertahankan kedudukannya itu, bukan sahaja untuk mempastikan mereka dapat menjadi PM, sebaliknya untuk menjaga maruah. Sekiranya mereka dipaksa berundur dari jawatan itu, ia menggambarkan bahawa maruah dan kredibilitinya tidak hebat lagi. Apa yang berlaku ke atas Ghafar Baba adalah sebagai contoh, gara-gara pengundurannya secara paksaan menyebabkan orang menilai Ghafar sudah tidak bermaruah lagi.

Atas sifat kedudukan jawatan itu penting dan pintu cabarannya terbuka luas, maka tidak mustahil jawatan Timbalan Presiden Umno yang disandang oleh Anwar hari ini akan dicabar. Dalam erti kata lain jawatan itu bakal menjadi perebutan hebat di kalangan tokoh-tokoh Umno yang merasakan diri mereka layak dan berhak untuk mendudukinya. Dengan sikap ahli Umno hari ini yang menjadi pangkat dan kedudukan sebagai matlamat menyebabkan pertandingan jawatan itu tidak mungkin dapat dielakkan lagi.

Budaya cabar mencabar dan perebutan jawatan Presiden itu bermula secara serius dalam tahun 1984, apa bila ianya dimulakan oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang mencabar Datuk Musa Hitam yang menduduki jawatan itu selepas keduanya berentap dalam perhimpunan agung dua tahun sebelum itu – 1981.

Pertarungan sengit itu telah membawa kepada per-

tandingan pada pemilihan seterusnya iaitu pada tahun 1977. Kali ini Ghafar Baba pula mencabar Musa Hitam. Cabaran Ghafar itu adalah untuk membersihkan sisa-sisa semangat Musa Hitam dalam Umno selepas bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkrisis dengan Dr Mahathir.

Pada tahun 1993 arus perubahan yang dipelupori oleh angkatan muda melanda Umno. Arus itu memaksa seorang Naib Presiden yang sangat popular, iaitu Anwar Ibrahim supaya menentang Ghafar Baba. Desakan itu dibuat atas alasan untuk perubahan dinamik demi masa depan Umno. Bagaimana pun ia tidak sempat berlaku apabila Ghafar yang menyedari kedudukannya sudah goyang mengambil keputusan menarik diri dari bertanding dan memberi kemenangan percuma kepada Anwar.

Sejak dari tahun 1981 hingga tahun 1993, jawatan itu tidak sunyi dari menjadi rebutan dan idaman tokoh-tokoh Umno. Melihat kepada fenomena itulah, maka tidak mustahil kalau cabaran untuk jawatan itu akan berlaku sekali lagi pada pemilihan akan datang yang dijangka pada tahun 1999? Walaupun persefahaman telah dibuat tahun 1996 tidak ada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, tetapi harus diingat persefahaman itu bukan satu arahan yang konkret dan bertulis. Persefahaman itu mungkin setelah pihak tertentu menyedari bahawa arus pembaharuan yang wujud ketika itu membahayakan sama diri mereka.

Jika berlaku pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden jelas menunjukkan Dr Mahathir tidak ikhlas dengan kata-katanya, bahawa selepas dia adalah Anwar. Sekiranya Dr Mahathir ikhlas dia boleh menghalang cabaran tersebut?

Tetapi yang paling menggemparkan nanti ialah siapakah tokoh yang bakal mencabar bekas Presiden Abim itu? Sebab

sesiapa yang menawarkan diri mencabar Anwar samalah dengan lembu menghulurkan leher kepada tukang sembelih. Sebagai Timbalan Presiden Umno dan juga dengan kedudukan selaku Timbalan Perdana Menteri, Anwar berada dalam keadaan cukup kuat. Beliau sudah mempunyai pengaruh yang berakar umbi dalam Umno. Kedudukan Anwar hari ini sungguh kuat dan teguh. *Anwarisme* sudah menguasai seluruh setiap sendi dalam lapisan umat Umno. Sikap *friendly* Anwar yang sentiasa membuka pintu rumahnya dan mengadakan usrah dan mengamalkan sembahyang berjemaah di rumahnya menjadikan Anwar akrab dengan ahli-ahli Umno disemua peringkat.

Sokongan kepadanya juga datang dari luar Umno. Para pegawai kerajaan, akademis, rakyat bawahan menunjukkan kecenderungan menyokong beliau. Mereka ini tertarik dengan landasan dan wawasan yang diperjuangkan oleh Anwar. Ini tidak hairan kerana sebahagian besar para pemimpin golongan profesional itu merupakan mereka yang pernah duduk sebaris dengan Anwar dalam perjuangan dan juga sedarjah dengan Anwar semasa di Maktab Melayu Kuala Kangsar dan di kampus.

Malahan parti Pas yang menjadi musuh tradisi Umno sendiri menunjukkan kesediaan mereka untuk menerima Anwar. Pas merasakan mereka senang untuk membuat kira bicara dengan Anwar berbanding dengan Dr Mahathir. Hubungan baik diantara Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dengan Anwar telah mewujudkan suasana mesra diantara kedua pihak ini. Sudah lebih daripada sekali Fadzil Noor hadir pada majlis yang melibatkan Anwar sebagai *hostnya*.

Kemurahan Anwar untuk meluluskan peruntukan di Kelantan juga menjadi sebab Pas condong dan simpati kepada

Anwar. Hubungan baik diantara kerajaan negeri dengan Pusat yang terjalin hari ini sedikit sebanyak kerana sikap terbuka yang ditunjukkan oleh Anwar.

Kekuatan pengaruh peribadi Anwar itu ditambah lagi dengan kedua sayap kiri dan kanan Umno – Pemuda dan Wanita pada masa ini merupakan mereka yang mengagumi kepimpinan Anwar. Walaupun program-program pemuda kelihatan berjauhan dengan Anwar, tetapi hakikat bahawa akidah perjuangannya sama dengan Anwar tidak dapat dinafikan. Ada kalanya aspirasi Zahid bersambungan dengan aspirasi Anwar tetapi dalam nada berlainan. Kelainan itu satu taktik Zahid untuk tidak mengecilkan hati Dr Mahathir. Begitu juga dengan Siti Zaharah, selaku Ketua Pergerakan Wanita. Timbalan Menteri Kesihatan ini tidak lagi mengharapkan kepada Dr Mahathir untuk kenaikan pangkat kecuali apabila Anwar menjadi Perdana Menteri nanti. Kekalahan Rafidah ditangan Zaharah sangat disukai oleh Anwar kerana kekalahan itu telah mengurangkan sedikit tentang terhadap usaha Anwar hendak menutup aurat wanita Umno.

Sekiranya pencalonan yang diberikan kepada beliau tahun 1993 dulu diambil kira, ia menggambarkan pengaruh Anwar dalam Umno sudah menghampiri 95 peratus. Anwar mendapat pencalonan 137 Bahagian dari 145 bahagian Umno keseluruhannya berbanding dengan Ghafar yang mendapat kira-kira 7 pencalonan/Bahagian.

Ada beberapa nama yang boleh disenaraikan sebagai pencabar Anwar Ibrahim. Walaupun mereka ini tidak mempunyai pengaruh peribadi yang kuat, tetapi ada sebab-sebab tertentu kenapa mereka diwarwarkan untuk menghalang laluan Anwar. Mereka ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Seri Najib Razak, Tengku Razaleigh

Hamzah, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba.

Umum mengetahui bahawa hubungan Abdullah Badawi dengan Anwar tidak berapa akrab. Walaupun mereka datang dari satu negeri, tidak bermakna mereka mempunyai pandangan dan pegangan sama dalam politik. Dari segi senoiriti Abdullah Badawi merasakan beliau lebih layak untuk mengganti Dr Mahathir. Tetapi sekiranya Menteri Luar Negeri itu ditakdirkan menentang Anwar, bukan atas alasan beliau boleh menang, melainkan kerana beliau sudah dapat membaca nasib politiknya sesudah Anwar memimpin Umno/negara. Padanya alang-alang kalah biarlah kerana berlawan. Bagi Abdullah untuk ‘berkompromi’ dengan Anwar nampaknya sukar sedikit dan kedua pihak masih memperlihatkan ego masing-masing.

Pertelingkahan Abdullah Badawi dengan Anwar bukan merupakan perkara baru. Perbezaan pendapat mereka berlaku sejak lama dulu. Abdullah dikatakan tidak berminat dengan gelagak dan sikap *happy go lucky* yang menjadi stail Anwar. Jadi berdasarkan kepada senario itu, ada ruang dan sebab untuk Pak Lah menentang Anwar. Sewaktu Anwar menjadi Pemangku Perdana Menteri selama sebulan, Abdullah dikatakan banyak membuat kritikan dan sindiran halus kepada Anwar. Orang-orang Abdullah menyebarkan berita kononnya Anwar sudah mula syok sendiri dengan kepercayaan yang diberikan oleh Mahathir itu. Pemecatan Bendahari Pergerakan Wanita, Siti Zainab Abu Bakar dan Setiausaha Kerja, Habshah binti Othman dipertikaikan oleh orang-orang Abdullah Badawi dan para musuh Anwar sebagai sikap rakus Anwar. Mereka membuat andaian sekiranya Anwar sudah mendapat mandat penuh, banyak lagi ahli-ahli Umno akan menjadi mangsa.

Sepatutnya prejudis itu tidak timbul sebab keputusan untuk menggantungkan keahlian kedua wanita itu dibuat bersama oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti yang dianggotai sama oleh Sabbaruddin Chik, Najib Tun Razak dan lain-lain. Ia bukan kuasa mutlak Anwar. Lagipun kesalahan kedua pemimpin wanita itu telah melampaui batas.

Menteri Luar itu juga ada pengikut dan penyokongnya tersendiri dalam Umno. Walaupun ia tidak sehebat Anwar, tetapi ternyata beliau masih ada penyokong yang menjadi paksi kekuatannya. Ahli Umno yang sederhana dan mahu Umno terus kekal dengan nasionalismanya, akan menyokong Abdullah. Para penyokong Menteri Luar itu juga terdiri dari mereka yang setia dan tidak memandang kebendaan. Adalah dipercayai masih terdapat kurang 30 peratus ahli-ahli Umno yang bersikap demikian. Mereka ini menganggap Abdullah seorang tokoh yang serba serdahana. Watak ini pula kurang disenangi oleh golongan muda dalam Umno. Perlu juga disebut kalau Abdullah menjadikan kemenangan Naib Presiden tahun 1996 sebagai ukuran beliau diterima oleh Umno hari ini, itu adalah silap. Kemenangan beliau tempoh hari sedikit sebanyak disebabkan tangisan Dr Mahathir ketika berucap membuka persidangan. Kemenangan Abdullah itu bukan kerana melambangkan kekuatan beliau, tetapi kerana belasan air mata Presiden, kerana perwakilan simpatis kepada rayuan Dr Mahathir.

Bekas Presiden Semangat 46 juga diantara tokoh yang disebut akan mencabar Anwar Ibrahim. Andaian ini dibuat atas motif penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno. Adalah tidak munasabah untuk bekas Presiden Semangat 46 itu mahu aktif dalam Umno tanpa membawa sama cita-cita lamanya untuk menjadi Perdana Menteri.

Bagai mana pun cabaran Tengku Razaleigh itu tidak berapa membimbangkan. Sejak anak Raja Kelantan itu keluar Umno dan memimpin parti Semangat 46 pengaruhnya di dalam Umno sudah hampir terhakis. Orang-orang asal bersamanya sudah tawar hati untuk berdiri menyokongnya seperti tahun 1980an. Kalau pun ada penyokongnya ialah dua tiga kerat bekas ahli Semangat 46 yang diberi tempat di dalam Umno. Jumlah itu ia tidak memadai untuk Tengku Razaleigh mencuba nasib menentang Anwar.

Sekiranya Tengku Razaleigh juga berhajat untuk mecabar Anwar, ianya tidak lebih daripada satu *testing* baginya mengetahui sejauh manakah sokongan ahli Umno kepada beliau, dan juga sebagai cara untuk beliau mengetahui seramai mana musuh-musuh Anwar di dalam Umno.

Adalah sulit untuk Tengku Razaleigh mengatasi pengaruh Anwar kerana beliau tidak mungkin dapat menjinak ketua bahagian yang kebanyakannya seangkatan dengan Anwar. Begitu juga dengan Ghafar atau pun Musa Hitam. Kedua bekas Timbalan Perdana Menteri ini tidak mempunyai kemampuan untuk mencabar kedudukan Anwar. Cuma apa yang mereka dapat lakukan, ialah ‘tumpang semangkuk’ – dengan menyokong mana-mana tokoh yang akan menentang Anwar. Jika ada sesiapa yang bercadang menentang Anwar terutamanya Abdullah Badawi atau Tengku Razaleigh, mereka berdua ini akan berkerja mati-matian.

Dalam hubungan ini hanya Datuk Najib Tun Razak yang dikira mempunyai sedikit kelebihan dan kekuatan untuk berhadap dengan Anwar. Pengaruh Najib dalam Umno bolehlah dianggap meluas juga. Dalam pemilihan untuk jawatan Naib Presiden tahun 1996, Najib mendapat undi terbanyak, mengatasi Abdullah dan Tan Sri Muhammad Haji

Mohd Taib. Jumlah undi itu melambangkan Najib adalah orang nombor satu di belakang Anwar.

Najib diantara tokoh yang di *growth* untuk menjadi pemimpin pada masa depan. Kepercayaan yang diberikan oleh Dr Mahathir untuk mengendalikan Kementerian Pendidikan merupakan satu isyarat yang *track* laluannya dipersiapkan. Berpandukan kepada pengalaman lepas kebanyakan mereka yang pernah menduduki tempat terbaik. Pendidikan merupakan modal penting kepada pembangunan negara. Dengan meletakkan Najib di situ menunjukkan keyakinan Dr Mahathir terhadap kemampuan Najib sebagai Perdana Menteri kepadanya. Kebetulan Najib pula mampu menunjukkan kebolehannya memimpin kementerian tersebut. Kepesatan dunia pendidikan diterjemahkan sebagai kewibawaan Naib Presiden itu.

Beliau juga adalah diantara tokoh Umno yang tidak pernah berselisih dengan Umno. Dalam kata lain Najiblah satu-satunya orang yang tidak pernah berdosa dengan parti Umno. Selain menyertai Umno beliau belum melakukan apa-apa kesalahan dalam parti, tidak seperti orang lain yang masing-masing mempunyai rekod tersendiri dengan Umno—misalnya melecehkan hati para penyokong Umno.

Abdullah Badawi, Anwar, Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam adalah orang-orang yang pernah melecehkan hati ahli Umno dan menimbulkan masalah kepada parti. Abdullah pernah meletakkan jawatan sebagai menteri apabila team B yang disertainya kalah. Penyertaan Abdullah dalam politik parti Umno yang diketaui oleh Tan Sri Musa Hitam + Tengku Razaleigh Hamzah telah melukai hati Dr Mahathir dan Umno. Walau bagaimanapun penglibatan Abdullah itu tidak panjang sampai menyentuh kerajaan. Semangat 46, sekurang-kurangnya tidakkannya menyentuh team B itu menyebabkan cadar putih politik Abdullah di-

Umno tertitik noda hitam.

Anwar Ibrahim juga ada meninggalkan kenangan pahit kepada Umno. Sebelum menyertai Umno beliau merupakan diantara orang yang lantang mengkritik dasar perjuangan Umno. Lebih teruk ada tuduhan mengatakan beliau pernah memijak bendera Umno, tetapi perkara ini dinafikan sekeras-kerasnya oleh beliau. Generasi Tunku Abdul Rahman tidak dapat menerima Anwar sebagai seorang nasionalis tulin dan tetap menganggap Anwar sebagai pengacau Tunku.

Begitu juga dengan Tengku Razaleigh dan Musa Hitam. Mereka juga melakukan kesilapan kepada Umno dan bangsa Melayu. Tindakan Tengku Razaleigh menyertai Semangat 46 dan menentang BN dalam pilihanraya sesuatu yang seharusnya tidak boleh dimaafkan. Cara Tengku Razaleigh seperti sudah berkerat rotan berpatah arang dengan Umno. Tindakan beliau menyerang Umno seolah beliau hilang akal dan menolak tali takdir bahawa suatu hari beliau bersama Umno semula. Manakala Musa Hitam lebih bersikap melempar batu kepada Umno tetapi menyembunyikan tangan.

Dari sudut itu, kedudukan Najib dalam Umno adalah bersih. Umno tidak pernah berkecil hati dengan anak Perdana Menteri kedua itu. Beliau tidak pernah bertindak mengecil hati orang-orang Umno. Lantaran itu beliau disenangi oleh segenap lapisan di dalam Umno. Najib juga ada kekuatan tersendiri. Selaku bekas ketua Pergerakan Pemuda Umno, Najib mempunyai penyokong dari bawah. Perlu disedari, sebahagian besar pemimpin di peringkat bahagian hari ini adalah merupakan pemuda di zaman beliau.

Dengan kelebihan itu Najib mempunyai kekuatan untuk mencabar Anwar Ibrahim bagi jawatan Timbalan Presiden Umno. Apa lagi sekiranya ada sokongan padu dari kalangan

seteru Anwar ia boleh menguatkan lagi benteng Najib. Bukan itu saja, Najib juga menjadi faktor kepada kemenangan kepada mana-mana pihak yang bertarung tahun hadapan. Najib boleh menjadi kuasa penentu! Realiti ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh Anwar. Jika pun ada pihak yang mempertikaikan Najib ialah mengenai moralnya masa remaja lalu yang kurang memuaskan!

Sebenarnya tidak ada sebab untuk Najib berlumba mencari tempat. Beliau harus sedar diantara tokoh yang ada hari ini, beliau adalah yang mempunyai potensi yang terbaik untuk menyusuri belakang Anwar. Kalau dahulu Tan Seri Muhyiddin Mohd Yassin dan Muhammad Taib menjadi persaiangnya, kini kedua tokoh itu sudah tidak bermaya lagi. Muhyiddin bukan lagi menjadi pencabar kepada Najib apabila bekas MB Johor itu tersingkir dari kerusi Naib Presiden. Orang-orang senegeri dengannya, telah membantu membersihkan laluan Najib untuk mengekori Anwar.

Muhammad Haji Mohd Taib pula sedikit pun tidak termasuk dalam senarai orang yang perlu dibimbangkan. Muhammad Taib tidak mungkin akan kembali ke dalam Umno kalau pun beliau didapati tidak bersalah membawa masuk wang sebanyak RM2.4 juta ke Australia. Pertuduhan ke atas bekas menantu Sultan Selangor itu sudah cukup untuk menjatuhkan martabat dan kredibilitinya sebagai pemimpin. Telah menjadi sejarah dalam Umno orang yang terlibat dengan skandal sukar untuk naik semula. Datuk Harun Idris, Tan Sri Rahim Tamby Chik, adalah contoh paling nyata. Rahim tewas untuk merebut jawatan Ketua Bahagia Kota Melaka walaupun diberi laluan oleh Datuk Nasir Manap.

Sekiranya Najib merasa yakin bahawa selepas Anwar nanti adalah dia, tidak sepatutnya Najib menjadi 'pak sanggup'

atau "cina buta" untuk menentang Anwar. Beliau harus bersabar dan sebaik-baiknya memberi sokongan padu kepada Anwar.

Apa yang perlu Najib buat untuk menyempurnakan gandingan beliau dengan Anwar ialah belajar memahami idealisme Anwar. Najib perlu menjinakkan dirinya dengan konsep dan falsafah Islam. Untuk tujuan itu Najib boleh menjadikan pendidikan sebagai alat untuk merapatkan beliau dengan Anwar. Caranya dengan membawa falsafah pendidikan *rabbani* yang menjadi cita-cita Anwar dalam sistem pendidikan negara.

Najib kena faham idola perjuangan yang beliau hendak bawa tidak begitu popular di zaman kebangkitkan Islam. Najib harus mempersiapkan diri ke arah itu. Dan inilah satu-satunya kelemahan Najib kerana beliau jahil dengan akar budaya Islam. Selain itu beliau harus melengkapkan dirinya dengan satu bentuk identiti agar orang boleh melihat agenda masa depannya berbeza dengan orang lain dan bukan tempelan daripada pemimpin sebelumnya.

Selain itu Najib juga harus memperlajari mengenali kesusahan rakyat bawahan. Najib perlu turun ke bawah masuk ke kampung-kampung pedalaman. Sebagai anak bangsawan yang dibesarkan di atas permaidani empuk, mungkin Najib terpisah dengan rakyat. Tidak cukup hanya memerhati rakyat dari jendela kaca sahaja. Jika beliau berhasrat hendak menjadi pemimpin, Menteri Pendidikan itu perlu kenal lintah, pacat, selut, lumpur dan sebagainya. Beliau juga perlu rajin menjelajahi Felda dan Felcre melihat sekolah-sekolah di tanah rancangan itu yang masih dhaif dan ketinggalan. Tidak elok kalau Najib hanya mengunjungi sekolah yang cemerlang di bandar-bandar sahaja untuk mengumumkan keputusan

#### SIAPA PEN CABAR ANWAR?

peperiksaan, tetapi tidak mengendahkan sekolah di luar bandar!

Berdasarkan kepada hipotesis terhadap tokoh-tokoh itu tidak ada sesiapa yang hendak menjadi Kamakaze untuk menentang Anwar. Apa yang mungkin berlaku ialah, tokoh-tokoh yang disebut tadi, akan bersatu dan mereka akan mencabar Anwar secara berpasukan. Sudah tentu *manager* yang dilantik menentang Anwar nanti akan berusaha keras mengumpul segenap orang yang mempunyai masalah dan bersangka buruk dengan Anwar.

Rahim Tamby Chik dan Muhammad Taib yang sebelum ini adalah panglima *team* wawasan tidak akan terkecuali dari menjadi anggota baru penentang Anwar. Kerana terlalu kecewa atau dan tidak mendapat pembelaan daripada Anwar mereka boleh berpaling tadah bila-bila masa sahaja.

Soal siapa yang akan dilantik menjadi Jeneral, sama ada Abdullah Ahmad Badawi, Tengku Razaleigh, atau sesiapa akan ditentukan kemudian. Yang mustahaknya mereka akan cuba menjatuhkan Anwar di atas medan perang walaupun sebelah kaki. Tetapi ketahuilah mereka yang memberanikan diri untuk menentang Anwar, ialah mereka yang menggali lubang maut untuk membunuh diri sendiri!



*Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, salah seorang tokoh yang dikatakan bersedia untuk mencabar Anwar. Pak Lah tentu tidak berani berbuat demikian, kecuali kerana ter dorong atau didorong!*

# 3

## MODEL PEMIMPIN ALAF BARU

**L**EBIH kurang setahun lebih sahaja lagi dunia akan memasuki alaf baru tahun 2000. Negara kita juga tidak terkecuali terpaksa menghayung langkah menjelaki gerbang serba baru dan mencabar itu. Hendak tak hendak kita terpaksa mengorak langkah bersama menjenguk sang suria abad baru itu walaupun ekonomi kita mutakhir ini berada dalam keadaan rencam. Alaf baru tahun 2000 dikira penuh dengan cabaran dan hambatan.

Setahun lepas kita begitu semangat bercerita tentang impian dan harapan-harapan baru pada alaf baru. Kita seperti tidak sabar-sabar lagi untuk berada dalam abad ke 21 itu. Kepesatan ekonomi dan kemajuan yang kita nikmati, menjadikan kita *obses* untuk segera meninggalkan abad 20. Lalu kita berangan kepesatan dan kemajuan yang bakal kita perolehi di alaf baru lebih memberangsangkan lagi.

Kita cukup yakin bahawa abad mendatang penuh dengan veriasi yang mengembirakan. Perasaan itu terpantul mungkin kerana kita tahu negara kita adalah diantara negara ketiga yang termaju di Asia. Di rantau ini, kita boleh duduk di belakang, Jepun, Taiwan, Hong Kong dan Korea dengan tanpa segan dan silu. Kita juga yakin dengan persediaan dan

ilmu yang dimiliki oleh rakyat, terutamanya apabila meledaknya industri *Information Technology* (IT) dan Multimedia sejak ke belakangan ini. Kita akan jadi lebih global!

Sesungguhnya banyak kejayaan yang telah kita capai dalam tiga dekad terakhir ini. Paling jelas negara kita berubah wajah, dari sebuah negara miskin kepada sebuah negara yang kaya. Dari negeri yang sebelum ini tercorot dan tidak dikenali kepada negara yang mula mendapat perhatian dunia. Kita juga menyalinkan warna negara dari pertanian kepada negara berorientasikan industri.

Banyak projek mega yang menjadi mercutanda negara dan menjadikan Malaysia ‘marcumaya’. Projek KLCC, Bakun, Lebuh Raya Utara - Selatan, Hidroeltrik Pergau serta bermacam-macam lagi. Manakala Korido Raya Mul-timedia (MSC), KLIA, Langkawi Free Port, Aliran Transit Rengan (LRT) pula muncul meletakkan Malaysia sebagai tanah jajahan baru negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat diakhir abad ini. Sesetengah pembangunan itu seolah-olah mahu mencabar kehebatan dan kecanggihan pem-bangunan di negara-negara Barat itu. Disebab terlalu ghairah menerima teknologi itu adakalanya kita melupai jatidiri dan terpaksa mengorbankan adat dan budaya yang diwarisi dari nenek moyang dahulu.

Sebagai sebuah negara Islam pula kita dilihat sebagai sebuah negara Islam yang bakal menjadi contoh kepada negara lain. Negara-negara Islam lain begitu terpegun dengan cara perlaksanaan Islam di negara kita? Kemampuan kita hidup secara hormoni walaupun rakyat berbilang kaum, adalah sesuatu yang amat dikagumi oleh dunia Islam lain. Untuk kesekian lamanya negara kita tidak mengalami

kekacauan kaum dan agama. Kita tidak mempunyai sejarah hitam pertumpahan darah disebabkan agama seperti mana yang sering berlaku di India dan Palestin!

Walaupun kemajuan dan perlaksanaan Islam masih belum menyeluruh, tetapi hakikatnya negara kita adalah diantara negara Islam terbaik, kalau diukur dengan negara-negara Islam di Timur Tengah. Lantaran itu secara diam-diam negara kita diharap akan menjadi ‘al mahdi’ kepada negara-negara Islam lain. Kita diharap menjadi pemangking kepada kebangkitan kedua Islam di zaman moden ini!

Sebenarnya masih banyak lagi aspek-aspek penting dalam agama yang tidak diamalkan di negara kita. Kerana itu para sarjana Islam, para intelektual Islam dan juga ulama muktabar tidak mudah untuk mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Mereka hanya menerima Malaysia sebagai negara umat Islam tetapi tidak negara Islam. Kerana kelemahan itu jugalah maka parti Islam Se Malaysia (Pas) tidak pernah berhenti menyerang kerajaan dan menuntut agar perundangan Islam dilaksanakan sepenuhnya. Kita yakin sekiranya kerajaan bersedia melaksanakan perundangan Islam, Pas akan kehabisan modal untuk mengkritik kerajaan. Tidak juga mustahil parti itu sendiri akan mengahwini Umno. Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz, pernah memberi jaminan, katanya; “*Sekiranya Umno bersedia melaksanakan Islam, kita akan membubarkan Pas.*”

Bagaimana pun kejayaan yang kita capai sekarang ini bolehlah dibanggakan. Kita perlu bersyukur di atas nikmat yang Allah berikan. Kita sudah mempunyai serba serbi dari segi kemudahan asas, dan kalau di banding dengan negara seusia dengan kita, kita sudah berada di hadapan. Malah dalam aspek tertentu Malaysia sudah pun mengatasi rekod dunia.

Tetapi cuma sayang dalam perkara yang mengaibkan, seperti rasuah dimanakah negara kita disenaraikan dirating ke 16. Negara kita juga dicatatkan sebagai negara tertinggi mengalami kadar kemalangan jalan raya dan juga negara kedua didunia yang mengalami iklim panas. Kehebatan negara kita dalam tiga bidang ini perlulah disedari segera sebelum terlamat.

Berdasarkan kepada kenyataan itu siapa berani menafikan bahawa Malaysia mundur dan tercorok? Hari ini semua dunia mengenali Malaysia sebagai sebuah negara industri baru. Dr Mahathirlah sang bapa yang bertanggung-jawab memberi nama itu kepada Malaysia. Dr Mahathirlah yang melahirkan anak-anak baru dengan bentuk baru dan semangat baru menerusi dasar *super liberalism*nya.

Kita tidak nafikan akan kemajuan itu. Tetapi satu perkara yang kita alpa dan perlu diberi perhatian ialah, apakah kita pernah membuat koreksi ke atas kejayan-kejayaan yang dicapai itu. Ini perlu untuk menilai apakah kemajuan itu membawa kebaikan ataupun tidak. Untuk tujuan ini elok kalau kita melihat kerangka pembangunan itu dari luar dan dalam. Sebagai bangsa yang mempunyai pegangan agama, peradaban, moral dan budaya, kenalah pada tempatnya kalau kita meneliti apakah pembangunan kita mencakupi segala elemen itu – menepati citarasa Melayu dan memenuhi kehendak dan tuntutan agama (Islam).

Kita tidak mahu pembangunan yang melambak di hadapan kita ianya rapuh, mudah runtuh dan tidak mempunyai roh – kekuatan dalaman. Pembangunan yang tidak ada roh, samalah dengan rumah yang tidak ada tiang. Pembangunan yang sebegitu akan mudah roboh, bagaikan istana pasir yang dibangunkan di pinggir pantai. Sepatah kata Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; *tidak gunanya kita mempunyai gedung yang tinggi tetapi di dalamnya kosong.*

Untuk mencerapkan apakah pembangunan kita mempunyai roh ataupun tidak ia boleh diukur kepada sejauh mana nilai-nilai kemanusiaan, nilai moral, akhlak, iman dan takwa di dalam ‘pembangunan’ itu sendiri dan juga di dalam kehidupan masyarakatnya. Dalam erti kata lain apakah elemen-elemen itu menyendak di dalam diri setiap warga negara ini dan menjadi amalan yang konsisten?

Ini boleh kita saksikan dengan mudah tanpa memakai mana-mana teori. Semuanya wujud dan terpampang di hadapan kedua biji mata kita. Apa yang berlaku boleh dijadikan ukuran dan sempadan untuk menilai erti pembangunan yang kita banggakan itu. Rasanya setiap orang daripada kita yang prihatin mengenai perkara ini dapat menilai dan menyaksikan sendiri dengan telus serta jujur.

Cuba perhatikan apa sudah berlaku ke atas masyarakat kita hari ini? Saban hari kita mendengar laporan dan berita mengenai kepincangan masyarakat. Segala penyakit sudah mula merebak dan merobak dalam entiti masyarakat kita. Tak kira penyakit itu berpunca dari dalam ataupun bawaan daripada luar - semuanya bertompok-tompok dan menggerunkan sekali. Nama-nama seperti *Aids, coxasakie, homosex, lisbian* dan sebagainya sudah menjadi sebutan dan meniti dari bibir ke bibir. Dadah, ganja, pil khayal, dan sebagainya sudah menjadi hafalan anak-anak muda seperti mana mereka hafiz tentang lagu-lagu rock dan *haevy mental*.

Sepuluh dua puluh tahun dulu, kita jarang mendengar kisah anak yang masih merah ditinggalkan di tepi longkang (dalam longkang!) Kita juga asing daripada mendengar istilah sumbang muhram — bapa merogol anak atau datuk

memperkosa cucu. Kita juga payah untuk melihat anak-anak remaja kita berciuman di khayak ramai. Begitu juga dengan stastik manusia kehilangan nyawa kerana kecelakaan dan kebiadapan jalan raya. Tidak terfikir yang ianya akan menjadi satu gejala (pembunuhan) yang menggerikan kini.

Sebelum ini kita tidak pernah tahu tentang stastik remaja kita maut di jalan raya atau dihadapkan ke mahkamah juvana. Kita juga tidak mendengar ada orang Islam dengan sesuka hati meninggalkan agama (murtad) walaupun atas alasan apa sekali pun. Kita juga tidak dengar yang Mufti dan Ulama dipermainkan oleh para umarak kemudian mereka diinjak-injakkan, pandangan dan nasihat mereka dilelucohkan.

Tetapi hari ini... hari ini semua itu sudah menerobos ke dalam telinga, hidung dan mata kita. Hari ini boleh dikatakan setiap hari kita akan disuakan dengan laporan atau berita tentang kekejaman manusia tidak berhati perut meninggalkan anak masih merah yang tali pusatnya belum dipotong; bapak melepaskan hawa nafsu serakah merogol anak sendiri; menyaksikan filem Hindustan secara percuma — remaja berkucupan di pusat-pusat membeli belah tanpa segan silu dan malu aib.

Hari ini kita dikejutkan dengan berita kecelakaan dan kebiadaban jalan raya, yang kadar dan angkanya sungguh memilu dan mencemaskan. Hari ini juga kejadian umat Islam mempersendahkan agama Allah dengan meninggalkan agama (murtab) dengan alasan begitu rapuh sekali, misalnya kerana kekasih atau sebagai jalan mudah untuk melengsaikan kekusutan cinta. Agama hari ini mudah ditukarkan dengan cinta monyet. Hari ini teguran, larangan dan pernyataan hukum Quran oleh para alim ulama tidak dipedulikan lagi, malah ulama ditempelak balik tanpa berselindung berkias lagi.

Suara Ulama kini terbenam dalam kerakusan kuasa politik!

Selain penyakit itu juga kita sudah mula diserang oleh kuman rasuah di kalangan kakitangan kerajaan dan ahli politik (pemimpin). Hari ini setiap hari pemimpin bercakap mengenai bahaya gejala rasuah. Perbuatan busuk itu sudah mula menyerang ke segenap organ pentadbiran negara. Kekerapan pemimpin menyuarakan dan memberi ingatan tentang perkara ini menunjukkan keparahan masalah itu.

Sedarkah kita kepada kenyataan dan gejala-gejala itu semua? Jika kita mengambil segala fenomena dan unsur-unsur *immoral* itu sebagai kayu pengukur kepada kemajuan keduniaan, maka jelas kemajuan yang kita kagumkan hari ini tidak mempunyai roh. Kemajuan yang kosong, palsu dan tidak ada asas yang konkret. Kemajuan yang tidak mempunyai nilai-nilai moral dan tamadun yang suci murni. Kemajuan yang bobrok yang lebih hina daripada kejahatan haiwan!

Persoalannya apakah pembangunan demikian perlu kita terus dan dokong? Perkara ini perlu direnung dan dikaji dengan amat teliti sekali oleh semua lapisan masyarakat. Kita tidak mahu hanya cakap-cakap untuk mengatasinya, sedang tidak ada tindakan. Kita tidak mahu nanti bangsa rosak dan porak peranda kerana kita sendiri yang leka dan tidak pandai menghisbah diri.

Kalau kita sedar mengenai bahaya itu, apakah pernah kita bertanya dan mencari sebab kenapa berlaku demikian? Siapakah yang menjadi punca di atas segala kebejatan itu? Dan bagaimanakah pula jalan untuk menyelesaiannya? Sebenarnya diantara kita semua terlibat. Rakyat dan pemimpin sama-sama mempunyai saham di dalam hal ini. Tetapi yang nyatanya pihak pemimpin mempunyai *ekuiti* berbanding dengan rakyat. Merekalah yang patut bertanggungjawab dan

dipersalahkan. Selaku pihak yang mempunyai ekutiti (kuasa) mereka lah menjadi penentu segala-galanya.

Rakyat adalah sebagai anak, pemimpin adalah orang tua. Sebagai anak, rakyat akan akur kepada kehendak, tuntutan, arahan malah paksaan oleh sang ayah. Apabila rakyat telah memberi mandat kepada pemimpin, rakyat sudah terlepas dengan tanggungjawab itu. Pemimpinlah yang menentukan ke arah mana kuasa yang diberikan itu hendak digunakan.

Kepincangan pemimpin di dalam perkara ini ialah kerana kurang peka kepada *mirzan* pembangunan negara. Apa yang nyata, pembangunan kita tidak seimbang dan berat sebelah. Pembangunan jongkang jongkit. Kita terlalu memberi tumpuan kepada pembangunan keduniaan, tanpa mempedulikan pembangunan kemanusiaan. Kita memberatkan kepada dunia, dan meringankan akhirat. Kita terlalu laju menghayungkan langkah tanpa menyedari destinasi itu ialah ke Neraka. Kita telah meninggalkan Syurga jauh di belakang. Kita telah lupa bahawa kebendaan itu alat sahaja untuk mencapai matlamat, sebaliknya kita telah menjadikan kebendaan itu sebagai matlamat. Apabila kita telah menjadikan kebendaan – harta, dunia, kecantikan, kuasa se-bagai matlamat, maka rosaklah kita. Sebab segala itu semua tidak kekal, yang kekal ialah diri kita yang akan berhadapan dengan Rabul Jalil.

Sikap kerajaan dalam hal ini jelas. Kerajaan sanggup mengeluarkan wang beratus juta ringgit mengimport pakar-pakar motivasi daripada luar untuk memberi ceramah kepada para pedagang tempatan. Tetapi dalam satu segi kerajaan tidak bersedia untuk mengudang para ulama Islam. Dalam erti kata lain kerajaan begitu mengambil berat menyuntik sifat *mazmumah* tetapi memandang enteng kepada pemupukan

Oleh kerana itu kesumbangan dan kepincangan pembangunan hari ini hendaklah diawasi. Lebih-lebih lagi dalam penantian kita untuk mengorak langkah ke abad 21, kita sangat-sangatlah perlu memperbetulkan segala kepincangan ini. Jika kita bersikap ‘lara’, memandang remeh tanpa bertindak sesuatu, kepincangan itu akan berterusan dan akhirnya bangsa kita akan tenggelam seperti kaum-kaum yang dilaknat Allah sebelum ini. Sebelum nasi menjadi bubur, elok kalau kita memperkecilkan nyalaan api kayu rebusan periuk kita. Jika kita terus lalai, bukan saja nasi menjadi bubur, mungkin juga periuk dan dengan daparnya sekali akan hangus terbakar.

Salah satu tindakan dan *instrument* yang ada kepada kita untuk memperbetulkan keadaan ini menerusi kuasa pemilihan pemimpin. Kita kena cari pemimpin yang benar-benar dapat berhadapan dengan segala pancaroba itu dan bersedia membawa pembangunan yang ditunjuki Allah kepada masyarakat. Pemimpin atau tokoh yang boleh memperbetulkan kesilapan lahir dan batin. Dalam erti kata lain pemimpin yang boleh membawa pembaharuan kepada gaya hidup, pengukuhan budaya serta dapat meletakkan generasi mendatang di atas titian *sirat almustaqim*. Pemimpin yang arif dan mempunyai keinginan untuk membentuk sebuah masyarakat Madani.

Menurut kacamata Pegawai Agama Istana Negara Dato' Abu Hassan Din;

*“Seseorang yang hendak menjadi pemimpin mestilah sanggup berkhidmat untuk masyarakat dan perlu menjadi hamba, apa disuruh dia akan buat dan sanggup menerima suruhan. Gaya seseorang pemimpin,*

*sanggup menerima suruhan. Gaya seseorang pemimpin, bukan ber-makna seseorang itu sanggup memberi apa yang orang hendak, tetapi pemimpin yang sebenar ialah sanggup melakukan perubahan.*

*"Selain itu seseorang itu juga mestilah mempunyai daya kreativiti yang tinggi, lebih-lebih lagi mengubah benda yang buruk kepada yang baik. Sebagai contoh, kalau dalam sesuatu kelompok masyarakat berlaku kemungkaran, kefasikan, mereka perlulah merubah keadaan itu. Pemimpin juga ujarnya bukan memenuhi kehendak seperti tanah, duit, kerja dan lain-lain, itu bukan suara pemimpin sejati. Tegas beliau seorang pemimpin yang sanggup memberi segala permintaan ramai, ia bukanlah pemimpin yang sebenar. Pemimpin sebenar ialah mereka yang sanggup merubah keadaan yang buruk kepada yang baik". - Tamadun, April, 1998.*

Sebenarnya tidak sukar untuk memperolehi pemimpin yang demikian. Kita hanya perlu memerhatikan calon pemimpin itu yang mempunyai keperibadian kukuh mengikut peradaban kita bangsa Melayu beragama Islam. Mempunyai ciri-ciri dan nilai akhlak yang tinggi dan mempunyai pegangan kemas kepada aqidah Islamiah, serta bersedia sejahtera untuk mempraktikan sunnah Rasulullah s.a.w.

Apabila kita sudah menjumpai pemimpin yang demikian, sudah tentu dia tidak akan mempersendakan kesucian Islam. Dia tidak akan menggadai dan menghakiskan identiti bangsa, sebaliknya dipertahankan dengan sungguh-sungguh. Pemimpin demikian juga tidak akan tergamak meng-exploitasikan kuasa untuk kepentingan peribadi secara melampau. Pemimpin begitu juga akan sen-tiasa sedar siapa

dia sebenarnya!

Pemimpin yang bakal menongkah abad ke 21 mestilah juga memiliki jatidiri yang utuh serta mempunyai akidah agama yang kental. Yang tahu rukun-rukun kepimpinan dan dasar-dasar perjuangan sebenar seperti mana yang dituntut oleh agama. Yang boleh memimpin generasi bukan sahaja untuk berontak menuntut hak-haknya, sebaliknya yang boleh memimpin umat manusia menjalani ibadat kepada Allah. Yang mampu mencungkil rahsia-rahsia kekuatan umat dari dasar Quran dan Hadith.

Apabila kita mendapat pemimpin begitu barulah kepentingan bangsa, agama dan negara akan terbela kerana mereka tidak akan menjadikan bangsa sebagai alat untuknya hidup mewah. Dia tidak akan gunakan agama untuk mengabui mata rakyat untuk membolehkan dia melakukan penyelewengan. Dia tidak akan menjadikan negara bahan eksperimen akalnya, manakala rakyat pula dipaksa menjadi tukang sorak dan sentiasa pula sakit dan menanggung kerugian.

Sesuai dengan keadaan masyarakat Malaysia yang majmuk, pemimpin masa hadapan hendaklah fleksibel dan mempunyai tolak ansur yang baik antara kaum. Ia juga mestilah seorang nasionalis yang tulin, dan dapat menjamin hak, amanah dan ketuanan Melayu sampai kapan pun.

Selain itu pemimpin tersebut mestilah mempunyai hubungan yang luas dengan negara-negara luar, mempunyai ikatan tali persahabatan yang kemas dengan gerakan bukan kerajaan di dalam dan di luar negeri. Sesuai dengan semangat perlombagaan yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, hubungan dengan negara-negara dan wilayah Islam biarlah kuat dan menyeluruh serta mempunyai hubungan

seluruh dunia.

Untuk mempastikan pemimpin itu tidak menghadapi masalah, ia hendaklah mendapat sokongan yang kuat dari kalangan parti dan rakyat. Sekiranya mereka tidak mendapat kepercayaan parti, sukar untuk mereka berkerja dan natijahnya akan berlakulah kontroversi yang memanjang. Pemimpin yang tidak mendapat sokongan bulat dari rakyat akan menghadapi masalah dalam pentadbiran. Kesannya menyebabkan negara akan mengalami krisis politik berpanjangan seperti mana yang berlaku di Thailand, India, Pakistan dan lain-lain, dan ini merugikan bangsa dan negara.

Pemimpin Malaysia masa depan juga hendaklah mempunyai *track record* perkhidmatan yang baik dalam organisasi sosial dan juga negara. Mempunyai keluarga yang bahagia dan seluruh anggota keluarganya pula merupakan golongan yang patuh kepada agama dan mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Ini penting kerana anggota keluarga itu akan menjadi cermin ikutan kepada masyarakat seluruhnya.

Pemimpin itu juga mestilah mereka yang beriman dan berilmu. Yang mempercayai kepada ilmu yang dibawa oleh Quran. Menguasai ilmu-ilmu *tariqat*, *syariat*, *hakikat* dan *ma'rifah*, yang kenal diri dan kena Allah. Yang bukan saja tahu sebut tetapi tidak tahu apakah hakikat yang disebut itu. Pemimpin itu juga mestilah bukan sahaja pakar dalam sesuatu bidang atau profesi, sebaliknya mereka yang tahu menggunakan kepakaran dan kebolehan mereka itu dijalankan Allah dan tidak bersifat riak membangga-banggakan kepada akal fikiran sendiri dan taksub kepada kepakaran yang ada.

Dalam erti kata lain biarlah pemimpin yang beriman dan bertakwa. Hanya pemimpin demikian sahajalah yang mampu untuk membaiki segala kepincangan jiwa manusia. Kesakitan

untuk membaiki segala kepincangan jiwa manusia. Kesakitan dan kecacatan jiwa manusia tidak boleh dibetulkan dengan alat-alat saintifik dan klinikal seperti ubat bius, jarum, spanar, tukul, gergaji dan sebagainya.

Pemimpin alaf baru juga mestilah yang mampu untuk menggabungkan golongan umarak dengan ulama. Usaha ini sangat penting kerana kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara itu terletak kepada dua golongan ini. Maksud sebuah Hadith; *sesebuah masyarakat di dalam satu-satu negeri itu akan menjadi baik apabila dua golongan, iaitu ulama dan umarak menjadi baik. Sekiranya salah satu golongan baik, tetapi yang satu lagi tidak, maka akan rosaklah masyarakat sesebuah negeri itu.* Pada masa ini golongan ulama masih boleh dianggap baik lagi, tetapi kerentan para pemerintah (umarak) sungguh menyedihkan.

Menyedari betapa pentingnya memilih pemimpin yang tepat dan diredhai Allah maka agenda memilih pemimpin dalam sesuatu organisasi, badan politik dan kerajaan adalah sangat mustahak. Kerana pemimpin itulah pemandu, orang bertanggungjawab untuk membawa umat bukan sahaja mencapai kemajuan duniawi, tetapi juga untuk mencapai kenikmatan ukhrawi. Dan dengan kian gawatnya cabaran masa depan, serta bersesuaian dengan iklim kebangkitan Islam mutakhir ini adalah tepat kalau tokoh idola Islam disahkan menjadi pemimpin menjelang terbitnya mentari alaf baru - tahun 2000.



*Datuk Seri Anwar menjadi perantara menjernihkan hubungan diantara umat Islam dengan penganut Hindu yang tercetus akibat isu Masjid - Kuil , di Kampung Rawa Pulau Pinang.*

## 4

### TINGGALKAN ABIM TANPA TALAK

**K**EPUTUSAN Datuk Seri Anwar Ibrahim meninggalkan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) pada 29 Mac 1982 untuk menyertai UMNO menimbulkan berbagai reaksi dan implikasi politik. Keputusan itu juga menjadi kontroversi, khususnya di kalangan kira-kira 40,000 ahli Abim ketika itu. Ahli Abim yang sebelum itu tidak pernah dibayangkan mengenai kemungkinan tindakan itu merasakan seperti dalam mimpi. Mereka sukar untuk mempercayai, Presiden yang mereka kasih dan sayangi akan meninggalkan mereka dan menyertai wadah perjuangan lain. Tetapi kerana Abim mengamalkan dasar terbuka, keputusan itu diterima juga sebagai satu ‘muslahat’ daripada Anwar Ibrahim untuk sekalian ahli Abim.

Bukan saja ahli Abim, tetapi masyarakat umum yang terpesona dan mengharapkan Abim menjadi sebuah badan bukan politik bebas tanpa menganut mana-mana ideologi politik di negara ini jadi terperanjat dengan keputusan Anwar itu. Kalau boleh mereka mahu mengubah keputusan Anwar itu agar tidak menjadi realiti. Tetapi kerana ianya milik mutlak Anwar mereka terpaksa juga menerima kenyataan pahit tersebut.

Bagaimana pun keterkejutan ahli Abim dan masyarakat Islam di atas tindakan Anwar itu memang munasabah. Kerana sebelum itu tidak pernah terbetik berita yang Presiden Abim itu akan menyertai UMNO. Desas desus yang tersibar waktu itu, Anwar akan menyertai Parti Islam Se Malaysia (Pas) bukannya Umno. Khabar itu dikira logik memzendangkan hala tuju dan juga aspirasi perjuangan Anwar dan Abim mirip kepada perjuangan Pas kerana ia mengambil prinsip dan dasar perjuangan dan pentadbiran Islam. Setidak-tidaknya perjuangan Abim adalah pemangking kepada perjuangan Pas.

Lagi ptn sebelum itu Anwar sendiri tidak menunjukkan minat kepada Umno. Beliau dilihat banyak mengecam dan mengkritik dasar parti Umno. Kritikan itu dihemburkan dalam berbagai medium, termasuk seminar, forum dan sebagainya. Malahan pada ketika lain, Anwar juga pernah mengecam prinsip-prinsip Umno yang bertentangan dengan Islam dalam majlis-majlis ceramah terbuka anjuran Abim. Apa yang menjadi sasaran Anwar ialah mengenai kelupaan kerajaan BN terhadap kepentingan Islam dan kurang pekanya kepada nasib mayarakat bawahan.

Perbezaan diantara Abim dengan Umno memang sangat jelas. Abim adalah sebuah gerakan Islam yang menganjurkan dasar mewujudkan keadilan di kalangan masyarakat. Abim menentang apa juga bentuk kemungkar, ketidakadilan dan pengeksploitasi isu untuk kepentingan politik Umno. Dari bingkai mata Abim, Umno adalah sebuah parti sekular yang membawa manusia mencinta dunia dan melupai tuntutan agama dan kesejahteraan akhirat.

Dilihat kepada kritikan Anwar terhadap Umno itu dan kerana kontradik dan perbezaan itulah, menyebabkan sukar untuk orang ramai menerima keputusan Anwar itu. Dalam

pemikiran umum ketika itu kemungkinan Anwar akan menyertai Umno adalah jauh panggang dari api. Orang ramai beranggapan jika tidak kerana sesuatu, tidak mungkin Anwar boleh bersatu dan bersekongkol akal dengan Umno.

Bagaimanapun kekecewaan ahli Abim dan masyarakat Islam di atas keputusan Anwar menyertai Umno itu, tidak separah dan sedukacita ahli-ahli Pas. Bagi Pas kemasukan Anwar dalam Umno itu benar-benar menghamparkan mereka. Tindakan itu bukan sahaja menyebabkan mereka terlepas seorang "Pemuda Al Khafi" yang bakal memimpin parti itu, sebaliknya menyukarkan perjuangan mereka, kerana orang yang akan ditentang selepas itu ialah tokoh yang mereka sendiri agung-agungkan sebelum ini.

Sebelum kemasukannya ke dalam Umno, Anwar telah disebut-sebut akan mengambil alih kepimpinan Pas daripada Datuk Asri. Khabarnya Datuk Asri sendiri pernah membincangkan perkara ini dengan para pemimpin Pas. Penulis politik terkenal Sdr Subky Latiff penuh konfiden menukilkan dalam karyanya, Anwar akan mengganti Asri menerusi buku "Siapa Ganti Asri".

Anwar memang berkelayakan untuk menjadi pemimpin Pas menggantikan Datuk Asri. Bukan saja kerana beliau mempunyai pengaruh yang banyak tetapi juga idealisme dan prinsip perjuangan yang sama dengan Pas. Malahan Pas mungkin lebih berpengaruh lagi apabila berada di tangan Anwar, memandangkan kepada keberanian serta *track record* beliau selama memimpin Abim. Anwar dikira dapat membawa semangat dan keyakinan baru terhadap Pas.

Sebenarnya bukan saja Pas yang mengilakan Anwar pada masa itu. Tapi Anwar juga menunjukkan minat kepada Pas. Dalam majlis-majlis tertentu Anwar turut sama bersyarah di

atas pentas yang sama dengan Pas. Anwar menggunakan pentas Pas untuk melemparkan kritikan terhadap kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman terutamanya berhubung dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Pertubuhan, soal-soal isu kemiskinan, ekonomi dan lain-lain.

Melihat kepada telatah dan perkembangan itulah, orang-orang Pas meletak harapan kepada Anwar agar suatu masa nanti Anwar akan menyertai Pas. Spekulasi mengenai perkara itu jadi semakin menyakinkan lagi apabila beliau telah memberi sokongan moral yang kuat kepada kerajaan Pas Kelantan pimpinan Datuk Asri. Dalam pilihanraya umum tahun 1978, Abim membantu Pas untuk mempertahankan kerajaannya di Kelantan, pertolongan Abim itu tentulah di atas restu ketuanya - Anwar.

Beberapa pemimpin kanan Abim telah menyertai Pas menjelang pilihanraya, dan bertanding dalam pilihanraya umum tersebut. Mereka ialah Nakhaei Haji Ahmad, Datuk Fadzil Noor, Abdul Halim Arshad, Haji Abdul Hadi Awang. Manakala di Kelantan antaranya ialah; Ustaz Yahya Othman, dan lain-lain. Fenomena ini memberi keyakinan bahawa Presiden Abim juga akan menyusur kemudian.

Sesungguhnya banyak orang kecewa dan terkilan dengan tindakan Anwar itu. Ahli Abim sendiri yang tidak saham dengan tingkah laku dan maknwi politik Anwar merasa begitu kecewa. Sesetengah mereka membuat berbagai tuduhan dan andaian. Ada yang mengatakan Anwar telah munafik kepada perjuangan dan mengaku kalah sebelum berjuang. Anwar sudah melupai zaman pahit dan berubah untuk mencari kesenangan dunia. Lebih teruk dari itu ada ahli yang fanatik membuat kesimpulan mudah kononnya Anwar telah terjerat

dalam perangkap Yahudi yang berselindung di sebalik jerjak-jerjak besi Umno.

Apa yang tragisnya mana-mana sahabat dan pemimpin Abim yang tidak suka menimbulkan kekalutan dan bersikap tawaduk, mengambil keputusan menjauhkan diri daripada Abim. Mereka berpendapat untuk apa lagi bersama Abim sedangkan pengasasnya sendiri telah melarikan diri. Sementara yang mempunyai sentimen kepartian yang kuat kepada Pas, mengambil tindakan menyertai Pas. Penyertaan mereka itu tidak lebih daripada sekadar melepaskan geram di atas tindakan 'songsang' Anwar itu.

Bagi ahli Pas pula, mereka selindungkan rasa kecewa itu dengan pelbagai tuduhan dan teori di atas kemasukan Anwar itu. Ada yang mengatakan Anwar terjerat dan diperangkap. Dalam pada itu mereka menjadi peramal murahan dengan mengandaikan masa depan politik Anwar gelap. Mereka membuat telahan Anwar akan menemui ajal dalam perjuangan sebelum melangkah ke medan perang. Kemasukan itu ditafsirkan, musuh Islam berjaya membekaskan Anwar secara hidup-hidup. Bertolak dari kesilapan membuat andaian itulah maka sesetengah di kalangan ahli Pas sampai sekarang menganggap Anwar sebagai pengkhianat kepada perjuangan Islam dan mereka terus mengutuk dan menghentam Timbalan Perdana Menteri itu.

Dua puak sahaja yang begitu gembira dengan kemasukan Anwar ke dalam Umno. Pertama orang Umno/BN, kedua masyarakat bukan Islam yang selama ini mencurigai dan rasa gerun dengan gerakan Abim. Dengan masuknya Anwar ke dalam Umno itu selain Umno mendapat seorang panglima baru, ia mengurangkan sekurang-kurang tiga perempat musuh Umno yang terdiri daripada orang-orang Abim. Dengan

kemasukan Anwar itu juga Umno dapat modal dan membuktikan kepada masyarakat Islam negara ini bahawa Umno adalah parti Islam. Dalam masa sama dengan penyertaan Anwar ke dalam Umno melegakan masyarakat bukan Islam, kerana feudemantalis yang mereka takuti telah menutarkan diri dalam parti Umno. Sejajar itu juga kekuatan Abim lumpuh dengan ketiadaan Anwar.

Pendapat ini ada benarnya juga kerana pengaruh dan peribadi Anwar di kala itu begitu besar dan tinggi sekali. Aset yang ada kepada Anwar ialah idealisme Islamnya. Umno inginkan Anwar kerana mahu mengubah *strand* Umno daripada sekular kepada Islam. Dan keinginan Umno boleh capai menerusi Anwar sahaja. Hakikat ini boleh dirasai benar kerana selepas Anwar menyertai Umno, program-program penerapan nilai-nilai Islam dalam kerajaan diperkenalkan dengan pesatnya. Perwujudan Bank Islam, Universiti Islam, Takafur, pengemaskini terhadap Lembaga Tabung Haji adalah hasil di atas peneloran idea dan cita-cita Anwar Ibrahim.

Begitulah perspsi dan reaksi orang ramai terhadap tindakan Anwar menyertai Umno. Ternyata ia berbeza diantara satu puak dengan puak lain. Perbezaan itu bergantung kepada kepentingan masing-masing. Bagi mereka yang menganggap Anwar sebagai musuh sebelum ini, mereka menerima Anwar sebagai kawan baru. Dan sebaliknya yang menganggap sebagai sahabat, kini telah bertukar menjadi seteru yang tidak boleh bertikam bayang. Manakala yang berfikiran terbuka menerima pemergian Anwar itu sebagai seorang pahlawan yang didoakan akan berjaya dan selamat dalam perjuangan.

Namun yang pastinya bagi Anwar keputusannya menyertai Umno itu ada agenda tersendiri. Tindakan itu

tentulah difikir kerana ia memberi implikasi yang besar kepada kerier politik dan perjuangannya. Tidak mungkin keputusan itu dibuat secara bersendirian. Sebagai tokoh yang mempunyai pengaruh tentu Anwar berbincang, setidak-tidaknya dengan kawan-kawan baiknya. Yang jelas kemasukan itu membawa misi tersendiri. Dan beliau masuk tentu tidak berseorangan walaupun ia bukan bermaksud hendak mengAbimkan Umno!

Kenapa kemasukan itu menjadi kontroversi ialah kerana agenda itu tidak didedahkan kepada umum terlebih dahulu. Anwar tidak sedikit pun membayangkan yang ia akan menukar wadah perjuangan. Ketika itu juga tidak ada petada bahawa Uumno akan mengalami perubahan kepimpinan. Dakwaan yang disebarluaskan sebaliknya di nafikan sekemas-kerasnya. Tetapi bagi orang yang arif mengenai perjuangan, tetap beranggapan kemasukan itu di atas satu keyakinan dan keazaman yang besar dan bukannya secara suka-suka atau apalagi dengan tuduhan Anwar ingin mengejar kekayaan.

Apa juga noda dan najis ekoran kemasukannya ke dalam parti sekular itu dilemparkan kepadanya, beliau bersabar. Beliau ketepikan segala najis-najis dan sumpah serahan itu buat sementara waktu. Tetapi berkat kesabaran dan ketenangan serta istiqamahnya, hari ini orang sudah mula melihat dan merasakan bahawa tindakan 16 tahun lalu yang kontradik, amatlah rasional relevansinya dan telah membawakan hasil yang baik kepada negara, bangsa dan agama.

Hari ini cita-cia yang dibungkus di dalam sanubari sekian lama sudah mula kelihatan hasilnya. Banyak perubahan khasnya sesuai dengan perjuangan Abim diterapmasukkan ke dalam Umno. Penerapan nilai Islam, pembelaan bersungguh ke atas golongan marhain, pembenterasan pen-

yelewengan seperti rasuah, politik wang adalah di atas ketegasan Anwar. Walaupun ada kalanya beliau dilihat sompong dalam soal ini, tetapi rakyat menyokongnya.

Sesungguhnya ‘tragedi’ kemasukan Anwar dalam Umno, yang banyak menumpahkan air mata kawan dan lawan, merupakan satu pengorbanan kubra yang dilakukan Anwar. Pengorbanan itu bukan kerana ghairah mengejar bintang di langit, sebaliknya dibuat atas pertimbangan politik yang cekap dan waras.

Dan hari ini setelah 16 tahun Anwar bersama Umno sudah banyak perkara yang beliau lakukan kepada parti itu. Terlalu banyak untuk disenaraikan jasa dan bakti Anwar. Tetapi apa yang paling menonjol sekali ialah, perubahan sikap dan penghayatan di dalam Umno itu sendiri. Anwar berjaya memupuk generasi Umno menjadi generasi yang berakhlik dan mempunyai cita-cita untuk melaksanakan hukum Allah.

Dalam kuasa yang terbatas beliau telah melakukan transformasi budaya, akidah dan semangat secara perlahan dan amat hati-hati sekali. Mereka yang memahami kesulitan dan dapat membaca kecekapan Anwar akan dapat melihat perubahan dalam Umno dan juga kejayaan Anwar menerap unggul api perjuangannya.

Demikian secebis sejarah yang pernah dilalui oleh Anwar dan sejarah itu tetap akan dikenang. Ternyata agenda yang disemat kemaskan di dalam sanubarinya, hari ini dipraktikan seberapa yang boleh! Adalah diharap agenda yang belum selesai itu dapat dilaksanakan Anwar apabila beliau dinobat menjadi Perdana Menteri.

Kenapa beliau terpaksa meninggalkan Abim — menghamparkan harapan rakan dan sahabat 16 tahun lalu, kini terjawab. Pengunduran itu sebagai satu strategi untuk

#### **TINGGALKAN ABIM TANPA TALAK**

mengambil langkah dan idea baru. Pengunduran itu adalah satu penghijrahan demi untuk memartabatkan perjuangan. Dan peninggalan ke atas Abim itu adalah satu perpisahan yang tidak pernah dilafazkan talak dan bila-bila masa Anwar boleh rujuk kepada Abim dan sebaliknya, demi untuk memartabatkan bangsa.



*Datuk Seri Anwar merubah persepsinya terhadap Barat. Beliau sedang berbual dengan Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn dan Ketua Pengarah Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus.*

# 5

## PERIBADI DAN JIHAD ANWAR

**S**EBELUM menjadi Timbalan Perdana Menteri dan tersohor ke seantero dunia pun, tidak sukar untuk mengenali Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sebut sahaja Abim, sekilas itu juga akan terbayang wajah beliau di ruangan mata. Namanya senonim dengan Abim. Walaupun beliau bukan Presiden Abim pertama, tetapi pemikiran umum telah meletakkan Abim sebagai “anak sulong” Anwar.

Bila sebut Abim, maka akan terbayanglah wajah seorang lelaki berkaca mata yang bermisai dan berjanggut, serta mempunyai dahi yang lebar. Apabila beliau meninggikan suara kedua kening akan meninggi, ini menjadi per-sempadan muka empat seginya locong dan kelihatan dia lebih dewasa daripada umurnya yang sebenar.

Pakaiannya sedarhana sekali, kemeja lengan panjang ataupun baju Melayu teluk belanga. Dari pakaian itu sudah menunjukkan sikap tawaduk dan zuhudnya sebagai seorang pejuang. Perwatakannya juga tenang dan penuh yakin.

Itu arca Anwar 20 tahun dulu, tetapi hari ini wajah itu sudah berubah. Wajahnya sedikit berisi dan keceriaannya bertambah. Wajahnya dulu yang garing seperti orang ketidakcukupan tidur, kini sudah merah menyala. Matanya

yang dulu agak cengkuk, hari ini sudah berisi, tulang pipinya dibungkusi daging yang pejal – mungkin kemewahan dan kebahagiaan sudah menyinggahi hidupnya? Bingkai dan cermin matanya juga bertukar dari besar dan tebal kepada kecil dan nipis canggih. Sesuai dengan kedudukannya, pakaianya juga berubah. Penampilan beliau kini lebih segak dan bergaya, anggun bagaikan *modeling*.

Kalau semasa dalam Abim beliau sering kali di buru. Jerjak besi sentiasa terpampang di dalam ruangan matanya. Kini semua bayangan hitam itu tidak singgah ke dalam dirinya lagi. Suara-suara ketakutan itu tidak mengekorinya selepas beliau menyertai Umno dan apa lagi kini sudah menjadi Timbalan Presiden Umno dan bakal menjadi Perdana Menteri, insya-Allah. Kebimbangan dan kerungsingan kepada halangan dan perjuangan sudah sirna dari dalam dirinya.

Saya tidak berpeluang mendekati dan mengenali Anwar secara peribadi seperti mana saya kenali pemimpin lain. Gaya hidup beliau yang ala elit, mungkin begitu jenis orang berilmu – menjadikan saya (juga rakan penulis lain) terpisah dengan beliau dan tidak dapat mengenali hati budinya yang sebenarnya. Tetapi Anwar tidak begitu kalau mengikut tutur-tutur orang yang mendekati dan mengenali feel perangainya, apa lagi para pendombanya.

Saya pernah tersempat dengan beliau yang sedang berbual-bual dan minum di kantin parlimen. Anwar tidak kekok berada di situ walaupun beliau seorang TPM. Senang sahaja beliau berbincang dan bertegur sapa dengan ahli-ahli parlimen. Usahakan menteri, timbalan menteri pun jarang masuk ke kantin. Saya masih teringat kata-kata Datuk Nazri Tan Sri Aziz Yeop; "*Di kantin parlimen itu banyak tikus, kadang-kadang tenguh sedap kita hirup bubur, tikus melintas*

*di hadapan.*" Mungkin gara-gara wujud bintang mamalia itu menyebabkan Nazri jarang dapat melihat Nazri makan atau minum di kantin parlimen.

Kalau di lihat dari luar pun menampakkan Anwar begitu, *happy go lucky*. Hobby Anwar agak berlainan dengan tokoh-tokoh politik dan korporat lain. Beliau tidak suka kepada golf yang menjadi kesukaan dan lambang status kebanyakan orang-orang besar. Dalam hal ini beliau ada persamaan dengan Dr Mahathir. Sukan yang beliau sukai ialah menunggang kuda dan main jet sky. Tetapi sejak jatuh dari kuda sebanyak dua kali, beliau sudah tidak berapa minat lagi. Anwar juga merupakan Pengerusi Equestrian Malaysia. Selain itu beliau juga peminat lagu-lagu Hindi dan tidak segan untuk menghadiri *konsert* hindustan yang dihostkan oleh Asha Bosle atau Lata Mangeshkar.

Sepanjang hayat saya hanya pernah sekali berhadapan dengan Anwar. Pertemuan itu pun secara kebetulan sahaja, dalam suasana dan *mood* yang tidak baik. Peristiwa ini berlaku di *lobby* parlimen tahun 1993. Hari itu beliau kelihatan gopah gapah keluar masuk dewan. Seorang teman memanggil namanya; "*Pak Sheikh, Sayuti nak jumpa?*" Saya terkejut dengan gelagak kawan itu, yang memang tidak senonoh.

"*Kenapa kau panggil dia, aku tidak ada apa-apa kepentingan dengannya,*" marah saya kepada teman yang 'tebolah' itu.

"*Dia lama dah nak jumpa kau. Setiap kali aku sebut namamu depannya, dia suruh aku bawa kau jumpanya,*" jelas teman itu, mungkin jujur.

Sebegitu mendengar namanya dipanggil, Anwar berjalan menghala ke tempat duduk kami di *lobby* parlimen. Teman itu menarik tangan saya untuk mendekatnya. Saya keberatan.

Tetapi kerana ingin menghormati seorang Timbalan Perdana Menteri, saya akur kepada ajakan kawan.

Sebaik berhadapan dengan Anwar saya menghulurkan tangan. Sambil menjabat tangan, beliau bersuara; “Oo... ini Sayuti, buat apa datang jumpa saya selepas hentam saya habis-habisan.”

Saya jadi terkejut dengan kata-kata itu. Serentak itu juga darah menyirat di muka dan lantas menjawab; “Saya datang sini bukan hendak jumpa you, tetapi teman ini yang pandai-pandai. Saya datang nak ikut sidang dewan. Saya tidak ada kepentingan dengan you...” Anwar terkejut dengan penjelasan itu.

“Gambar artis mana pula you hendak letakkan dekat gambil saya?” Anwar terus sergah saya.

Saya jadi benar-benar gelabah. Tidak sangka seorang Timbalan Perdana Menteri boleh bercakap demikian. Saya rasakan dia sudah tidak menyembunyikan gendang yang baik dengan saya menyebabkan saya terpaksa menari dengan gaya yang songsang.

“Tenguklah you ada affair dengan artis mana, kita akan tulislah nanti,” balas saya dengan nada marah.

“Penulis ni tak ada kerja lain ke, asyik memburuukkan pemimpin sahaja?” sambungnya lagi menunjukkan sikap jengkilnya kepada saya.

“Penulis seperti orang politik juga, cakap tak serupa bikin. Perkara yang ada ditiadakan, yang tiada diadakan...”, balas saya membela diri setelah merasa tersindir dengan kata-katanya.

“Saya tak baca buku you, buku tidak ada nilai unIslamic!” smash Anwar benar-benar marah kepada saya. Mimik mukaanya cukup buruk dan menggerunkan sekali.

Mukanya menjadi merah padam. Kedua belah cuping telinganya saya nampak seperti cili api masak ranum - merah dan panas. Pertengkaran kami itu mendapat perhatian beberapa orang menteri dan wakil rakyat yang ada berdekatan. Dalam kelam kabut itu muncul Datuk Khalid Yunus, Timbalan Menteri Pendidikan yang kebetulan berhajat dengannya, menarik tangan Anwar dan meninggalkan saya. Setelah beberapa langkah berlalu Anwar berpaling semula ke arah saya memberi salam serta berjabat salam.

Itulah pertemuan dan insiden saya dengan Anwar. Insiden itu mencatat sejarah pertama kali saya berintraksi dan berhadapan dengan beliau. Sampai kini saya tidak dapat melupai peristiwa bersejarah itu. Sebenarnya beliau marahkan saya kerana menulis buku *Anwar Ibrahim – Mimpi & Realiti* pada tahun 1990. Beliau tidak senang dengan buku itu yang dianggap cuba hendak menjatuhkannya.

Dari insiden itu dapat saya mengenali dan menilai Anwar, pertama beliau seorang yang sombong dan memandang remeh kepada orang lain dan merasakan dirinya sangat hebat. Kedua seorang yang lekas menyedari kesalahannya dan bersedia untuk mengakuinya.

Anwar dilahirkan pada 10 Ogos, 1947, di Ceruk To'Kon, Bukit Mertajam Pulau Pinang. Kalau mengikut horoskop China, tarikh kelahiran Anwar itu jatuh pada tahun Babi, (22 Januari 1947 - 9 Februari, 1948). Seorang lahir pada tahun ini dimasukan dibawah elemen api, mempunyai keperibadian yang jujur, keserdahanan dan keulitan yang luar biasa. Ia juga gagah, kuat dan berani. Orang yang lahir di bawah 'sio' ini juga akan menjalankan tugasnya tanpa mencampuri urusan orang lain.

Kalau dilihat secara umum, ramalan bintang berkenaan ada benarnya. Anwar seorang yang berani, gigih dan ulit dalam

perjuangan. Beliau bukan mudah mengaku kalah atau pun berundur sebelum berjuang. Penahanan beliau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), 1974-76 tidak melemahkan semangatnya untuk terus berjuang. Beliau mempunyai keyakinan yang penuh terhadap apa yang dihadapi dan tetap mendokong prinsip walau dalam situasi bagaimana sekali pun.

Kalau mengikut bahasa Arab, namanya juga membawa maksud dan erti yang baik. Anwar bererti "bercahaya" atau berseri-seri. Ternyata beliau membawa sinar kecemerlangan di dalam keluarganya. Tidak sia-sia bapa dan ibunya melahirkannya, sehinggakan mucul menjadi pemimpin Malaysia dan terkenal ke rantau dunia. Anwar diharap akan membawa sinar baru kepada Malaysia. Begitu pun dalam buku yang lalu saya ada memberi peringatan kepadanya, agar beliau tidak senasib dan menjadi seperti Anwar Sadat bekas Presiden Mesir yang didakwa mengkhianati perjuangan Islam?

Anwar bukan lahir dari keluarga bangsawan seperti Tengku Razaleigh, Najib Razak atau Hishamuddin, tetapi bukan juga dari keluarga yang dhaif dan miskin, seperti Ghafar Baba atau Sanusi Junid yang pernah menjadi kedi dan penjual songkok di pekan Yan Kedah. Ayahnya Haji Ibrahim bin Abdul Rahman merupakan bekas ahli parliment dan pernah menjadi Setiausaha Parliment Kementerian Kesihatan semasa Tunku Abdul Rahman. Manakala ibunya Che Yan Hussein adalah salah seorang ahli pidato Pergerakan Wanita Umno. Ibunya sering membawa Anwar ke majlis-majlis ceramah parti sedari kecil lagi.

Kedudukan itu memberi peluang kepada Anwar untuk mendapat pendidikan yang baik serta mengetahui seluk beluk perjuangan Umno sedari kecil lagi. Tetapi sesuatu yang anehnya, kenapa beliau tidak aktif dalam Umno sejak dari

awal lagi. Sebaliknya memilih Abim sebagai wadah perjuangan. Selepas menyertai Umno baru beliau diakui telah menjadi ahli Umno sejak di bangku sekolah lagi.

Kelewatan untuk Anwar bergerak cergas dalam Umno ini, mungkin Umno pada masa itu tidak sesuai dengan jiwanya. Beliau tidak yakin perjuangan parti ayahnya itu dapat melaksanakan apa yang menjadi azam dan cita-citanya.

Anwar mendapat pendidikan awal di sekolah Stowell, Bukit Mertajam. Di sinilah beliau mendapat pendidikan dan pengetahuan asas mengenai agama. Pada tahun 1960 hingga 1966 beliau memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Beliau aktif dalam pesatuan bahasa dan menjadi wakil bahas kolejnya. Beliau juga dilantik menjadi Ketua Sekolah (*head boy*). Di kolej anak orang kaya inilah beliau mengenali dan bersahabat dengan Sanusi Junid, Kamaruddin Jaaffar, Allahyarham Yahaya Ahmad, dan lain-lain.

Tahun 1967 Anwar memasuki Universiti Malaya menuntut dalam bidang Pengajian Melayu. Semasa di kampus beliau bergerak aktif dalam Kesatuan Bahasa Melayu, dan menjadi Presidennya pada tahun 1968. Pada tahun yang sama juga beliau dilantik menjadi Presiden Kesatuan Kebangsaan Penuntut Muslim Malaysia.

Anwar merupakan diantara mentor penggerak kepada kesatuan pelajar khususnya di Universiti Malaya. Beliau sangat mengambil berat terhadap nasib rakyat bawahan dan kesungguhan itu melayakkan beliau digelar tokoh mahasiswa rakyat. Tahun 1969 beliau telah berganding bahu dengan Dr Mahathir Mohamad yang dipecat dari Umno menentang kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Bermula dari sinilah mereka berdua dikatakan mempunyai gerak jiwa yang sama untuk membela bangsa Melayu.

Anwar banyak melalui liku-liku perjuangan dan mengecapi pahit manisnya. Kenangan manis dan paling bermakna ialah penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) bersama dengan rakan-rakannya sewaktu di MCKK pada tahun 1971 yang kemudian telah menjulang namanya. Abim telah muncul menjadi gerakan Islam bebas di negara ini dan ditakuti dan dihormati oleh kerajaan.

Dan kenangan pahit yang mengajar beliau erti perjuangan ialah apabila di tahan di bawah ISA selama dua tahun 1974 - 1976 kerana terlibat dengan tunjuk perasaan anti kemiskinan di Baling. Penahanan ini juga sekaligus mengikhtirafkan Anwar sebagai pejuang dan telah meletakkan namanya setanding dengan pejuang bangsa lain.

Anwar juga banyak memegang jawatan dalam pergerakan belia. Selain menjadi Presiden Abim, tahun 1974, beliau juga menjadi Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), dan jawatan paling berprestaj ialah sebagai Penasihat Majlis Belia Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1973. Ketika menjawat jawatan inilah beliau berpeluang mendedahkan dirinya dengan dunia antarabangsa dan mengenali serta bersahabat dengan tokoh-tokoh pejuang gerakan Islam antarabangsa.

Diatas segala perngorbanan beliau dianugerah berbagai pingat diantaranya ialah Pingat Utama Eqbal Seratus Tahun oleh Presiden Zia ul-Haq, Presiden Pakistan tahun 1979 diatas prihatin berat Anwar kepada nasib umat Islam Malaysia dan seluruh dunia. Selain itu perlantikan sebagai Penasihat Belia Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 1973 juga merupakan satu penghormatan besar kepadanya dan negara.

Anugerah demi anugerah terus diterima oleh Anwar sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam kabinet kerajaan Dr

Mahathir. Sultan Ahmad Shah telah menganugerahkan darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk Seri, begitu juga dengan Sultan Selangor dan lain-lain.

Anwar juga merupakan seorang suami dan ayah yang baik dan bertanggungjawab. Beliau pandai mengendalikan bahtera rumah tangganya. Walaupun beliau sibuk sebagai perjuang, tetapi kepentingan rumah tangga tidak diabaikan. Lautan rumah tangganya tidak pernah terdengar berombak, ataupun dipukul taufan seperti mana sesetengah menteri lain.

Anwar berkahwin dengan Dr Wan Azizah Datuk Ismail penuntut Royal College of Surgeons, Dublin tahun 1978. Cinta mereka berdua berputik ketika Azizah bertugas di Klinik Mata di Hospital Universiti, Petaling Jaya. Azizah mengenali Anwar melalui tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh Anwar. Mungkin gaya bahasa Anwar yang indah dan susunan ayat yang menggetarkan jiwa menyebabkan Dr Wan Azizah jatuh hati kepada Anwar. Dr Azizah ketika itu berada di tingkatan 6.

Pertemuan pertama mereka berdua berlaku ketika Anwar melawat ke hospital tempat Dr Wan Azizah berkerja itu. Selepas dua kali bertemu mereka terus kahwin. Hasil perkahwinan dengan isteri tercintanya itu, Anwar dikurniakan empat orang cahaya mata.



Apa yang berlakukan kepada Suharto hendaklah di ambil ikhtibar oleh pemimpin negara ini. Sekiranya mereka tidak berhati-hati mungkin apa yang berlaku kepada Suharto akan menimpa mereka.

# 6

## ANWAR TOKOH BERNASIB BAIK

**W**ALAUPUN kemasukan Datuk Seri Anwar Ibrahim ke dalam Umno pada 29 Mac 1982 disambut dengan penuh mesra oleh ahli-ahli Umno, tetapi tidak semua di kalangan pemimpin parti itu menerima baik kemasukan itu. Ada yang secara diam-diam merunggut bahawa kemasukan Anwar dalam Umno tidak perlu, kerana ia tidak banyak memberi keuntungan kepada parti itu.

Runggutan itu datangnya dari mereka yang merasakan diri mereka akan terpinggir dengan kehadiran tokoh Islam itu. Dengan kemasukan Anwar tersebut mereka sudah dapat membayangkan nasib dan masa depan mereka dalam Umno tidak berapa selamat. Justeru itulah, secara diam-diam mereka tidak menunjukkan sikap mesra dengan Anwar dan berusaha agar misi kemasukan itu gagal.

Lain pula dengan mereka yang tidak mempunyai kepentingan, menerima kemasukan Anwar sebagai satu rahmat besar dan aset paling mahal buat masa depan Umno. Mereka beranggap Tuhan telah menghantar seorang dewa ke dalam Umno untuk memimpin dan memperbetulkan parti bangsa Melayu itu. Pejelmaan Anwar itu persis seperti tunas

yang bakal tumbuh subur merendangkan masa depan Malaysia.

Yang tidak senang kepada Anwar itu, termasuk juga mereka yang dikatakan turut terlibat semasa majlis ‘peminangan’ Anwar dahulu. Mereka mula memandang serong, mungkin juga menyesal membawa Anwar masuk Umno kerana ternyata Anwar telah mengatasinya mereka dalam segala hal.

Diantara tokoh-tokoh yang dikatakan terlibat dalam usaha membawa masuk Anwar ialah Tengku Razaleigh Hamzah. Perbincangan awal dikatakan bermula dirumah Tengku Razaleigh, kemudian seterusnya dibawa ke rumah Dr Mahathir di Seri Perdana. Kalau mengikut versi Senator Datuk Ibrahim Ali, beliaulah orang bertanggungjawab membawa Anwar berjumpa dengan Tengku Razaleigh, kemudian Tengku Razaleighlah pula yang membawa Anwar ke Seri Perdana. Ibrahim hanya mengikuti perbincangan dari luar pagar Seri Perdana.

Mungkin Tengku Razaleigh sendiri tidak pernah membayangkan bahawa “anak angkatnya” itu akan naik ke atas kepalanya suatu hari kelak. Ketika merancang untuk membawa masuk Anwar ke dalam Umno, Tengku Razaleigh mungkin lupa sejarah Nabi Musa dengan Firaun – dimana anak yang dipunggut akhirnya memusnahkan empayar *thagrutnya* (Firaun). Hari ini apa yang berlaku ke atas Firaun, telah berlaku ke atas Tengku Razaleigh, bila mana beliau makin terpinggir dan terasing sedangkan ‘anak yang dihanyutkan dalam sampan’ (Anwar) sudah berada di dalam istana dan bakal menguasai seluruh negeri tidak lama lagi?

Adalah adil dan wajar bagi tokoh-tokoh tertentu dalam Umno merasa curiga dan cemburu kepada Anwar. Betapa

tidak mereka merasakan mereka berhak mendapat peluang-peluang lebih besar di dalam parti itu berbanding Anwar kerana mereka lebih lama berada dan berjuang dalam Umno. Mereka merasakan sangat tidak adil, Anwar yang dibentangkan permaidani merah, belum merasai masin keringat perjuangan telah mendapat tempat seistimewa itu. Pada mereka Anwar harus membayar dengan harga sangat mahal sebelum dapat meraih kedudukan seperti hari ini.

Bukan sahaja Tengku Razaleigh dan Tun Ghafar Baba, para pemuka Umno lain juga tidak senang dengan Anwar. Pada mereka kemasukan Anwar boleh mengancam kedudukan mereka. Satu peringkat dahulu kelonjatan Anwar di dalam Umno juga tidak disenangi oleh Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Tan Sri Sanusi Junid dan lain-lain. Mereka seperti sudah tersisih apabila Anwar berada dalam Umno. Kecemerlangan Anwar dalam merebut jawatan telah meletakkan mereka di belakang dan menenggelamkan terus jasa-jasa mereka sebelum ini. Populariti mereka juga hilang dan pengaruh mereka dalam parti itu telah banyak dicuri oleh Anwar. Mereka juga jadi teralat untuk menunjukkan *performance* mereka, sebab itulah lama kelamaan kehebatan mereka dilupai.

Bagaimana pun tokoh paling kecewa dengan kemajuan dan kedudukan yang dicapai oleh Anwar tentulah Ghafar Baba kerana populariti Anwar bukan saja melindungi kehebatan Ghafar tetapi juga terus menggasirkan Gahafar dari kerusi Timbalan Perdana Menteri. Walaupun tempat itu lebih patut diduduki oleh Anwar, tetapi Ghafar tetap merasakan ia berhak memandangkan perjuangannya yang lebih lama berbanding Anwar dalam Umno. Kalau hendak dikira Ghafar bolehlah dianggap sebagai orang yang sama

jadi dengan Umno, sedangkan Anwar adalah perantau yang singgah sekadar berdagang sahaja di tanah Umno yang subur itu!

Demikian juga halnya dengan Abdullah Badawi dan Sanusi, mereka kurang senang dengan kecemerlangan dan gaya Anwar berpolitik. Baik Abdullah Badawi maupun Sanusi sukar untuk menerima hakikat mereka terpaksa berada di belakang Anwar kerana mereka lebih dahulu merasai pahit maung dalam Umno. Kemunculan Anwar benar-benar mengerhanakan harapan mereka.

Sanusi sering kali mengungkitkan rasa tidak puas hatinya dengan kerendahan Anwar bila setiap kali bercakap mengenai sejarah kemasukan Anwar dalam Umno. Apa yang Sanusi kesal ialah sewaktu beliau mengambil keputusan menyertai Umno, beliau ditentang hebat oleh pemimpin Abim termasuk Anwar. Berbagai tuduhan dilemparkan kepadanya, munafik dan telah mengkhianati perjuangan (Abim). Bagi sesetengah pemimpin Abim pada masa itu, parti Umno adalah parti sekular yang perlu ditentang habis-habisan. Bagi mereka kalau ada ahlinya ingin aktif dalam politik lebih afdal menyertai Pas, sebab Pas dilihat lebih Islamik berbanding Umno?

Tetapi apa yang memerlukan kata Sanusi, belum hilang desiran fitnah dan tohmahan ke atasnya, alih-alih beliau (Anwar) sendiri menyertai Umno. Siapakah yang sebenarnya munafik dalam soal ini, tanya Sanusi? Kita cukup faham kenapa Sanusi kurang senang dengan Anwar, bukan kerana kawan karibnya itu menyertai Umno, tetapi kerana ia telah menjadi pesaing menghanyutkan kepopularitinya di dalam Umno. Itulah yang mungkin tidak dapat diterima oleh cucu menantu pahlawan Aceh, Daud Braweh itu.

Tetapi hari ini *Alhamdulilah*, Sanusi tampaknya sudah

dapat merasai untung dan rugi kalau dia terus bermusuhan dengan Anwar. Kata-katanya kepada penulis; "Kalau tidak Anwar siapa lagi untuk diharap jadi pemimpin negara", cukup menyeronokkan. "Setidak-tidaknya Anwar berjanji untuk membuat Islam," ujar Sanusi dalam pertemuan dengan beliau di Alor Star tidak lama dulu. Perkembangan tentang diri Sanusi terhadap Anwar ini dikira positif dan ikhlas!

Demikian juga alasan Abdullah Badawi kenapa beliau kurang senang dan dapat duduk satu saf dengan Anwar, ialah kerana cemburu dengan *glamour* yang ada pada Anwar. Abdullah benar-benar merasakan Anwar telah menganggu cita-citanya. Ia bermula apa bila Anwar telah mengambil alih kepimpinan Umno Pulau Pinang yang dipegang Abdullah sebelum ini. Pengambilalihan itu diterjemahkan oleh para penyokong Abdullah Badawi sebagai rampasan kuasa oleh Anwar untuk menipiskan pengaruhnya di Pulau Pinang.

Jika dilihat dengan kepala dingin, baik Sanusi atau Abdullah tidak seharusnya berseteru dengan Anwar. Mereka tidak perlu cemburu dengan apa yang Anwar perolehi hari ini. Mereka sepatutnya duduk semeja merencanakan pembangunan bangsa dan negara dengan penuh permaufakatan.

Sanusi adalah rakan seperjuangan dengan Anwar dalam Abim. Malahan mereka bersahabat dan sama-sama merancang untuk agama dan bangsa sejak di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) lagi. Mereka seperti adik abang dalam gerakan Islam itu. Manakala Abdullah pula cukup baik kalau menjadi gandingan kepada Anwar. Latar belakang, pendidikan dan pengetahuan yang luas dalam Islam menjadikan mereka sangat cocok untuk bersama. Sekiranya Abdullah Badawi bersedia menerima hakikat bahawa Anwar mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak dimilikinya, banyak

masalah umat Islam di Pulau Pinang dapat diselesaikan. Mereka berdua seharusnya peka kepada nasib umat Melayu di Pulau Pinang yang semakin hari semakin terjempit. Apa guna Pulau Pinang mempunyai dua orang pemimpin hebat kalau nasib Melayu dan Islam tidak boleh dibela?

Sebenarnya tidak wajar kalau mereka – Abdullah dan Sanusi marahkan kepada Anwar. Anwar bukan sengaja berbuat untuk menenggelamkan kedua pemimpin itu. Tidak ada *politiking* bagi pihak Anwar. Ada pun kenapa Anwar kelihatan lebih popular ialah kerana keadaan mewujudkan demikian. Hakikat bahawa kedatangan Anwar di dalam Umno adalah kena pada masanya haruslah diterima. Kenaikan Anwar secara drastik, ialah kerana Umno sendiri yang menyediakan landasan kepadanya. Kalau Sanusi atau Abdullah atau sesiapa sahaja hendak marahkan Anwar, mereka kena marah kepada ahli Umno, terutamanya Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh kerana merekaalah bertanggungjawab membawa masuk Anwar.

Bukan itu saja kemasukan Anwar dalam Umno dikira *right on the time* – sewaktu parti itu memerlukan seorang pemimpin muda yang berwawasan dan mempunyai semangat dan cita-cita Islam yang global bagi menghadapi cabaran negara di masa hadapan. Bakat dan *track record* yang ditunjukkan dalam Abim menyakinkan orang-orang Umno. Walaupun Sanusi dan Abdullah merupakan pemimpin gerakan massa lain, (Sanusi MAYC dan Abdullah - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung), tetapi kehebatan mereka tidak dapat mengatasi Anwar dan terhad dalam negeri sahaja.

Apabila melihat dan membelek sejarah dan kejayaan Anwar didalam Umno ia sungguh mempesonakan. Anwar banyak berasib baik dalam Umno. Kejayaan yang dicapai

hari ini tidak memerlukan banyak perjuangan/kerja seperti tokoh lain. Di sinilah barang kali berkatnya orang yang mempunyai aspirasi Islam, ianya akan dipermudahkan Allah.

*"Apabila kamu telah berjuang di jalan Aku, akan ku permudahkan segala-galanya untukmu"* - Maksud Quran.

Tidak sampai setahun menyertai Umno beliau dipilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno setelah menewaskan Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dan Hang Tuah Arasd dengan majoriti 10 undi. Anwar memperolehi 226 undi manakala Suhaimi 137 dan Hang Tuah 3 undi.

Kemenangan dengan 10 undi menjadi obor kepadanya untuk merubah pergerakan itu. Beliau banyak melakukan reformasi dalam pemuda, mengemukakan idea baru dan menghapuskan budaya bersosial yang menjadi budaya dan amalan Pemuda Umno sebelum ini. Anwar membawa slogan Pemuda Penggerak Zaman dengan memberi kesedaran kepada Pemuda agar mengkaji rahsia kejayaan masa lampau untuk dijadikan landasan menggerakan zaman ini. Pada Anwar kekuatan Pemuda bukan pada kelantangan bersuara, mendesak sebaliknya bertindak menyempurnakan tanggungjawab yang diamankah dan memastikan dasar yang dijanjikan dilaksanakan dengan efektif.

Apa yang paling menyerlah Anwar melaksanakan citacita dan juga iltizam perjuangannya dalam Pemuda seperti memperjuangkan soal-soal keadilan, membela kemiskinan rakyat bawahan. Beliau lebih banyak menjadikan Pemuda sebagai penyelesaian masalah Umno daripada bertindak sebagai *pressure group*.

*"... meninggikan moral rakyat, menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara dan kehidupan*

*rakyat serta usaha-usaha mempertahankan maruah bangsa dan negara adalah langkah-langkah yang pasti didokong sepenuhnya oleh generasi muda.”*, tegas Anwar - Putera Mahkota UMNO.

Tahun 1984 beliau dicabar sekali lagi oleh Suhaimi Kamaruddin. Cabaran kedua Suhaimi ini sebagai mengesahkan kekalahan beliau dua tahun sebelumnya. Kali ini jumlah majoriti diperolehi Anwar meningkat kepada 89 undi. Era pembaharuan yang mula diterapkan oleh Anwar yang berorentasikan Islam meletakkan beliau sebagai pemimpin Pemuda yang unggul dan disegani. Generasi pemuda di zaman beliaulah mula diwangikan dengan aroma nilai-nilai Islam.

Tahun 1986 sekali lagi beliau dicabar, kali ini oleh anak Singa Umno, Syed Hamid Jaafar Albar. Pertandingan ini dilihat sebagai satu ujian ke atas pengaruh dan kekuatan Anwar. Syed Hamid dilihat sebagai *proxy* kepada tokoh tertentu, tepatnya kumpulan yang menentang Dr Mahathir. Dalam pertandingan ini Anwar memperolehi 303 undi manakala Syed Hamid 109 undi. Kemenangan *hictrick* itu menjelaskan kepada umum bahawa kepimpinan, idealisme dan pendekataan Anwar semakin mantap dan diterima dalam Umno serta menyakinkan bahawa beliau akan muncul sebagai pemimpin besar Umno pada masa akan datang.

Bintang Anwar terus mengerdik di langit Umno. Langkahnya juga semakin panjang. Dalam pemilihan pada 24 April, 1987, beliau berjaya menduduki kerusi Naib Presiden Umno, bersama Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad. Kedudukan dan pengaruhnya itu makin menyerlah dan menebal apabila berjaya mengekalkan kedudukan itu dalam tahun 1990, dengan

mendapat undi terbanyak 1,067.

Pertandingan tahun 1990 ini adalah realistik kerana Anwar terpaksa berhadapan dengan rakan yang sebaya dan mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri, seperti Sanusi dan Abdullah. Pertandingan itu juga mengesahkan bahawa ketiga pemimpin itu pada masa itu adalah khazanah negara dan Anwar dengan mendapat undi terbanyak menunjukkan kepercayaan ahli Umno kepada beliau. Abdullah dan Sanusi turut dipilih menjadi Naib Presiden bersama Anwar dengan masing-masing mendapat 953 dan 750 undi.

Arus perdana dan keinginan ahli Umno yang mahukan perubahan kepimpinan secara menyeluruh pada tahun tahun 1993 membuka era baru kepada Anwar. Arus perdana itu telah mendesak Anwar supaya mengambil alih tempat Ghafar Baba yang tidak relevan sebagai pembantu kepada Dr Mahathir apa lagi untuk menghadapi cabaran tahun 2020. Ketika ini Anwar benar-benar berada dalam keadaan delima sama ada hendak mengikut desakan arus ataupun menentang kemahuan yang banyak itu. Sudah tentu jika beliau tidak akur kepada desakan ahli Umno, ahli Umno akan kecewa dan menyebabkan peluang seumpama itu tidak mungkin dibuka untuknya lagi.

Dalam delima itu ternyata keghairahan Anwar telah menghilangkan sabarnya — beliau akhirnya bersetuju untuk mencabar kedudukan Ghafar. Keputusannya itu menyebabkan tuduhan dan dakwaan oleh pihak Ghafar kononnya ada *grand design* untuk menjatuhkan tokoh yang menggelarkan dirinya sebagai gasing. Ghafar yang sudah merasakan dirinya dijadikan ‘plastik rokrak’, mengundur diri sebelum bertanding. Pengunduran Ghafar sungguh memilukan dan ‘konspirasi’ itu menunjukkan sudah tidak ada lagi diplomasi

dan toleransi di dalam Umno pada masa itu. Arus yang dibawa oleh apa yang dinamakan "Team Wawasan" sungguh kencang sehingga ia menyebabkan Dr Mahathir sendiri tidak dapat berbuat apa-apa untuk mempertahankan Ghafar. Dalam masa yang sama juga Dr Mahathir turut rimas dengan ledakan arus berkenaan.

Serentak dengan kecemerlangan beliau dalam parti, pencapai dalam kerajaan juga memberangsangkan. Sebaik menyertai Umno beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1982 - 1983). Setahun kemudian beliau terus dinaikkan pangkat menjadi Menteri Belia dan Sukan (1983 - 1986).

Di kementerian ini tidak banyak perubahan yang dilakukan Anwar, beliau sekadar menyalin idea yang diterapkan dalam Pemuda kepada golongan belia. Apa yang dibawa ke atas Pemuda itulah yang dikemukakan kepada kaum belia dengan berusaha menyemaikan generasi muda dengan nilai-nilai moral yang tinggi.

Setelah tiga tahun di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Anwar diubah ke Kementerian Pertanian (1985 - 1986), kemudian Pelajaran (1986 - 1990) hingga ke kementeri Kewangan (1990 hingga kini). Perubahan ini disifatkan sebagai latihan kepada Anwar mengenali seluk beluk kepimpinan. Ia dikira wajar sebagai bakal Perdana Menteri didedahkan dengan segala ilmu dan mengenali segala masalah rakyat dan negara. Kenaikan pengkat secara drastik itu pula memberi gambaran bahawa Anwar memang sudah siap dilatih sebagai pemimpin masa depan.

Pada mulanya banyak yang ragu dengan kemampuan Anwar untuk menerajui Umno. Sesetengah tokoh yang merasakan beliau lebih layak menjadi Menteri Kewangan

mempertikaikan tindakan Dr Mahathir melantik Anwar menjadi Menteri Kewangan. Sementara itu orang ramai telah membuat spekulasi, tokoh yang bakal mengganti Daim Zainuddin ialah Sanusi Junid atau Rafidah Aziz memandangkan kepada kelayakan mereka dalam bidang kewangan.

Anwar tidak mempunyai pengalaman dan kelulusan ikhtisas dalam bidang kewangan. Jadi tidak hairanlah kalau ada yang menyindir Anwar sebaik sahaja beliau menerima jawatan itu beliau terpaksa menjalani kurus *book keeping* serta lain-lain kurus mengenai pentadbiran dan pengurusan kewangan.

Beberapa tahun kemudian segala telahan itu akhirnya terjawab. Dr Mahathir tidak silap melantik Anwar menjadi Menteri Kewangan. Disamping untuk mendedahkan Anwar kepada pengurusan kewangan bagi persiapan menjadi Perdana Menteri, Anwar sememangnya mampu mengendalikan pertubuhan ekonomi negara. Anwar nampaknya bersedia melengkapkan dirinya dengan ilmu pengurusan ekonomi dan kewangan. Beliau tidak hanya asyik dengan buku-buku falsafah peperangan minda dan politik sahaja.

Kadar pertubuhan ekonomi negara naik 8 peratus setahun selama lapan tahun berturut-turut. Perkembangan itu merupakan satu kejayaan besar, dan Anwar sendiri rasanya tidak mempercayai terhadap apa yang diusahakan itu.

Perlahan-lahan beliau mula dihormati. Kerajinan, kesungguhan beliau memperluaskan diri dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kewangan, penglibatan aktif beliau dalam forum di peringkat antarabangsa meletakkan beliau salah seorang Menteri Kewangan yang disegan di rantau ini.

Perlantikan beliau sebagai Penggerusi Jawatankuasa

## SIAPA PENCABAR ANWAR?

Pembangunan Bank Dunia/Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 1 April 1998 lalu, sekali lagi membuktikan dunia telah mengiktiraf kemampuan dan kebolehan Anwar dalam pengurusan kewangan dan ekonomi. Perlantikan itu juga secara tidak langsung merupakan satu penghormatan badan dunia itu kepada Malaysia khasnya dan Asia Tenggara amnya. "*Sebagai Timbalan Menteri dan Menteri Kewangan negaranya, kita sedar bahawa beliau adalah seorang yang sibuk. Kami akan cuba untuk menjadikan tugasnya, dalam jawatan penting ini, semudah yang boleh untuknya,*" kata Shakow Setiausaha Esksekutif Jawatankuasa itu ketika mengumumkan perlantikan Anwar.

Begitulah liku-liku perjalanan Anwar dalam politik. Ianya dilihat sungguh mudah dan seperti sudah ada *track* untuk beliau meluncur laju. Sepanjang penglibatannya dalam politik, Anwar belum pernah merasai detik yang mencabar dan mendapat tentangan yang memanaskan punggungnya. Satu tahap ke satu tahap beliau langkahi dengan penuh yakin dan bahagia.

Anwar tidak pernah mengalami tekanan dalam politik apa lagi merasai tepisan air mata kekecewaan seperti tokoh-tokoh lain seperti Dr Mahathir, Tengku Razaleigh, Ghafar Baba. Anwar sering bermasib baik dalam perjuangannya. Beliau naik tepat pada masanya dan ketikanya. Beliau naik bukan kerana menentang arus sebaliknya didorong oleh arus. Itulah menyebabkan kehadiran Anwar seperti sudah dijanjikan.

## KEPIMPINAN ANWAR TIDAK PERLU DITAKUTI

**P**ELBAGAI ramalan dan spekulasi hitam dibuat tentang masa depan negara apabila ianya diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim kelak. Semua ramalan para nujum itu membawa maksud mengecerkan ketidakmampuan Anwar untuk menjadi pemimpin nombor satu negara. Spekulasi itu bertujuan merendah-rendah kemampuan dan kewibawaan Anwar. Mereka yang menimbulkan spekulasi ini adalah terdiri dari broker politik yang mendapat upah dan menjadi penjaja kepada tokoh-tokoh tertentu, yang menjual dengan murah kononnya tokoh idola mereka sebagai tokoh yang fleksible.

Diantara suara-suara sumbang yang sering dilontarkan apabila bekas Presiden Abim itu menjadi Perdana Menteri nanti, kononnya solidariti kaum dan kestabilan politik berbilang bangsa yang dikecapi kini akan musnah. Kononnya perpaduan kaum di negara ini terancam kerana masyarakat bukan Melayu – China dan India tidak menyukai idealisme dan stail kepimpinan Anwar yang jelas mirip kepada Islamik.

Kemungkinan kenapa dibimbangkan akan berlaku fenomena berkenaan, kerana perwatakan dan sikap radikal Anwar. Pembawaan watak dan stail kepimpinan yang bakal

diamalkan Anwar dianggap boleh merugi dan melemahkan kuasa bukan Melayu untuk terus menguasai bangsa Melayu. Kemungkinan ini diukur dan dipadankan dengan sejarah perjuangan Anwar masa lampau, khususnya ketika beliau memimpin gerakan pelajar di kampus dan juga sewaktu menjadi Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Dakya sumbang itu lebih khianat lagi apabila dicocok dengan andaian-andaian liar, sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri beliau akan berusaha menggasirkan masyarakat bukan Islam dengan memberi tumpuan lebih kepada pembangunan Islam. Pembangunan Islam yang digambarkan itu pula boleh menyebabkan bukan Islam tertindas dan didiskriminasikan. Akhirnya, tekan mereka akan berlaku ketegangan kaum di negara ini sekali lagi.

Justeru itulah, hujah mereka masyarakat China tidak akan memberi kerjasama kepada Anwar seperti mana wujud hari ini. Kesan daripada itu maka kestabilan politik, perpaduan kaum seterus kehormonian bernegara yang dikecapi selepas peristiwa 13 Mei, akan musnah. Barisan Nasional (BN) yang menjadi bahtera penyalamat kepada *politiking* antara kaum juga akan hancur.

Demikian ramalan dan spekulasi yang dibuat oleh para antagonis yang tidak mahu Malaysia dipimpin oleh Anwar. Sudah pasti mereka yang mengemukakan kesimpulan itu adalah orang yang bukan sahaja anti kepada Anwar sebaliknya secara tidak langsung anti kepada perpaduan nasional kerana segala ramalan seumpama itu boleh menimbulkan salah anggap masyarakat bukan Islam dan membuka ruang perbalahan diantara kaum di negara ini.

Tidak dinafikan gambaran yang diberikan itu sungguh menakutkan sekali. Ia mengecutkan perut sesiapa dan me-

nimbulkan kegelisahan kepada setiap warga negara yang cintakan kepada kedamaian – baik masyarakat Melayu ataupun bukan Melayu.

Suara ataupun tanggapan liar begitu tak ubah seperti jeritan para jembalang yang membawa niat untuk merosakkan bangsa. Suara-suara itu dijelmakan dengan begitu halus dan licit sekali. Walaupun natijah awalnya untuk kepentingan politik peribadi dan puakan, dengan maksud hendak menolak atau menyekat Anwar daripada mara ke kerusi Perdana Menteri, tetapi ia memberi implikasi dan kesan yang buruk kepada pembangunan negara dan bangsa.

Lantaran itu ada baiknya juga kalau pihak kerajaan mengawasi golongan ataupun kempen-kempen seperti itu. Kita tidak mahu kerana tindakan atas kepentingan politik keperibadian dan tokoh-tokoh tertentu ia boleh menjadi ancaman dan mendatangkan bahaya kepada negara. Tidak mustahil kalau ada pihak yang kurang arif dengan pro-panganda seperti itu, ia boleh menimbulkan telahan yang tidak baik diantara orang Melayu dengan orang bukan Melayu. Kalau ia menjadi kenyataan betapa sedihnya, kerana gara-gara fitnah itu kedamaian yang dikehendaki kini akan menjadi mangsa dan terkorban.

Dalam pada itu sudah tentu bagi ahli politik (Umno) yang berfikiran sempit dan cetek akan menjadikan suara-suara sumbang yang mempunyai niat untuk memburukkan Anwar itu sebagai umpan pancing yang lazat. Seandainya mereka tidak membuat penyelidikan dan menelan umpan seperti ikan menelan cacing, mereka akan tersangkut dengan joran fitnah, dan natijahnya timbul perasaan benci terhadap Timbalan Perdana Menteri yang kini dikira amat berhak untuk mempusakai jawatan Perdana Menteri.

Oleh kerana itu setiap ahli Umno hendaklah berfikir secara

bijaksana. Setiap umpan yang dilemparkan perlulah diteliti apakah ianya merupakan umpan pancing yang didalamnya tertusuk joran yang tajam! Mereka perlu menggunakan fikiran waras dan menilai dengan penuh kerasionalan terhadap segala desas desus dan andaian yang disebarluaskan itu.

Satu perkara yang perlu difahami, pada saat-saat persaraan Dr Mahathir akan timbul pelbagai khabar angin dan fintah lagi. Perebutan jawatan Perdana Menteri akan lebih hebat daripada perebutan mahkota kerajaan Kelantan diantara Tengku Iskandar dengan Tengku Ismail Petra (Sultan Kelantan).

Dalam hal ini, adalah elok kalau semua orang Melayu membuat penilaian sebaik mungkin untuk mempastikan mahkota tidak diletakan di atas kepala orang yang tidak sepatut memakainya demi mengelakkan orang Melayu menanggung rugi yang banyak. Betapa kalau mahkota sudah jatuh ke atas kepala mereka yang tidak sewajarnya, negara akan menjadi kucar kacir! *"Apabila sesuatu itu tidak diurus dengan betul oleh orang yang pakar mengenainya, nantilah saat keruntuhan dan kemusahanannya."* - Maksud Hadith.

Kita harus faham apabila seseorang politik sudah mendapat kuasa mereka akan menggenggam kuasa itu sampai lumat ditangannya. Mereka akan menggunakan kuasa itu untuk terus mengukuhkan kedudukan dirinya sendiri, tanpa memikirkan nasib bangsa dan negara. Amat payah untuk mereka turun, mereka tidak peduli pada desakan dan kritikan. Oleh itu hendak waspada apabila hendak menaikan seseorang di atas tampuk kekuasaan.

Pemilihan pemimpin merupakan satu agenda yang besar, yang perlu dibuat dengan penuh ketelitian dan mengikut ciri-ciri tertentu. Dalam hal ini Islam telah menggariskan ciri-ciri dan meletakkan syarat-syarat yang sangat jelas untuk

mengangkat seseorang itu menjadi pemimpin. Tetapi dalam agenda ini nampaknya bangsa Melayu kurang memberi perhatian dan mengambil berat dalam hal ini. Mereka lebih suka mengikut ataupun membiarkan hak mereka dicerobohi begitu sahaja. Kita perlu sedar, pemimpin yang kita angkat itulah nanti yang akan membawa kita sama ada ke Syurga ataupun ke Neraka.

Berhubungan dengan suara-suara sumbang memburuk Anwar itu amatlah wajar sekali di teliti dengan halus. Untuk menilai sejauh manakah kebenaran terhadap dakwaan dan spekulasi itu ia boleh diukur kepada *track record* perjuangan Anwar dan juga dengan menyelami prinsip dan dasar-dasar perjuangannya selama ini.

Jika diimbau kembali kepada sejarah perjuangan Anwar, baik sewaktu beliau bergelar mahasiswa ataupun dalam Abim, tidak dinafikan Anwar seorang yang bergerak aktif dan mempunyai iltizam terhadap kedaulatan agama dan bangsa. Beliau banyak mengetuai tunjuk-tunjuk perasaan membela golongan marhain dari bangsanya sendiri dan seagama dengannya seperti nasib rakyat Pelestin yang ditindas Yahudi. Anwar sangat prihatin terhadap hak asasi manusia.

Satu perkara harus difahami, tindakan radikal dan agresif itu ada sebab dan alasannya sangat nyata untuk keadilan semua pihak. Beliau berdemonstrasi membela rakyat miskin yang dinafikan oleh kuasa politik sedangkan hak mereka itu dijamin oleh perlombagaan negara. Misalnya beliau menentang kerajaan Tunku Abdul Rahman, kerana penyalahgunaan kuasa, pembaziran dan membiarkan golongan miskin dan memperalatkan golongan bawahan untuk kesuburan kuasa politik yang diwarisi daripada kolonial.

Perjuangan Anwar ialah untuk rakyat, tanpa mengira

kaum dan warna kulit. Perjuangannya bersendikan Islam, berusaha untuk mendaulahkan Islam yang diyakini dapat membawa kesejahteraan kepada semua golongan manusia. Skop perjuangannya bersifat global dan bukan terbatas dalam kampung keperibadian dan kepentingan sendiri.

Idealisme perjuangan beliau ini mula diamalkan sejak dalam Abim lagi. Abim telah digunakan oleh Anwar untuk menanam semangat perjuangan Islam tulin di kalangan anak-anak muda. Pada mulanya Anwar ingin menjadikan Abim sebagai sebuah padang hijau tempat melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa. Cita-cita itu telah membawa hasil yang membanggakan.

Sebagai tokoh muda Anwar tidak terbawa dengan fahaman sesetengah tokoh pemimpin Islam silam yang sengaja menyempitkan medan perjuangan dan juga tindakan siasah. Anwar tidak suka kepada bentuk kepimpinan yang jumud dan tidak berpijak di bumi nyata. Baginya konsep perjuangan Islamlah adalah fleksibel dan relevansi sepanjang abad untuk semua umat manusia.

Justeru itu beliau menekankan sekiranya masyarakat sesebuah negara itu mahu adil, maka kepimpinan Islam hendaklah dipraktikkan kerana ia berdasarkan kepada moral dan kesucian kemanusiaan sejagat. Model kepimpinan beginilah yang akan menjadi agen pelaksana hukum Islam dan pengamalan ekonomi yang adil dan merata.

*"Kepimpinan Islam bukan, dan tidak boleh bersifat perkauman, dan tidak akan berusaha menghilangkan kepentingan bantuan dan dukungan untuk kelompok dan golongan minoriti."* Tegas Anwar – Petikan Identitas Islam Pada Perubahan Sosial-Politik tulisan Fred R.von der

Mehden yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia.

Beliau juga sentiasa menginsafi tentang corak dan juga rupabentuk masyarakat Malaysia. Sewaktu memimpin Pergerakan Pemuda Umno yang menjadi kuasa pendesak, beliau berkata;

*"Kita mestilah bersikap sederhana. Kita perlu menginsafi kenyataan yang wujud di Malaysia baik dibidang politik, sosial maupun ekonomi. Pendirian saya dalam soal ini tidak bergenjak dari dulu. Saya memutuskan untuk aktif dalam politik menerusi Umno dan keinginan kepada perubahan benar-benar wujud dikalangan Umno di semua peringkat." - Putera Mahkota UMNO.*

Berpegang kepada penegasan Anwar itu dan memahami betapa perjuangan berlandaskan Islam itu suci dan murni, masyarakat bukan Islam tidak perlu meragui perjuangan Anwar. Mereka tidak perlu merasa bimbang, sebaliknya wajar menyokong dan bersyukur dengan kehadirannya. Kejayaan perjuangan Islam telah terbukti sejak lebih 1400 tahun lalu, dan seharusnya tentang kesyumulannya tidak perlu diragukan lagi.

Perjuangan Islam bukan untuk satu kelompok, sebaliknya bersifat sejagat untuk semua bangsa. Islam diturunkan untuk *rahmatan li alamin* dan bukan bersifat *asobiyah* dan menafikan hak orang lain. Selagi Anwar berpegang kepada teras dan asas perjuangan itu, maka selama itu lain-lain bangsa (minoriti) akan terbela dan terjamin. Lainlah kalau Anwar sudah *munafik* dengan perjuangannya.

Adalah elok juga kalau masyarakat bukan Melayu mengambil kesempatan untuk *study* dan mengkaji perjuangan Islam dan juga amalan kehidupan yang diterapkan oleh Islam. Dalam hal ini kalau mereka mengenepikan sekejap dakyah para orientalis dan memerhati sendiri dengan penuh keterbukaan kepada apa yang berlaku di hadapan mereka termasuk bergaul dengan penuh keikhlasan, mereka akan dapat merasai akan keindahan Islam itu.

Untuk tujuan itu elok kalau mereka memalingkan muka ke Kelantan seketika melihat apakah yang dilaksanakan oleh kerajaan Pas di negeri itu. Sudah hampir 10 tahun Pas memerintah, tidak terdengar jeritan oleh masyarakat bukan Islam terhadap kerajaan Pas. Tidak ada tunjuk perasaan dan sebagainya. Tidak ada masyarakat bukan Islam dinafikan haknya?

Malahan golongan minoriti di Kelantan dilayan sama rata. Kesudian Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berjumpa, berintraksi dan kesediaan mendengar keluhan dan pandangan masyarakat China, Thai, India dan Orang Asli, serta memberi peluang kepada mereka menduduki jawatankuasa Kerajaan Tempatan seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Kaum dan seumpamanya, menunjukkan betapa keterbukaan kerajaan Pas yang berpaksikan kepada prinsip Islam.

Sangat jelas apa yang berlaku di Kelantan tidak seperti mana yang dihebuhan-hebuhan. Ternyata prinsip pentadbiran Islam itu tidak menafikan hak manusia. Itu pun perlaksanaan Islam di Kelantan, masih lagi terhad kerana ada bidangkuasa-bidangkuasa tertentu harus mendapat kebenaran daripada kerajaan Pusat. Misalnya perlaksanaan *Hukum Hudud*, sampai kini masih belum dapat dijalankan kerana tidak mendapat

kelulusan Parlimen. Sekiranya *Hukum Hudud* dapat dilaksanakan, keselamatan, keadilan dan kesejahteraan rakyat lebih terjamin secara meluas dan konfrehensif lagi dan tentunya kemuliaan Islam itu dapat dilihat secara realistik.

Selain itu masyarakat bukan Islam juga boleh membelek dan mengkaji sejarah pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. yang pernah mengadakan perjanjian *Hudaibiyyah* dengan orang-orang kafir. Tujuan dan semangat perjanjian itu ialah menjamin hak dan menjaga kehidupan orang-orang kafir yang berada dalam lingkungan (negeri) orang Islam.

Manakala Piagam Madinah pula merupakan satu *declaration* Islam tentang tanggungjawab dan jaminan terhadap kaum-kaum lain. Perlu juga disebut sepanjang pemerintahan Rasulullah s.a.w. tidak sebuah pun gereja atau tempat-tempat sembahyang agama lain diruntuhkan. Sebaliknya ada sebuah masjid, Birah diperintah agar umat Islam tidak sembahyang di situ kerana ianya dibina oleh orang munafik.

Berdasarkan kepada realiti itu dimanakah asasnya untuk melemparkan keimbangan kepada kepimpinan Anwar kelak. Selagi beliau berpegang kepada syahadat dan kiblat perjuangan yang benar, beliau akan tetap menjamin kesejahteraan masyarakat lain. Mereka yang sengaja membawa mulut membuat ramalan buruk terhadap kepimpinan Anwar – yang mempunyai cita-cita untuk melaksanakan Islam itu, secara tidak sedar telah merendah dan memperlekehkan agama Islam itu sendiri.

Sepatutnya tidak ada keraguan lagi kepada Anwar. Beliau seorang yang kuat berpegang kepada Islam, sudah tentu akan melaksanakan apa yang diajarkan oleh Islam. Dalam perkara ini iltizam Anwar sangat jelas dan masih menjadi tauhid perjuangannya walaupun beliau sudah menyertai Umno. Walaupun

ada kalanya beliau dilihat terjempit dan berada dalam situasi delima, tetapi digagahi juga sedaya upaya yang boleh. Setidak-tidaknya Anwar menunjukkan kecenderung yang tinggi untuk mengimplementasikan Islam di dalam pentadbirannya nanti.

Kebiasaanya pengikut akan bertindak mengikut gaya pemimpin dan orang atasan. Jika orang atasan bersikap tamak, sompong dan bongkok, maka begitulah juga dengan orang bawahan. Kalau diumpamakan diantara objek dan bayangan dalam cermin; *pemimpin adalah objek, manakala rakyat adalah bayangan di dalam cermin itu*. Hakikat ini boleh dilihat suatu hari nanti kalau Anwar ditakdirkan Allah menjadi pemimpin, isterinya Datin Dr Wan Azizah akan menjadi *first lady* Malaysia. Perwatakan dan sifat Dr Wan Azizah akan menjadi ikutan para wanita Umno khasnya. Tidak mustahil semua wanita Umno akan pakai telekong seperti Dr Wan Azizah dan tidak lagi berkelubung seperti Siti Zaharah atau Siti Hasmah.

Jika tertakdirnya Anwar menjadi pemimpin nombor satu, ia juga memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam untuk melihat apakah Islam itu zalim ataupun tidak. Kesucian perjuangan Islam itu tidak akan dapat dirasai selagi ianya tidak diberi peluang. Dengan kehadiran Anwar ia merupakan satu peluang terbaik kalau pun tidak merupakan satu ‘eksperimen’ untuk melihat akan kesyumulan Islam.

Demikian juga dengan andaian mengatakan keadaan ekonomi, politik dan sosial yang tidak stabil apabila Anwar jadi Perdana Menteri adalah satu prejudis dan propaganda murahan daripada mereka yang anti dan cemburu kepada keupayaan dan kesungguhan Anwar. Suara-suara itu tidak bertanggungjawab dan perlu disingkirkan dari minda setiap orang bangsa Melayu. Ia merupakan tohmahan kepada Anwar dan secara langsung mereka *judis* kepada kemampuan sistem

Islam itu yang dijamin sendiri oleh Allah s.w.t.

Masyarakat bukan Islam juga tidak perlu ragu kepada sikap liberal Anwar dalam bernegara. Realiti ini mereka dapat lihat sendiri bagaimana selaku pemimpin nombor dua, Anwar melayan masyarakat bukan Islam sebagai satu warganegara. Anwar bukan seorang pemimpin Islam yang fanatik dan ekstrimis. Beliau tidak menolak konsep integriti sejagat. Anwar sering berkerjasama dan meraikan semua bangsa. Tenguk pada hari-hari Tahun Baru China, Depavali dan sebagainya, beliau tidak segan silu hadir dengan penuh mesra.

Sebagai seorang yang berpegang kepada falsafah; *kecemerlangan sesuatu bangsa itu terletak di atas keutuhan akhlak dan moral*, Anwar tidak akan memandang rendah kepada kewujudan bangsa lain. Selagi bangsa itu bermoral, ia tidak akan menjadi ancaman kepada kepentingan politik bangsa dan agamanya maka selama itulah dia perlu dihormati. Pada Anwar *moralis* itulah yang akan membentuk negara!

Selain itu ada juga suara yang melahirkan keimbangan dengan kenaikan Anwar, Islam akan cemerlang kerana Anwar akan cuba melaksanakan prinsip dan dasar-dasar Islam dalam pemerintahannya. Nada keimbangan ini satu yang amat sumbang dan menyedihkan. Ia tidak sepatutnya lahir dari kerongkong orang mengakui Islam. Sesungguhnya mereka yang cemas tentang perkara ini adalah yang tidak faham dan tidak dapat menikmati kelazatan Islam.

Kita merasa aneh kenapa mereka garun kepada agama mereka sendiri? Seharusnya kita perlu berbangga kalau Islam dapat didaulahkan sepenuhnya menerusi Anwar atau sesiapa juga. Bukankah sebagai seorang Islam, kita mahu melihat Islam tegak, subur dan sejahtera? Kenapa kita harus ragu kepada kemungkinan takdir itu? Dan paling menyedihkan

keraguan itu dihemburkan pula oleh orang Islam kepada bukan Islam. Inilah satu kelemahan orang Islam yang perlu diperbetulkan.

Sejarah perlaksanaan Islam di Iran, Iraq, Pakistan dan negara-negara lain tidak wajar diimport ke negara ini dan digembar gemburkan sebagai model negara Islam sebenarnya. Islam yang menjadi anutan dan amalan kita bukan ekstrimis dan fanatik seperti mereka. Kita adalah pengamal Islam *ahlisunah wal jemaah*. Kita tidak boleh membayangkan apabila kita laksanakan Islam, suasana seperti di Iran, Iraq, Pakistan, Algeria dan lain-lain negara turut berlaku di sini. Sebenarnya gambaran itu salah dan persepsi beginilah memburuk dan menyesatkan pandangan bangsa lain terhadap Islam!

Harus difahami kenapa dunia Islam memandang tinggi terhadap kesuburan Islam di negara ini ialah kerana kesedarhamaan dan kerasionalan kita dalam melaksanakan perintah dan hukum Allah. Hari ini semua dunia sedang memerhati ke arah kita dan mengharap kita menjadi pembimbing. Apakah harapan dan peluang ini kita hendak biarkan? Harapan itu tentulah menjadi tanggungjawab kita untuk melahirkannya dan bagi tujuan itu seorang pemimpin yang berjiwa Islam yang mempunyai akar perjuangan yang dipusatkan daripada Rasulullah adalah sangat diperlukan.

Apabila kita melihat kepada bakat dan keupayaan tokoh-tokoh lain, tidak ternampak siapakah yang akan dapat melaksanakan semua itu? Prinsip pemerintah dan pentadbiran Islam hanya boleh dipimpin oleh mereka yang mempunyai *rohaniyyah* (spiritual) terhadapnya serta yang mempunyai hubungan persaudaraan yang luas. Negara Islam itu akan berdaulah apabila lahir pemimpin yang mencintai Islam. Satu hakikat yang perlu diinsafi, *seekor anak ayam itu akan lahir*

dari telor ayam juga, walaupun ianya diramkan oleh ibu itik. Dalam hal ini Anwar dilihat salah seorang dapat menuhi kriteria itu, dan ciri-ciri yang nampak jelas beliau masih bercakap tentang Islam walaupun berada dalam sebuah parti yang dipenuhi oleh *elemen sekularisme!*

Lantaran itu sekiranya kesempatan ini diperolehi oleh beliau, beliau tidak akan kekok dan canggung untuk melaksana dan mengamalkannya. Dalam pada itu juga kita perlu sedar, setelah hampir 50 tahun negara merdeka, sudah sampai masanya Malaysia dipimpin oleh pemimpin yang berorientasikan *ad-den* dan yang mempunyai keazaman yang tinggi untuk kemerdekaan bangsa dan pendaulatan agamanya. Orang itu pada masa ini tidak lain dan tidak bukan, Anwar bin Ibrahim.

Berdasarkan kepada hakikat dan kenyataan itu, ramalan-ramalan hitam dan spekulasi berdarah syaitan itu, adalah tidak lebih daripada taktik dan permainan Yahudi yang telah menyelinap masuk ke dalam naluri golongan jembalang itu yang bertujuan untuk menyingkirkan Anwar. Tanpa disedari mereka sebenarnya telah menjadi jarum kepada Yahudi untuk melumpuhkan Islam dan bangsa Melayu dengan sedikit upahan dan pujian.



*Anak bangsawan suka dipuja. Inilah masalah Najib masih kental dengan stail  
bangsawannya... Apa salahnya berjalan bersama rakyat, apa takut haus tapak kasut ke?*

# 8

## TENGKU RAZALEIGH POLITIKUS YANG MALANG

**A**KHIR dekad 1970an, banyak orang meramalkan bahawa kepimpinan masa depan negara, selepas kematian Tun Abdul Razak, ianya akan dipenuhi oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang pada masa itu memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan. Bintang Tengku Razaleigh masa itu cukup bersinar dan pengaruhnya amat besar sekali. Kejayaan beliau merampas Kelantan daripada tangan Pas pada tahun 1978 tiba-tiba menjadikan beliau sebagai pahlawan baru di dalam Umno.

Sehubungan itu para pemerhati telah meletakkan harapan besar, bahawa Tengku Razaleighlah yang akan mengisi kekosongan yang bakal ditinggalkan oleh Tun Hussein Onn. Atau setidak-tidaknya Tengku Razaleigh pasti akan menjadi orang nombor dua. Lebih nostalgik lagi beliau diramalkan menjadi anak raja kedua selepas Tunku Abdul Rahman bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Perkembangan ini bukan sahaja berpandukan kepada kejayaan Tengku Razaleigh menumbangkan kerjaan Pas yang di bawah pimpinan Datuk Mohd Asri Haji Muda, tetapi juga melihat kepada kekananan beliau di dalam parti dan kerajaan. Pada masa itu (1978) Tengku Razaleigh merupakan salah

seorang Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak, bersama Encik Ghafar Baba dan Dr Mahathir Mohamad.

Mengikut tradisi di dalam Umno, tokoh yang kananlah yang akan mengisi mana-mana jawatan apabila berlaku kekosongan.

Tetapi takdir telah mengatasi tadbir manusia. Tradisi telah bertukar menjadi tragedi! Keadaan terjadi sebaliknya dan dikira sesuatu yang ganjil pada masa itu, apabila Tun Hussein menjadi Perdana Menteri, orang yang menjadi timbalan ialah bukan Tengku Razaleigh sebalik Dr Mahathir Mohamad. Banyak pihak terheran-heran dengan kejadian itu, dan spekulasi serta andaian-andaian yang dibuat sebelum itu jauh meleset.

Pun begitu Tengku Razaleigh tidak menimbulkan apa-apa bantahan terhadap pelanggaran adat tradisi di dalam Umno itu. Sebaliknya beliau menerima sebagai tragedi hitam kepada dirinya. Beliau menerima dengan penuh terbuka. Dan bagi menjelaskan kepada ahli Umno yang kurang senang dengan keadaan itu, apa lagi sebagai menenangkan para penyokong Tengku Razaleigh, kononnya sudah ada persefahaman diantara beliau dengan Dr Mahathir?

Sebelum Hussein Onn berhenti menjadi Perdana Menteri, Hussein dikatakan telah memanggil mereka berdua; Tengku Razaleigh dan Dr Mahathir, berbincang pasal siapa bakal menjadi Perdana Menteri. Hussein Onn menyerahkan perkara itu kepada kedua tokoh yang berhak itu. Dalam perbincangan itu, Tengku Razaleigh dikatakan setuju memberi laluan kepada Dr Mahathir dengan harapan, beliau akan dilantik menjadi timbalannya.

Pada tahun 1982 seperti yang dijanjikan Hussein Onn mengumumkan perletakan jawatan Perdana Menteri dan Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Sesuatu yang sungguh malang

bagi Tengku Razaleigh, Dr Mahathir tidak melaksanakan ‘janji’ yang dibuatnya sebelum itu. Dr Mahathir tidak segera melantik Tengku Razaleigh sebaliknya menyerahkan soal pemilihan timbalannya itu kepada perwakilan. Tindakan Dr Mahathir itu bermakna Tengku Razaleigh dikehendaki bertanding merebut jawatan timbalan presiden Umno sebelum memungkinkan dia dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri?

Pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden Umno berlaku pada tahun 1981. Pertandingan itu tidak sepatutnya berlaku sekiranya Dr Mahathir ikhlas terhadap Tengku Razaleigh. Kalau benar Dr Mahathir berhasrat untuk melantik Tengku Razaleigh sebagai timbalannya, beliau boleh halang pertandingan, dan milarang Musa Hitam daripada berentap dengan Tengku Razaleigh. Tetapi Dr Mahathir tidak berbuat demikian.

Tengku Razaleigh tidak membantah cara Dr Mahathir dan menerima perlawaan itu dengan sikap *gentleman*. Lagipun beliau sangat yakin pertandingan itu memihak kepadanya. Perlawaan diantara Tengku Razaleigh dengan Musa Hitam dilihat sebagai perlawaan diantara tokoh *amateur* dengan tokoh *professional*. Semua orang mengagak Musa akan kalah dan Tengku Razaleigh akan menang dengan mudah. Tengku Razaleigh sendiri menganggap tentang Musa itu sebagai kerja budak nakal yang tidak membawa apa-apa erti. Kerana itu beliau merasakan tidak perlu membuat apa-apa persediaan. Kedudukan beliau sebagai Menteri Kewangan dan jasa-jasanya kepada parti dan negara sebelum ini dikira dengan mudah akan manafikan usaha Musa itu.

Rupa-rupa Musa begitu serius dalam perlawaan itu. Sikap ambil mudah Tengku Razaleigh dan relex dengan pertandingan telah digunakan sepenuhnya oleh Musa. Tengku

## SIAPA PENCABAR ANWAR?

Razaleigh tewas dalam pertandingan yang amat penting baginya itu. Dengan kemenangan itu Musa dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri dan terlepaslah Tengku Razaleigh untuk menduduki jawatan itu.

Perlantikan itu sungguh mengecewakan Tengku Razaleigh. Dalam ulasan selepas kekalahan itu Tengku Razaleigh melahirkan rasa terkejutnya. Dan beliau mencari-cari alasan dengan menyalahkan Hussein Onn, kerana memberi sokongan kepada Datuk Musa Hitam. Cara Musa berkempen juga dipertikaikan oleh Tengku Razaleigh.

Kekalahan tahun 1981 meninggalkan parut yang dalam kepada Tengku Razaleigh. Sewajarnya kalau beliau merasai begitu, kerana sebelum ini beliau telah jauh meninggalkan Musa di hadapan. Kekalahan pertama itu juga membuatkan beliau sedar erti politik, dan kenal siapa lawan dan siapa kawan.

Sebagai seorang yang merasai beliau dipermainkan, Tengku Razaleigh mengulangi balik perlawanan dengan Musa. Tahun 1984 beliau sekali lagi menawarkan diri untuk mencabar kedudukan Musa, bagi merampas jawatan itu yang dirasakan haknya. Beliau bangkit bagaikan harimau terluka, menyusun strategi. Pertandingan tahun 1984, adalah pertandingan besar bagi Tengku Razaleigh dan penuh dengan persediaan. Pertandingan ini banyak diramalkan bukan sebagai pertandingan penting, tetapi pertandingan yang bakal menentukan hidup mati kerjaya politiknya.

Tetapi awal-awal lagi sudah dirasakan pertandingan kedua ini sukar bagi Tengku Razaleigh untuk menang kerana kedudukan Musa sudah begitu mantap. Kemenangan dalam tahun 1981 telah digunakan oleh Musa bagi mengejapkan kedudukannya serta memperluaskan pengaruh peribadinya.

Statusnya sebagai Menteri Pelajaran, digunakan dengan seluas-luasnya, tanpa rasa takut atau bimbang kerana Dr Mahathir secara terang-terangan berpihak kepadanya. Slogan kepimpinan 2M digemericangkan ke segenap pelusuk.

Tengku Razaleigh dilihat terdesak dalam pertandingan kedua ini. Walaupun beliau tidak pernah menunjukkan rasa kecewa di atas apa yang berlaku, tetapi hakikatnya beliau sendiri merasakan betapa beliau telah dianiaya dan menjadi mangsa keadaan. Paling Tengku Razaleigh sakit hati ialah dengan sikap berat sebelah Dr Mahathir.

Tengku Razaleigh telah menggerakgempurkan seluruh kekuataan dan jentera kempennya. Kempen secara besar-besaran diadakan dengan perbelanjaan tidak terbatas? Begitu juga dengan Musa Hitam. Namun keadaanya awal-awal lagi berpihak kepada Musa Hitam. Boleh dikatakan semua media massa berbahasa Melayu memberi penyiaran positif kepada Musa Hitam di samping menghaibkan peranan dan juga jasa Tengku Razaleigh. Bagaimanapun Tengku Razaleigh tetap mempunyai semangat untuk lawan mengikut lunas demokrasi dan tidak pernah merasa lemah dengan diskriminasi media massa.

Apa yang mendukacitakan Tengku Razaleigh ialah apabila Umno Kelantan sendiri tidak padu menyokong beliau dalam menghadapi Musa. Beberapa orang Ketua Bahagian di Kelantan, termasuk Datuk Hussein Ahmad (Rantau Panjang), dan Menteri Besar, Datuk Muhammad Yaacob, (Tanah Merah), tidak menyokong Tengku Razaleigh. Kedua tokoh ini secara terang-terang menyatakan sokongan kepada Musa dan tindakan itu turut mengecewakan rakyat Kelantan.

Sebab-sebab kenapa kedua tokoh Umno Kelantan tidak menyokong Tengku Razaleigh kurang jelas. Bagaimana pun

natijah daripada tindakan mereka berdua menyokong Musa, menyebabkan mereka menghadapi penderaan politik oleh Tengku Razaleigh berterusan. Hussein didera apabila diletakkan bertanding di kerusi Parlimen Rantau Panjang dan kalah, manakala penderaan terhadap Muhammad Yaacob sehingga memaksa mengundurkan diri apabila dilakukan dengan istana.

Seperti yang telah diduga, perlawanan kedua itu berpihak kepada Musa Hitam. Kekalahan itu memberi tamparan yang hebat kepada Tengku Razaleigh. Dengan kekalahan itu tidak ada siapa lagi berani menyuarakan bahawa jawatan yang Musa duduki itu adalah hak Tengku Razaleigh. Kerana perlawanan kedua itu sebagai mengesahkan siapa yang lebih berhak, diantara mereka berdua.

Beliau sendiri dapat merasakan bahawa orang Umno sudah tidak mahukan kepadanya. Tengku Razaleigh terus melaksanakan janjinya untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Pun begitu bagi Musa walaupun menang, beliau tidak berpuas hati dan mahukan Dr Mahathir buang Tengku Razaleigh dari kabinet. Musa yang merasakan bahawa Tengku Razaleigh musuhnya, tidak mahu lagi melihat muka anak raja itu berada dalam kabinet. Tetapi Dr Mahathir tidak bertindak mengikut emonsi dan menurut perasaan Musa yang tamak. Bagi Dr Mahathir sumbangan, kepakaran dan pengorbanan Tengku Razaleigh masih diperlukan untuk negara dan bangsa.

Dr Mahathir tetap juga mengekalkan Tengku Razaleigh dalam keabinet dengan dilantik menjadi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian – satu kementerian yang kanan dalam kabinet. Pengekalan Tengku Razaleigh itu menimbulkan kemarahan Musa. Sebagai seorang politikus yang

pandai membaca masa depan, pengekalan itu menyebabkan Musa merasakan Dr Mahathir tidak sepuhul ‘menyintainya’ dan boleh mengugat masa depan politiknya. Khabarnya keengganan Dr Mahathir singkir Tengku Razaleigh dari kabinet itulah diantara punca menyebabkan Musa berundur dari kabinet tahun 1986.

Pengunduran Musa dari kerusi Timbalan Perdana Menteri, tidak memberi sinar baru kepada Tengku Razaleigh. Dengan kedudukan Tengku Razaleigh sebagai ahli biasa dalam Umno tidak memungkinkan Dr Mahathir melantik beliau menjadi timbalannya. Mungkin kalau sekiranya Tengku Razaleigh masih tetap sebagai seorang Naib Presiden, peluang Tengku Razaleigh untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri sangatlah cerah. Sekali lagi dalam keadaan itu Tengku Razaleigh tidak berasis baik.

Pengunduran Musa menimbulkan masalah kepada Dr Mahathir. Suasana politik tidak stabil dan puing-puing keruntuhan ‘Kerajaan 2M’, sudah mula berterbangan. Untuk beberapa ketika Dr Mahathir tidak mempunyai Timbalan Perdana Menteri. Walaupun ada beberapa orang tokoh, seperti Encik Ghafar (Tun), Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi Dr Mahathir tidak segera membuat keputusan untuk menggantikan Musa. Jawatan itu digantung, dijadikan umpan untuk diidamkan oleh para pengidamnya dengan penuh lelehan air liur. Akhirnya setelah Dr Mahathir merasakan penat berkerja sendiri beliau memilih Encik Ghafar Baba sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dua kali kalah meninggalkan kesan yang amat teruk kepada Tengku Razaleigh. Kekalahan itu turut sama dirasai oleh para penyokong Tengku Razaleigh dan ahli Umno yang merasakan tempat yang diduduki Ghafar itu adalah ‘hak’ Tengku

Razaleigh. Simpati kepada Tengku Razaleigh lahir dari dua keadaan; pertama kerana sikap angkuh Musa Hitam dan kedua kerana Dr Mahathir yang memungkiri janji dengan Hussein Onn untuk mengambil Tengku Razaleigh sebagai timbalannya.

Dalam tempoh dua tahun 1985 dan 1986 Tengku Razaleigh berkerja seperti biasa. Sebagai seorang ahli parti yang taat kepada parti dan sebagai tokoh yang mempunyai keazaman untuk membangun negara, Tengku Razaleigh menjalankan tugas-tugasnya dengan baik. Banyak kemajuan kepada negara dilakukan menerusi kementerian baru. Tidak keterlaluan kalau dikatakan kementerian itu menjadi penting sejak ianya dipegang oleh beliau.

Sambil berkhidmat, rupa-rupanya secara diam-diam Tengku Razaleigh telah mengumpulkan dendamnya terhadap Dr Mahathir dan mencabar kedudukan Dr Mahathir sebagai Presiden parti. Dan apa yang paling mengejutkan permerhati politik ialah apabila beliau bersekongkol dengan Musa Hitam. Satu tindakan politik yang sukar untuk dipercayai kerana sebelum itu Musalah telah dua kali yang mengecewakannya untuk menjadi Timbalan Presiden Umno.

Perhimpunan Setiakawan Segamat-Gua Musang diadakan di Gua Musang sempena dengan perasmian persidangan Umno Bahagian itu yang dilakukan oleh Musa Hitam. Dimana para penyokong kedua tokoh berhimpun. Persefahaman itu benar-benar mengejutkan pihak Dr Mahathir, kerana boleh dikatakan separuh daripada tokoh-tokoh penting termasuk ahli kabinet menyertai persefahaman itu. Diantara Menteri dan Timbalan Menteri yang hadir ke Ulu Kelantan ialah, Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim, Sharir Abdul Samad, Zainal Abidin Zain, Nazri Tan Sri Aziz, Syed Hamid Jaffar Albar, Kadir Sheikh Fadzil, Ajib Ahmad,

Radzi Sheikh Ahmad, Rahmah Othman dan lain-lain. Hanya beberapa menteri sahaja bersama Dr Mahathir, antara mereka yang setia ialah Datuk Muhamad Rahmat, Datuk Sanusi Junid, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Rafidah Aziz, Najib Tun Razak dan lain-lain.

Perlawanan diantara Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir adalah sejarah dan perlawanan terbesar sekali dalam Umno, baik disegi penglibatan tokoh-tokoh penting, bentuk kempen dan juga kesan daripada pertandingan itu. Agenda pertandingan Tengku Razaleigh - Dr Mahathir adalah diatas percaturan Musa Hitam. Kesan daripada itulah wujudnya *Team A* dan *Team B* yang akhirnya menyebabkan Umno terbahagi dua kemudian diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari, 1988.

Sekali lagi Tengku Razaleigh tidak bernasib baik dan takdir tidak menyebelahinya. Dalam pertandingan itu Tengku Razaleigh tewas hanya dengan 43 undi sahaja. Beliau mendapat 718 undi sementara Dr Mahathir 761 undi. Kekalahan itu menimbulkan tanda tanya dan menjadi sungguh misteri. Pelbagai pertikaian ditimbulkan termasuk kononnya berlaku penyelewengan semasa mengundi dan sebagainya, tetapi sukar untuk dibuktikan. Sesungguhnya pertandingan itu bukan sahaja merupakan satu kelukaan dan tragedi kepada Umno, sebalik ia juga memberi satu *kifarat* yang sungguh teruk kepada Tengku Razaleigh. Selepas perlawanan dengan Dr Mahathir beliau terpaksa berpisah dengan Umno yang dianggotainya selama lebih 24 tahun.

Semangat Setiakawan Segamat - Gua Musang tidak memberi apa-apa natijah yang baik bagi Musa dan Tengku Razaleigh. Bagi Musa beliau yang tewas kepada Ghafar untuk jawatan Timbalan Presiden dengan 40 undi dapat mengambil

ikhtibar bahawa ‘politik belutnya’ tidak disukai oleh ahli Umno, walaupun dalam satu masa beliau dapat mem-perdayakan Tengku Razaleigh. Bagi Tengku Razaleigh pula kekalahan itu, telah meletakkan dirinya ke angka kosong dalam neraca perjuangan Umno.

Dalam menilai pertandingan itu, pemerhati berpendapat kemenangan disegi politiknya ialah dapat kepada Musa. Musa berjaya merenggangjauhkan diantara Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir. Beliau terpaksa berbuat begitu kerana kedudukannya dengan Dr Mahathir sudah jauh. Apa yang Musa bimbang ialah Tengku Razaleigh akan berbaik semula dengan Dr Mahathir Mohamad, yang akhirnya memungkinkan Dr Mahathir menerima semula Tengku Razaleigh sebagai regu politiknya pada masa akan datang dan kalau itu menjadi kenyataan menyebabkan dunia politiknya (Musa) kelabu.

Dendam kesumat Tengku Razaleigh terhadap Dr Mahathir tidak berhenti dengan kekalahan tipis itu. Sebaliknya kekalahan itu menimbulkan tidak puas hati kepadanya dan memberi keyakinan baru bahawa beliau mampu mengalahkan Dr Mahathir. Dalam pada itu juga beliau merasakan penyokong dan simpatisnya banyak, dan boleh melakukan sesuatu ke atas Dr Mahathir.

Atas desakan para penyokong, dan tanpa memikirkan kesan dan implikasi ke atas perpaduan Umno dengan tindakannya itu Tengku Razaleigh akhirnya pada 5 Mei, 1989 menyertai parti baru yang ditubuhkan, parti Semangat 46, selepas usaha untuk mendapat perintah mahkmah agar diadakan semula perhimpunan agung gagal. Tindakan mahkamah mengharamkan Umno memberi kesempatan untuk sebuah parti baru didaftarkan dengan Tengku Razaleigh kemudiannya menjadi Presiden.

Dengan memperhitungkan undi yang diperolehi hampir 50 peratus sewaktu kalah kepada Dr Mahathir, Tengku Razaleigh merasakan dia mampu mempengaruhi ahli Umno untuk menumbangkan Dr Mahathir menerusi pilihanraya. Keyakinan itu ditambahi pula oleh simpati dan kerjasama dari Pas menerusi –*Angkatan Perpaduan Ummah*. Pas pula menerima kehadiran Tengku Razaleigh sebagai seorang tetamu yang lemah dan memerlukan bantuan. Manakala di Pantai Barat pula Tengku Razaleigh berkerjasama dengan Parti Tindakan Rakyat (DAP). Kerjasama itu sama sekali tidak disetujui oleh Pas.

Sekali lagi harapan dan impian Tengku Razaleigh musnah, bilamana BN dapat mengekalkan 2/3 kerusinya kecuali di Kelantan. Namun kejayaan gemilang di Kelantan memberi setutik semangat kepada Tengku Razaleigh untuk terus berusaha menjatuhkan Dr Mahathir melalui pilihanraya seterusnya. Bagaimana pun pilihanraya 1995, telah menjawab kemampuan sebenar Tengku Razaleigh. Kekalahan itu memberi pengajaran kepada beliau bahawa pengaruhnya hanya tersisa di negeri kelahirannya sahaja.

Kekalahan kali kedua lebih memberi kesedaran kepada Tengku Razaleigh. Beliau dapat merasakan bahawa kudratnya untuk menafikan hak Dr Mahathir tidak berjaya. Malahan dengan gelagat politiknya, pengaruhnya semakin hari semakin mengecil, apabila banyak pemimpin Semangat 46 seperti Datuk Ibrahim Ali, Datin Paduka Hajah Rahman Othman kembali kepada Umno semula.

Bagi mengelakkan beliau menjadi melukut dalam politik, maka usaha dicari, caranya ialah dengan rujuk semula kepada Umno. Tengku Razaleigh membuat perhitungan beliau akan bangkit semula di dalam Umno dan akan memberi cabaran kepada tokoh-tokoh muda. Sisa-sisa penyokongnya diharap

akan dapat membantunya.

Untuk menghalalkan tindakannya merujuk semula kepada janda lama (Umno), Tengku Razaleigh terlebih dahulu menciptakan perbalahan dengan Pas, dengan membuat pelbagai tuduhan termasuk Pas tidak ikhlas, Nik Aziz diktator dan sebagainya. Sandiwara Tengku Razaleigh untuk meninggalkan Pas sesuatu yang memilu dan mengilangkan hati umat Melayu seluruhnya, terutamanya di Kelantan. Beliau sanggup mengucar kacir pemerintah Tok Guru Nik Aziz semata-mata kerana tergilakan talak? Dengan menggunakan perkataan keramat "Untuk Perpaduan Melayu" akhirnya Semangat 46 dibubarkan dan Tengku Razaleigh menyertai Umno.

Para pemerhati beranggapan kemasukan semula Tengku Razaleigh didalam Umno mempunyai motif dan maknwi politik tersirat. Beliau seperti mahu membuat strategi baru untuk bangkit dalam politik. Kerencaman siapa bakal pengganti Dr Mahathir membuatkan Tengku Razaleigh berminat untuk turut sama aktif dalam Umno. Para penganalisis politik juga berpendapat, kerelaan Tengku Razaleigh menyertai Umno itu bukan atas dasar keikhlasan, tetapi ada agenda peribadi yang besar.

Apakah beliau akan berjaya di dalam Umno? Apakah beliau akan terus ditimpa kemalangan demi kemalangan seperti sebelum ini? Inilah persoalan yang sukar dijawab dan sama-sama kita tunggu selagi hayat masih ada. Bagaimanapun, setengah pihak mentafsirkan penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno sebagai membayar taubatnya kerana dosanya ke atas Umno terlalu banyak. Harapan untuk Tengku Razaleigh menjulang semula dalam Umno tidak ubah seperti mengharap sinar mentari dimusim

tengkujuh.

Apabila mengenangkan nasib malang Tengku Razaleigh, penulis teringat kepada sepatah kata penyokong kuat Tengku Razaleigh yang kini sudah bersama Pas; "*Tengku Razaleigh sudah tulah sejak beliau berlawan dengan Tok Wali Hassan tahun 1978. Ketulahan Tengku Razaleigh itu akan berterusan selagi beliau tidak melakukan taubat nasuha dan memohon maaf kepada rakyat Kelantan!*"



*Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang dianggap Tok Guru oleh rakyat Kelantan. Banyak agenda Islamnya tidak dapat dilaksanakan kerana kerentan dan gangguan politik oleh pihak tertentu.*

## 9

### LATAR BELAKANG TENGKU RAZALEIGH

**T**IDAK ramai di kalangan kaum bangsawan atau kerabat di raja yang melibatkan diri dalam perjuangan menentang penjajah pada tahun-tahun 1940an. Mungkin kebanyakan mereka tidak merasa terancam dengan kehadiran penjajah, kerana itu mereka rasa kurang penting untuk menyertai parti politik. Corak kehidupan mereka yang mewah dan pergaulan serta bersahabat dengan penjajah menjadikan mereka tidak pernah merasai penderitaan dan penindasan kaum kolonial seperti yang dialami oleh rakyat biasa. Mereka terpisah dengan penderitaan dan kesengsaraan rakyat.

Boleh dibilang dengan jari anak-anak raja atau pun kerabat di raja yang melibatkan diri dalam perjuangan menghalau penjajah. Golongan paling dominan ialah golongan pertengahan seperti pendidik, para alim ulama, dan para pendekar Melayu. Mereka inilah yang mempelopori perjuangan untuk menegakkan kemerdekaan. Yang menggadaikan nyawa demi kelangsungan dan kebebasan agama, bangsa dan watan.

Tunku Abdul Rahman adalah diantara kerabat diraja yang menerjunkan diri dalam medan perjuangan untuk mencapai

kemerdekaan negara. Tunku berjuang sejak dari awal lagi, tahun 1946. Di Kelantan pula dikalangan kerabat di raja yang turut sama berjuang ialah Tengku Mohammad Hamzah dan Tengku Indera Putera yang kemudian ‘melahirkan’ Tengku Razaleigh Hamzah. Walaupun masih ada anak-anak raja lain ikut sama berjuang, tetapi penampilan mereka tidak seberapa dan mempunyai pengaruh yang luas dalam perkembangan dan sejarah politik negara.

Kehadiran Tengku Razaleigh dalam arina politik, boleh dikatakan sebagai kebetulan kerana ayahnya adalah seorang ahli politik di Kelantan. Ayahnya Tengku Mohamad Hamzah, ialah bekas Menteri Besar Kelantan di bawah pemerintahan Perikatan sampai tahun 1969. Kedudukannya itulah ia telah mendorong Tengku Razaleigh menceburi diri dalam lapangan politik.

Pun begitu tangan yang bertanggungjawab menarik Tengku Razaleigh ke dalam medan politik Umno ialah Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak. Tengku Razaleigh merupakan anak muda yang dipinang atau dipelawa khusus agar menyertai perjuangan Umno. Ketika itu Tengku Razaleigh masih lagi menuntut di London. Sebab itulah Tengku Razaleigh tersangat kasih dan menyanjungi tinggi kepada kedua-dua tokoh ini terutama Tunku Abdul Rahman dan sekaligus menganuti idealisme perjuangan mereka. Tunku Abdul Rahman memberi sokongan kepada Tengku Razaleigh hingga ke akhir hayatnya.

Tengku Razaleigh keturunan Long Yunus yang memerintah Kelantan (1176-1209) merupakan anak kedua Tengku Hamzah. Beliau dilahirkan pada 13 April 1935, di Kota Bharu Kelantan. Tengku Razaleigh mendapat pendidikan rendah di dalam negeri sebelum berangkat belajar

di London.

Banyak orang tidak sedar Tengku Razaleigh juga merupakan penutut Maktab Melayu Kuala Kangsar – maktab untuk anak-anak bangsawan di zaman penjajah. Tetapi kehadirannya di maktab itu hanya enam hari sahaja. Tengku Razaleigh tidak sesuai untuk belajar di maktab itu kerana peraturannya ketat, termasuk melarang keras para pelajarnya merokok. Sudah tentu selaku anak raja yang sentiasa bergerak bebas dan mendapat layanan istimewa, MCKK telah menggongkong kehidupannya.

Tengku Razaleigh kemudian memasuki ke sekolah Andrew di Singapura, selepas tamat di situ beliau kemudian meneruskan pelajaran di Queens University Belfast, London pada tahun 1957 di dalam bidang ekonomi. Beliau mendapat ijazah dalam bidang ekonomi dalam tahun 1958. Harapan beliau untuk mengambil ijazah perundangan tidak kecapaian apabila beliau dipanggil balik oleh ayahnya bagi menguruskan hartanya yang banyak. Keluarga Tengku Razaleigh merupakan golongan kaya dan bangsawan yang mempunyai harta berupa tanah yang melaut di Kelantan. Adalah dipercayai separuh daripada bandar Kota Bharu, asalnya tanah milik keluarga Tengku Razaleigh.

Semasa menduduki alam persekolahan Ku Li turut sama terlibat dalam gerakan pelajar dengan menyertai persatuan pelajar Melayu. Beliau menjadi Setiausaha Persatuan Pelajar Melayu, kemudian menjadi Presiden Pelajar-Pelajar Melayu yang berpejabat di Malaya Hall, London.

Sewaktu bergerak aktif dalam persatuan pelajar inilah beliau kerap berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak ketika kedua peimpin itu berangkat ke London. Dalam pertemuan inilah Tengku Razaleigh mendapat penjelasan

## SIAPA PENCABAR ANWAR?

mengenai politik Malayu, dan juga sedikit sebanyak mengenai liku-liku perjuangan Umno.

Penglibatan secara rasmi Tengku Razaleigh dalam politik Perikatan (Umno) ialah pada tahun 1962 dengan menyertai kempen pilihanraya kecil Rantau Panjang. Pada mulanya beliau dicadang untuk dijadikan calon, tetapi memandangkan beliau masih muda dan memerlukan pendedahan, tawaran itu ditolak.

Orang bertanggungjawab mempromosi beliau di sepanjang penglibatan beliau dalam pilihanraya kecil Rantau Panjang itu ialah, Tan Sri Hussein Ahmad. Hussein pernah mengakui hal ini kepada penulis apabila ditanya siapakah yang bertanggungjawab membawa masuk Tengku Razaleigh dalam politik Umno Kelantan.

*"Saya masih ingat lagi sewaktu pertama kali Ku Li berceramah di rumah penyokong Umno bernama Che Mat Che Omar di Gual Periok, cakapnya masih telo dan pelek orang putih masih belum habis,"* akui Hussein kepada penulis.

Bagai mana pun sebelum Tengku Razaleigh mengambil keputusan menyertai Umno, beliau banyak mendapat penjelasan tentang perjuangan Umno dari sepupunya Tengku Indra Putera. Tengku Indera Putera lah juga yang mendorong agar beliau mencebur politik yang mulanya kurang diminatinya. Malah beliau sendiri mengakui guru politiknya ialah Tengku Indera Putera, sepupunya itu. Perjuangan beliau dalam Umno bolehlah dikira sebagai penerusan kepada perjuangan sepupunya itu.

Justeru itu adalah tidak menghairankan kalau falsafah

politik Tengku Razalegh mirip kepada sosialis dan tidak begitu komited dengan Islam. Rakyat Kelantan khususnya generasi tua tahu siapa dia Tengku Indera Putera. Kalau mengikut hirarki kesultanan Kelantan Tengku Indera Puteralah adalah orang yang lebih berhak ke atas kesultanan Kelantan hari ini. Tetapi kerana satu angkara yang mengaibkan, hak itu dinafikan. Beliau dimurkai oleh ayahnya Sultan Ibrahim Petra dan tidak dibenarkan mewarisi takhta kerajaan Kelantan. Ayahnya menurunkan pewaris takhta kepada adiknya Tengku Yahya Petra.

Sebagai tokoh yang diundang, Tengku Razaleigh melonjak begitu cepat dalam Umno. Namanya cepat menjadi sebutan dan sanjungan sehingga menenggelamkan tokoh lain yang lebih awal berjuang dalam Umno di Kelantan, seperti Datuk Nik Hassan Nik Yahya, Yaakob Awang dan lain-lain. Kedudukannya sebagai kerabat di raja memungkinkan keadaan ini kerana pemujaan rakyat kepada golongan bangsawan ketika itu begitu tinggi sekali.

Jawatan pertama yang dipegang oleh Tengku Razaleigh dalam parti Umno ialah selaku Jawatankuasa Pusat Umno pada tahun 1963. Selepas itu beliau dipilih sebagai salah seorang Ahli Majlis Tertinggi Umno, ketika ini usianya baru menjangkau 25 tahun.

Bintangnya terus bersinar dengan menduduki salah satu daripada tiga Naib Presiden Umno. Dalam pemilihan tahun 1978, beliau muncul sebagai Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak dengan mendapat 763 undi meninggalkan Encik Ghafar yang memperolehi 706 undi dan Musa Hitam.

Kepercayaan ahli Umno terhadap Tengku Razaleigh ialah memandangkan kepada rekod perkhidmatannya dalam badan berkanun. Beliau pernah menjadi Pengurus Pernas, Bank

Bumiputera Berhad dan Petronas. Beliau banyak membawa perubahan dan kemajuan kepada institusi berkenaan. Semasa berkhidmat di institusi itulah beliau menunjukkan bakat dan kebolehannya. Jasanya terbesar dalam politik Umno ialah berjaya membantu Umno merampas Kelantan dari tangan Pas tahun 1978.

Kejayaan beliau dalam politik juga bukan sahaja kerana kebolehan beliau berkhidmat dengan cemerlang, tetapi turut sama didokong oleh sifat semula jadi yang dimilikinya. Tengku Razaleigh seorang anak raja yang baik dan suka merendah diri. Beliau tidak sombong dan pandai bergaul dengan sesiapa sahaja, dan boleh melupai darjat bangsawannya untuk seketika semata-mata untuk berkawan.

Dalam pergaulan beliau tidak pernah meletakkan dirinya lebih besar atau mulia daripada orang lain. Dia boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua golongan. Dalam hal ini penulis sendiri mempunyai pengalaman. Satu hari kebetulan penulis menaiki kapal terbang sama dengannya dari Kota Bharu. Sambil berjalan untuk mendapatkan teksi, beliau mempelawa penulis menaiki keretanya. Penulis tahu ajakan itu adalah ajakan politik semata-mata, tetapi di sinilah menunjukkan bahawa Tengku Razaleigh tidak sombong. Kenapa penulis berkata begitu kerana pernah beberapa kali penulis berkebetulan naik kapal terbang bersama menteri dari Kelantan, sekalipun menteri itu tidak pernah berseloroh mempelawa untuk menaiki keretanya walaupun sekadar memaniskan mulut.

Begitu juga kalau kita mengunjungi Tengku Razaleigh di pejabatnya, beliau tidak akan loket untuk menjamu tetamu dengan air ataupun makanan. Kalau kebetulan pertemuan itu waktu makan, kita tidak akan dilepas begitu sahaja dan mesti

makan bersamanya. Begitulah sikap peramah dan pemurah Tengku Razaleigh yang menjadi orang seronok bergaul dengannya. Satu lagi keistimewaan Tengku Razaleigh ialah beliau mudah mengenali orang dan akan menengurnya apabila berjumpa tak kira di mana. Tengku Razaleigh seorang pemimpin yang sangat mengingati setiap orang yang dikenalinya. Sifat inilah menyebabkan beliau dikenali sebagai anak raja berjiwa rakyat.

Perwatakan dan sifat seperti ini berbeza dengan kebanyakan anak-anak raja lain yang masih membesarkan diri. Walaupun beliau seorang anak raja yang disanjung dan menjadi pujaan rakyat Kelantan, tetapi tidak ‘agah’ atau merasa sompong untuk berkawan dengan orang biasa. Beliau pandai mengasingkan diantara darjatnya dengan kerektonya sebagai seorang politikus.

Tetapi, sebagai golongan bangsawan, beliau tidak dapat lari daripada hakikat beliau perlu dimuliakan berbanding dengan orang. Perasaan ini turut juga terbawa-bawa ke dalam politik dan keadaan inilah yang kadang kala meyukar perjalanan politiknya. Untuk memisahkan diantara dua budaya dan status ini agak sukar sedikit. Penentangannya terhadap Dr Mahathir tahun 1978 adalah sedikit sebanyak bertolak dari rasa tinggi diri beliau dan perasaan tidak bersedia untuk berada di bawah perintah orang lain.

Sebagai anak golongan *ningrat* Tengku Razaleigh masih belum mahu tunduk kepada nasihat-nasihat orang bawahan dan turut sama menghormatinya. Kerana itulah nasihat-nasihat berhubung dengan politiknya jarang diakurkan. Cara beliau ketawa, bergurau menunjukkan beliau mempunyai *power* atau darjat yang lebih berbanding dengan orang lain. Sokongan beliau kepada sistem feudalisme juga masih menebal. Hakikat

ini boleh dilihat bagaimana bersungguhnya parti Semangat 46 mempertahankan Raja Berpelembagaan, dan penentangan terhadap Pindaan Undang-undang mengurangkan imuniti raja tidak lama dulu.

Tengku Razaleigh tetap berpegang bahawa institusi raja satu lembaga yang perlu di-pertahankan. Padanya institusi itulah yang menjadi kunci kepada kemerdekaan dan ketamanduan Melayu. Sikap melampau dan juga unsur-unsur kurafah dalam sistem itu yang masih wujud, payah untuk dibuang oleh Tengku Razaleigh. Misalnya beliau masih menerima orang berbahasa "patik" dengannya, walaupun beliau tidak marah kalau orang bahasakan *I* atau saya bila bercakap dengannya.

Sistem pendidikan banyak mempengaruhi kehidupan seseorang – baik gaya bercakap, bergaul, bersahabat, berfikir dan bertindak. Sesuai sebagai orang berada Tengku Razaleigh mendapat pendidikan di sekolah seberang laut. Beliau juga seorang sosial. Ini tidak pelek kerana bapanya sendiri telah menubuhkan kelab-kelab sosial individu serta berkawan dengan pegawai-pegawai kerajaan berbangsa Inggeris.

Lantaran itu Tengku Razaleigh agak terpisah dengan pendidikan agama. Komitmennya kepada Islam tidak berapa jelas dan beliau menerima Islam sebagai anutan sahaja bukan amalan ke atas seluruh sistemnya. Kepadanya Islam ada tanggungjawab mutlak individu dan bukan merupakan peraturan (hukum) yang harus diperlakukan ke dalam semua aspek kehidupan. Dalam hal ini beliau mempunyai pandangan dan keyakinan sama dengan Dr Mahathir. Inilah satu-satu persamaan yang paling *perfect* diantara kedua mereka.

Beliau nampaknya tidak yakin kalau per-undangan Islam digunakan sepenuhnya. Penolakan terhadap *Hukum Hudud*

yang dicadangkan oleh Pas menjelaskan hakikat ini. Di Kelantan dahulu Semangat 46 tidak bersungguh dan ikhlas menyokong Pas mengenai Hudud. Tengku Razaleigh pernah menempelakan hukum hudud sebagai modal politik Pas. Dan pada satu majlis ceramah menjelang pembubaran Semangat 46 di Tumpat, beliau mengejek Hukum Hudud sebagai *berkedut*.

Kritikan Tengku Razaleigh terhadap golongan yang mengutamakan jubah, serban dan janggut ketika merasmikan Kongress parti itu, memberi bayangan bahawa beliau bukan ikhlas semasa bersabahat dengan Pas dulu. Sebaliknya hubungan itu terpaksa dilakukan bagi *survival* politik Semangat 46 dan dirinya sendiri. Kritikan itu menunjukkan beliau tidak yakin bahawa wawasan perjuangan Pas yang berteraskan kepada Quran dan Hadith dapat dipraktikan. Konflik dalam soal agama inilah yang menjadikan Tengku Razaleigh sentiasa resah gelisah sepanjang bersahabat dengan Pas.

Realiti ini juga tidak menghairankan kerana sepanjang hidupnya beliau tidak pernah mendapat pendidikan Islam secara formal, melainkan secara lisan ataupun berguru dalam pagar istana sahaja. Pendidikan sekular yang ditimbanya di Barat, menggeserkan beliau untuk menjinaki falsafah Islam, baik dalam politik, ekonomi, sosial, perundangan dan sebagainya. Justeru itu bukan sesuatu yang luar biasa kalau Tengku Razaleigh tidak menunjukkan minat mendalam terhadap Islam dan bertindak memutuskan penggabungan arwah partinya dengan Pas.



*Untuk mencabar Anwar terlalu berat bagi Tengku Razaleigh! Hanya ada satu cara sahaja untuk Tengku Razaleigh pulihkan imejnya, dalam pilihanraya akan datang beliau bertanding di DUN dan kalau menang lantik beliau jadi Menteri Besar Kelantan. Dengan jawatan itu beliau boleh kumpul kembali tenteranya yang cedera, sakit dan kepenatan untuk melawan Anwar.*

# 10

## FENOMENA TENSKU RAZALEIGH DI KELANTAN

**P**ENGANUGERAHAN kerusi Ketua Bahagian Umno Gua Musang oleh Dr Mahathir Mohamad kepada Tengku Razaleigh Hamzah menimbulkan pelbagai reaksi dan tafsiran. ‘Kemurahan’ hati Mahathir itu sikit sebanyak telah menjadi isu politik terutamanya di Kelantan. Banyak pihak tertanya-tanya kenapa harus berlaku demikian – kenapa Gua Musang *special* berbanding dengan bahagian-bahagian lain. Lantaran itu ada suara mengatakan wujud pilih kasih dalam perkara ini?

Macam-macam tanggapan dan interpretasi dibuat atas pemberian itu. Ada yang mengatakan ia sebagai hadiah sagu hati di atas kesudian Tengku Razaleigh membubar parti Semangat 46. Tetapi yang lain pula melihat pemberian itu sebagai satu perkembangan yang mencemaskan, dimana ia dikira satu mekanisme untuk memperpanjangkan nyawa politik bekas Presiden Semangat 46 itu.

Bagi bekas ahli Semangat 46 mereka sangat suka dengan pemberian itu. Bagi mereka itu sebagai permulaan agenda dan rancangan untuk menobatkan semula Tengku Razaleigh sebagai *hero* Umno di Kelantan. Lebih jauh lagi mereka mengharapkan ia sebagai pengotaan ‘janji-janji’ yang Dr

Mahathir buat ke atas Tengku Razaleigh? Bekas ahli-ahli Semangat 46 cukup yakin bahawa dengan *recover*nya anak raja itu ke dalam Umno dengan adanya syarat dan janji-janji istimewa.

Pemberian jawatan itu sudah diambil kesempatan sepenuhnya oleh para penyokong Tengku Razaleigh. Mereka ghairah membuat ‘ramalan siang’, bahawa selepas perhimpunan agung Umno nanti, Tengku Razaleigh akan diberikan jawatan Penggerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pula. Perkembangan itu diterjemahkan sebagai persiapan Umno untuk menawan Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang.

Pada andaian mereka apabila ahli Parlimen Gua Musang itu sudah mendapat jawatan Penggerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dan seterusnya berjaya pula menawan Kelantan, itu bermakna Tengku Razaleigh akan berada di pentas perdana Umno semula. Khayalan mereka selepas itu kelak Tengku Razaleigh akan dicalonkan pula untuk mengganti Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Bagi Tengku Razaleigh sendiri, laluan yang diberikan oleh Mohd Saufi Deraman, Ketua Umno Bahagian Gua Musang itu sudah tentu diterimanya dengan penuh syukur dan nikmat. Secara simbolik laluan itu menunjukkan bahawa beliau masih lagi diterima dan merupakan tokoh yang sukar digugat di Gua Musang.

Bekas ahli Semangat 46 dan para penyokong Tengku Razaleigh bebas untuk membuat tanggapan dan juga tafsiran di atas kemurahan hati Dr Mahathir itu. Memang pun mereka berhak berbuat demikian kerana dari satu segi, laluan yang diberikan itu seperti satu strategi oleh Dr Mahathir untuk merampas Kelantan.

Dalam pada itu ada pula terjemahan lain di sebalik keputusan Dr Mahathir itu. Kononnya keputusan yang diambil oleh Dr Mahathir melarang ahli Majlis Tertinggi (MT) di cabar dan mencabar untuk jawatan Ketua Bahagian adalah untuk mengukuhkan kedudukannya sendiri. Apabila beliau menguatkuaskan arahan itu menggunakan kuasa veto sebagai Presiden, maka kedudukannya sebagai Ketua Bahagian di Kubang Pasu secara automatik terselamat. Sebelum ini terdengar desas desus mengatakan Tan Sri Osman Arof bekas MB Kedah berura-ura untuk mengambil balik jawatan itu yang "dihadiahkan" kepada Dr Mahathir itu.

Kenapa Osman Arof berkemungkinan bertindak demikian tidak payah dicerita panjangkan lagi. Paksaan Dr Matahthir agar beliau berundur dari kerusi MB Kedah, dan menggantikan dengan Tan Sri Sanusi Junid, barang kali mungkin menjadi punca dan faktor utamanya.

Begitulah apa yang boleh disuluh dan ditafsirkan dengan kemurahan hati Mahathir memberi lalu kepada Tengku Razaleigh menjadi Ketua Bahagian Umno Gua Musang. Bagaimana pun, mungkin keterlaluan kalau hendak menerima apa yang dibayang dan diharapkan oleh bekas ahli Semangat 46 dan penyokong Tengku Razaleigh, bahawa selepas ini Tengku Razaleigh akan diserahkan pula jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, dan seterusnya jawatan Perdana Menteri. Harapan itu tidak lebih dari satu retorika atau pun sama dengan teori "khawarikul ahdah" yang dipakai oleh bekas orang Arqam dalam meramalkan Asaari menjadi Perdana Menteri.

Gilalah Dr Mahathir kalau berbuat demikian! Tetapi dalam politik ia boleh berlaku apa sahaja, hatta perkara-perkara yang gila dan diluar pemikiran umum. Di zaman Dr

Mahathir apa yang tidak logik boleh dikira munasabah, dan yang munasabah boleh jadi sebaliknya. Jika dikaji secara menghalusi terhadap tindakan Dr Mahathir kepada Tengku Razaleigh itu, ia boleh mendatangkan banyak implikasi dan masalah baru kepada Umno.

Dengan ‘pemberian’ itu (jawatan Ketua Bahagian) sudah tentu Tengku Razaleigh akan menggunakan kedudukannya itu untuk mengembangkan pengaruh dan kedudukannya. Tengku Razaleigh akan membina imejnya semula dalam Umno yang tercemar akibat tindakannya sebelum ini. Kesudian Wanita Umno Gua Musang menjemput bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Paduka Rafidah Aziz merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian itu pada 20 Mac, 1998 adalah tanda-tanda Tengku Razaleigh sudah mula menggunakan budi bicaranya di Gua Musang. Adalah suatu yang luar biasa apabila seorang tokoh yang tidak ada kaitan dengan wanita diundang untuk merasmikan mesyuarat perwakilan wanita. Memang benar dengan kedudukan sebagai ahli MT Rafidah mempunyai *priority* untuk diundang. Tetapi saolnya bukankah masih ada lagi tokoh wanita lain yang lebih berhak, seperti Sharizat Abdul Jalil, Napsiah Omar dan lain-lain, kalau pun wanita Gua Musang tidak sukakan Siti Zaharah? Orang juga tahu yang Rafidah mempunyai *sentimental value* dengan Tengku Razaleigh. Bukankah Rafidah adalah anak didik Tengku Razaleigh, pernah menjadi Timbalan Menteri Kewangan semasa Tengku Razaleigh menjadi menteri?

Sudah tentu sekiranya tanggapan seperti mana yang dibuat oleh bekas ahli Semangat 46 itu benar, ia akan membawa masalah baru kepada Umno Kelantan. Perpaduan mula tersemin dalam Umno Kelantan juga akan kembali retak.

Penjelmaan semula Tengku Razaleigh juga tidak disenangi oleh banyak pihak, ini termasuklah Datuk Annuar Musa dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagi para penyokong Anwar mereka akan beranggapan cara dan tindakan Dr Mahathir itu sebagai usaha untuk menyempit dan menyulitkan laluan Anwar untuk menjadi Perdana Menteri. Harus diingat walau dalam apa situasi sekali pun kemunculan Tengku Razaleigh dalam Umno tetap merupakan reba dan kaca-kaca berserpihan kepada Anwar!

Justeru itu, keraguan orang ramai terhadap Mahathir dalam menyediakan penggantinya semakin menebal. Perlantikan Tengku Razaleigh itu boleh menganggu mimpi indah Anwar dan seolah-olah ia menunjukkan Mahathir tidak mementingkan Anwar. Seperti dihuraikan tadi dengan kedudukan itu Tengku Razaleigh akan mengembangkan pengaruhnya dan ini boleh mengancamkan Anwar.

Satu persoalan yang bermain di kepala banyak orang, apakah Dr Mahathir berbincang dengan semua MT Umno untuk memberi laluan itu kepada Tengku Razaleigh? Apakah beliau rujuk kepada Anwar sepatah? Sebagai Timbalan Presiden dan orang bakal menerajui Umno, Dr Mahathir wajar kalau merujuk kepada Anwar. Apakah ianya setakat meminta persetujuan secara paksa dalam mesyuarat Perhubungan Umno Kelantan? Atau ianya tidak menerima pandangan langsung dan dibuat dengan seenaknya sahaja dan bertindak secara autokrasi?

Sekiranya Dr Mahathir meminta pandangan ahli badan perhubungan Umno Kelantan, rasanya tidak semudah itu untuk mereka membenarkan Tengku Razaleigh menjadi Ketua Umno Gua Musang. Sekiranya Tengku Razaleigh benar-benar berkehendakkan jawatan itu, mestilah menerusi pertandingan

dan bukannya secara percuma. Di zaman sekarang ini sudah tidak ada subsidi, hatta baja kepada petani pun sudah ditarik balik! Cadangan yang dikemukakan oleh Senator Ibrahim Ali agar semua Ketua Bahagian dilantik oleh Presiden mempunyai mesej tersendiri. Cadangan itu lebih merupakan satu ejekan kepada Presiden yang gila kuasa? Sekiranya diadakan pertandingan belum tentu lagi Tengku Razaleigh akan menang dengan mudah!

Sekiranya Tengku Razaleigh berunding secara terbuka dengan Ketua-ketua Bahagian Umno Kelantan, mungkin keputusan untuk memberi laluan padanya tidak semudah itu. Saufi Deraman tidak sesenang itu untuk memberi laluan kepada Tengku Razaleigh, lainlah kalau ada unsur politik wang dalam urusan ‘transaksi’ jawatan itu? Tentu akan berlaku perbincangan panjang sebelum kata putus diambil. Tentu Ketua-Ketua Bahagian akan membangkitkan dosa-dosa Tengku Razaleigh masa lampau. Permaufakatan Tengku Razaleigh dengan Pas menerusi Angkatan Perpaduan Ummah sehingga memilu dan memalukan Umno Kelantan juga akan dipertikaikan.

Tindakan Dr Mahathir itu bukan sahaja orang boleh beranggapan beliau tidak ikhlas dengan Anwar Ibrahim, tetapi ia juga menyebabkan akan dituduh sebagai memperkecilkan usaha Ketua-Ketua Bahagian sebelum ini, apa lagi usaha Annuar Musa sebagai Timbalan Pengerusi Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Mahathir tidak wajar memperkecilkan jasa dan bukti Annuar. Sudah hampir 10 tahun “putera mahkota” Umno Kelantan itu berusaha untuk membawa kejayaan kepada Umno Kelantan. Macam-macam program, tindakan dan bentuk diskriminasi politik terhadap orang Pas dilakukan

sehingga beliau ditohmah dengan berbagai caci dan sumpahan oleh orang-orang Umno sendiri. Kepercayaan yang diberikan kepada Tengku Razaleigh menyebabkan pengorbanan dan usaha Annuar selama ini menjadi sia-sia sahaja.

Begitu juga kalau perlantikan Tengku Razaleigh sebagai Ketua Umno Bahagian Gua Musang itu, diantara strategi untuk merampas Kelantan ia juga merupakan satu kesilapan besar kepada Mahathir. Mahathir telah silap dalam menerima maklumat tentang pengaruh Tengku Razaleigh di Kelantan pada masa ini. Hakikat yang nyata pengaruh Tengku Razaleigh di negeri Cik Siti Wan Kembang bukan seperti tahun 1970 an lagi.

Kalau dulu mungkin iya, pengaruh Tengku Razaleigh bagaikan arus sungai Kelantan. Ia berdengung dan ber-gelombang dari hulu hingga ke hilir - dari Ulu Lebir ke Sabak. Waktu itu Tengku Razaleigh bagaikan Tok Janggut yang dianggap pejuang dan *hero* Kelantan. Tetapi hari ini segala itu sudah menjadi kenangan dan sejarah. Pengaruh Tengku Razaleigh semakin pudar dan mengecil dan perlahan-lahan dibungkus dalam kain buruk oleh rakyat dan disimpan di tepi dinding.

Pengaruh Tengku Razaleigh tidak sehebat dulu lagi. Mulut dan kata-katanya tidak mudah untuk diakur dan diikuti oleh orang lain. Ini semua kerana ulah dan tindakan Tengku Razaleigh yang lebih menjaga kepentingan dirinya daripada politik untuk rakyat. Tengku Razaleigh banyak memperalatkan politik untuk kepentingan peribadinya!

Apabila Tengku Razaleigh memutuskan hubungan dengan Pas menerusi Angkatan Perpaduan Ummah dan meremehkan kerajaan pimpinan Tok Guru Nik Aziz, orang sudah mula meragui akan ketulusan dan kewiraan Tengku

Razaleigh selama ini. Rakyat Kelantan sudah tahu, sepak terang politik Tengku Razaleigh sebenarnya. Penentangan Tengku Razaleigh terhadap pemimpin rakyat Kalantan, Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sukar untuk diterima oleh rakyat Kelantan.

Sebagai buktinya pengaruh Pas sudah mula merebak di kawasan gugusan Kesedar (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan). Kesedar yang sebelum ini merupakan kubu kuat Tengku Razaleigh (Umno), kini ia sudah pun boleh ditembusi oleh Pas. Banyak cawangan-cawangan Pas telah ditubuhkan oleh bekas ahli Semangat 46 sendiri. Khabarnya Orang Asli yang sebelum ini merupakan golongan paling setia kepada Tengku Razaleigh juga sudah berpecah dan memberi sokongan kepada Tok Guru Nik Aziz. Perkembangan ini menunjukkan kekuatan Tengku Razaleigh sudah roboh bersama hancurnya Semangat 46.

Krisis diantara istana dengan kerajaan negeri Kelantan tidak lama dulu juga banyak menjatuhkan imej Tengku Razaleigh. Walaupun Tengku Razaleigh cuba manafikan beliau tidak campur tangan dalam krisis tersebut, tetapi orang ramai tahu bagaimana peranan ghaib Tengku Razaleigh dalam krisis itu. Hubungan beliau dengan istana, menyebabkan orang tidak dapat menolak penafiannya.

Kalau ditakdirkan Tengku Razaleigh muncul semula di arina politik Kelantan tidak dapat tidak ia memberi impak kepada politik Umno di Kelantan. Tengku Razaleigh akan menjadi fenomena baru kepada Umno. Kehadiran beliau akan menimbulkan huru hara di dalam Umno sendiri. Perbalahan sesama sendiri tidak dapat tidak akan berlaku. Sikap, budaya dan perangai orang Kelantan sudah diketahui umum bukan mudah untuk bersatu walaupun berada dalam satu bumbung.

Kerana tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara mereka boleh berpatah arang berkerat rotan.

Satu perkara yang tidak dapat dielakkan apabila Tengku Razaleigh jadi ketua beliau, akan mengutamakan orang-orangnya. Mana-mana pemimpin Umno yang tidak sebulu dengannya atau yang didendamnya selama ini akan tersingkir. Penyingkiran inilah nanti akan menimbulkan puak-puak di dalam Umno. Akan terdengarlah nanti puak Tengku Razaleigh alias Umno bekas Semangat 46 dan puak Annuar Musa dalam Umno Kelantan.

Tengku Razaleigh tidak mungkin akan menerima tokoh-tokoh seperti Annuar Musa, Hashim Shafin, Kamaruddin Jaafar, Kamaruddin Md Nor dan lain-lain. Kepada Tengku Razaleigh nama-nama ini cukup *elegiac* kerana mereka lahir antara tokoh dari Kelantan yang menjadi pengkritik hebat kepadanya dulu.

Ucapan Annuar Musa di dalam perhimpunan agung Umno tahun 1987 tentu bersemadi kejap di dalam lubang telinga Tengku Razaleigh. Kata Annuar Musa; "*Saya bukan tidak cintakan kepada Tengku Razaleigh, tetapi saya lebih menyintai Umno.*" Begitulah kata Annuar Musa untuk merujuk sokongannya kepada Dr Mahathir ketika berlaku perlawanan diantara Tengku Razaleigh dengan Dr Mahathir tahun 1987. Annuar Musa menjadi sang *hero* yang telah melupai susur galurnya dan negeri kelahiran apabila menyatakan kesetiaan kepada Dr Mahathir ketika itu. Gara-gara kelantangannya itulah menjulangkan namanya dalam politik. Bermula dari sinilah orang mula melihat Annuar sebagai anak muda yang berani bermain api dalam timbunan dedaun kering.

Demikian juga dengan Hashim Shafin, keberanian luar biasa apabila mengkritik tingkah laku Sultan (termasuk Sultan Kelantan)

dalam perhimpunan agung Umno sewaktu membahaskan isu prihal pembabitan Raja dalam politik tetap dikenang oleh Tengku Razaleigh dan istana. Walaupun kritikan itu tidak kena mengena dengan Tengku Razaleigh, tetapi atas dasar hubungan dengan istana, Tengku Razaleigh tentu merasa pedihnya. Sampai kini Annuar Musa dan Hashim Shafin tidak dapat menghadiri apa-apa majlis anjuran istana Kelantan!

Orang-orang seperti Kamaruddin Jaaffar dan Ka-maruddin Md Nor pula tidak dapat bersama dengan Tengku Razaleigh. Mereka bukan sahaja merupakan *hard-core* Anwar di Kelantan, tetapi pendidikan, wawasan dan dasar perjuangan memisahkan mereka. Idealisme perjuangan Kamaruddin Jaaffar dan Kamaruddin Md Nor yang condong pada Islam begitu kontradik dengan sifat *feudalisme* Tengku Razaleigh Hamzah.

Berdasarkan peristiwa itu Tengku Razaleigh tidak mungkin tunduk kepada mereka itu. Anak raja itu sudah tentu akan lebih memberi keutamaan kepada para penyokongnya. Ketika inilah nanti akan berlaku perpecahan dan cantas mencatas. Tengku Razaleigh pula tentu akan menggunakan kuasa yang ada kepadanya itu melantik para sang setianya.

Berdasarkan kemungkinan itu bagaimanakah Dr Mahathir mengharap Kelantan akan jatuh menerusi Jeneral bernama Tengku Razaleigh untuk kali kedua. Apa yang kita nampak langkah Mahathir menerima semula Tengku Razaleigh, akan memberi banyak *advantage* kepada Pas untuk mengekalkan kerajaan Kelantan. Lantaran itu ada pendapat yang mengatakan penerimaan semula Tengku Razaleigh oleh Dr Mahathir itu sebagai satu cara untuk Dr Mahathir muhul memastikan kerajaan Kelantan kekal kepada Pas.

Sekiranya Umno Kelantan benar-benar mahukan kepada perpaduan dan seterusnya merampas Kelantan, mereka harus

mengenepikan tokoh-tokoh yang frustasi dan golongan "katak lompak" dalam politik seperti Tengku Razaleigh Hamzah itu. Mereka hendaklah mengemukakan tokoh-tokoh baru yang belum banyak melakukan maksikat dan dosa politik. Orang seperti Kamaruddin Jaaffar, Kamaruddin Md Nor, Datuk Mustapa Mohamed dan Annuar Musa adalah mempunyai potensi untuk digilap sebagai pemimpin Kelantan. Walaupun mereka tidak mempunyai sensitiviti politik ala Kelantan yang tinggi, tidak mempunyai keramahan seperti Tengku Razaleigh, tetapi hakikatnya mereka masih bersih dan belum mempunyai parut dosa politik yang jelas. Keperibadian mereka juga baik kecuali Annuar Musa yang dimomokkan dengan berbagai skandal. Mereka ini boleh diajar bagaimana untuk memesrakan diri dengan rakyat Kelantan dan menghayati citarasa politik orang Kelantan.

Paling penting sebagai politikus yang intelek mereka tidak akan cuba mengekalkan amalan politik tindas dan diskriminasi di Kelantan seperti yang menjadi budaya Umno sebelum ini. Sebagai generasi matang selepas merdeka mereka mempunyai *conscious* yang tinggi kepada kepentingan umat dan agama.

---

Bab ini telah disiarkan dalam Tamadun, April, 1998 dengan sedikit ubah suai.



*Tengku Iskandar Ibni Almarhum Tengku Ahmad Panglima Raja, mendakwa takhta Kerajaan Kelantan adalah haknya. Tuntutan beliau bukan berdasarkan kebendaan, tetapi demi mengembalikan hak kepada yang berhak! Daulat Tuanku!*

# 11

## JANGAN PISANG BERBUAH DUA KALI

**A**LASAN Tengku Razaleigh Hamzah membubarkan parti Semangat 46 ialah demi ‘perpaduan Melayu’. Beliau telah mengorbankan parti yang ditubuh dan dibesarkan dengan titik peluhnya, demi masa depan bangsa Melayu? Tindakan Tengku Razaleigh itu sudah tentu suatu pengorbanan yang besar dan bermakna. Orang ramai yang merindui perpaduan dan tanpa melihat motif sebenar disebalik tindakan itu, menyambut dengan penuh rasa lega dan syukur. Mereka mengalu-alukan pengorbanan Tengku Razaleigh tersebut.

Majlis pembubaran dan mentalkinkan kematian Semangat 46 diadakan secara besar-besaran. Ia berlangsung di padang Sekolah Kebangsaan Padang Garung, yang terletak di tengah-tengah bandar Kota Bharu. Peristiwa ini berlaku pada 3 Oktober, 1996. Dr Mahathir telah hadir dan menyampaikan ucapan dan sekaligus membaca talkin dan meniup *nafiri* – mengalu-alukan kemasukan semula ahli bekas Semangat 46 ke dalam UMNO. Untuk memastikan majlis itu mendapat sambutan ahli Umno dikerah dan diupah agar datang beramai-ramai. Biarpun begitu jumlah yang hadir tidak sampai separuh daripada khalayak yang hadir di majlis

anjuran Pas pada malam lusanya di Stadium Sultan Muhammad ke IV, yang dianggarkan melebihi 80,000 orang.

Meskipun ramai yang gembira dengan pembubaran itu, tetapi ada juga yang merasa dukacita. Mereka sedih kerana tindakan pembubaran itu dibuat dalam keadaan tergesa-gesa dan tanpa mendapat keputusan kolektif dari ahli. Kerana itu sesetengah ahli Semangat 46 merasakan perjuangan dan sokongan mereka kepada Tengku Razaleigh dan Semangat 46 selama ini persis disia-siakan oleh Tengku Razaleigh.

Sebab itu keputusan membubarkan Semangat 46 itu diterima dengan perasaan berbelah bahagi. Di Kelantan bukan semua ahli Semangat 46 menyertai UMNO, sebaliknya bertindak menyertai Pas. Kira-kira 30,000 bekas ahli Semangat 46 menyertai Pas. Tindakan itu bukan sangat kerana mereka terpesona dengan kerajaan Pas tetapi sebagai manifestasi rasa kecewa mereka kepada Tengku Razaleigh.

Antara tokoh-tokoh penting Semangat 46 Kelantan yang menyertai Pas ialah YB Haji Nordin Yaakob, Adun Kelaboran, Abd Razak Abbas Penolong Pegawai Penerangan Semangat 46 negeri Kelantan, Adun Tendong, Hussein Ahmad dan beberapa pemimpin peringkat bahagian.

Bagi penganalisis politik dan mereka yang ma'rifah dengan politik, bukan sukar untuk memahami kenapa Tengku Razaleigh bertindak membubarkan Semangat 46. Ia terlalu mudah untuk difahami seperti terkilas ikan di air sudah tahu jantan betinanya. Alasan kerana untuk menyatukan Melayu dan demi 'perpaduan Melayu' itu hanya satu sandiwara semata-mata. Kata-kata itu sengaja dipilih untuk menghalal dan meraih simpati diatas perbuatannya itu.

Memang orang Melayu sensitif dengan perkataan 'perpaduan'. Orang Melayu (Islam) mudah lembut hati apabila

mendengar perkataan perpaduan atau ukhuwah. Sebagai pengikut ajaran Islam, umat Islam dianjurkan supaya berpadu dan berkerjasama diantara satu sama lain. Malahan ada hadith bermaksud; *Tidak beriman kamu selagi kamu tidak menjalani perpaduan sesama bangsa dan jiran kamu.*

Maka apabila disebut perpaduan orang Melayu akan rela mengorbankan segala-galanya. Orang Melayu rela bergaduh sesama sendiri dan melupai kepentingan diri demi perpaduan. Orang Melayu rela memutuskan persaudaraan dengan saudaranya kerana perpaduan sekiranya saudaranya itu menjadi pengkhianat dan menimbulkan kerosakan. Demikian kentalnya jiwa orang Melayu dengan perpaduan. Jadi bagi mereka yang mentah dalam politik, bila Tengku Razaleigh sebut pasal perpaduan, mereka melupai segala dosa Tengku Razaleigh dan bersedia untuk berjujutan di belakangnya sekali lagi bagaikan si balau dicucuk hidung.

Persoalannya kini sejauh manakah kebenaran dan keikhlasan Tengku Razaleigh dengan perkataan itu? Benarkah beliau bertindak untuk perpaduan Melayu? Apakah tidak ada motif dan juga maksud lain? Apakah yang membuka pintu hatinya untuk kembali bersama UMNO bagi menguatkan perpaduan Melayu? Motif dan maknawi nafsu inilah perlu dikaji sebelum menerima pengakuan Tengku Razaleigh itu.

Barang kali tidak banyak orang tersihir dengan *diksi* itu. Orang tidak mudah untuk turut dan mempercayai begitu saja cakap-cakap dan kenyataan Tengku Razaleigh. Mereka yang sudah arif dan masak dalam politik akan membuka simpulan minda dan merenung dengan panjang terhadap setiap kata-kata dan kenyataan itu. Perkataan dan kata-kata Tengku Razaleigh mereka harus kaji, selidiki dan bukan lagi untuk ditelan begitu sahaja, seperti menelan biji kacang.

## SIAPA PENCABAR ANWAR?

Sesungguhnya ‘pengorbanan’ Tengku Razaleigh tersebut menimbulkan banyak pertanyaan! Ada beberapa perkara yang perlu dijelaskan sebelum ianya boleh diterima seterusnya diikut begitu sahaja. Sejarah merupakan kompas dan cermin paling baik dalam menilai kata-kata dan janji orang politik. Sikap, tindakan, perilaku dan janji orang politik boleh diukur dan diselami menerusi cermin sejarah. Pengalaman masa lampau mengajar kita untuk menjadi bijaksana pada masa hadapan!

Begitu juga dengan perihal Tengku Razaleigh ini. Sebagai seorang ahli politik, beliau telah mempunyai lembaran sejarah tersendiri. Kitab sejarah perjuangan dan diari dosa Tengku Razaleigh dalam politik sudah bergulung-gulung. Semuanya masih ada dan boleh dibuka dan dibaca sampai ke bila-bila pun. Jadi kalau kita ingin kepastian sejaух manakah kebenaran, ketulusan dan keikhlasan, terhadap nawaitunya itu boleh dipandukan kepada kitab sejarah tersebut.

Politik Tengku Razaleigh mula ternoda tahun 1978 apabila beliau turut memegang ‘saham’ untuk memecahkan Umno. Betapa sejarah itu masih segar bugar dalam kotak fikiran bangsa Melayu. Dr Mahathir sendiri sampai kini masih mengigau-ngigau bayangan hitam kalau mengenangkan peristiwa 1978 itu.

Tarikh 4 Februari 1987 sungguh menyayatkan hati umat Melayu. Pada tarikh inilah Umno diistiharkan haram oleh mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Betapa apabila Umno diharamkan, buat pertama kalinya Penggerusi Barisan Nasional dipangku oleh Presiden MCA Datuk Dr Ling Liong Sik. Apakah akan terjadi kalau tiba-tiba Ling Liong Sik menggunakan sepenuhnya kuasa yang dipangkunya itu? Apakah orang Melayu tidak akan gawat? Peristiwa ini

hendaklah dikenang sampai mati dan janganlah berulang lagi. Walaupun ianya berlaku dalam masa pendek, tetapi cukup untuk memalukan bangsa Melayu kerana sejarah telah merakamkannya.

Siapakah angkara dan punca menyebabkan berlaku kejadian malang dan sial itu? Siapakah pelakon utama dan si tamak sehingga tercetusnya perisitwa itu? Jawabannya, Tengku Razaleigh Hamzah, adalah diantara individu yang terlibat dalam peristiwa menyebabkan Umno berpecah kemudian diharapkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kalau Tengku Razaleigh tidak berdegil melawan Dr Mahathir, kejadian itu tidak berlaku. Tetapi kerana Tengku Razaleigh degil dan bernafsu besar untuk menyingkirkan Dr Mahathir, maka terjadilah apa yang memalu dan mengharukan itu. Ianya akan terpancar di cermin minda sebagai watak utama dalam drama pengharaman Umno itu.

Itulah sejarah dan itulah tragedi yang tidak akan dipadam dari kotak fikiran orang Melayu buat selama-lamanya. Dan setiap kali orang mengungkitkan sejarah itu, nama Tengku Razaleigh tidak akan ditinggalkan!

Jadi kalau berpandukan kepada sejarah itu dimanakah logiknya cita-cita baru Tengku Razaleigh – untuk menyatupadukan Melayu dengan pembubaran Semangat 46? Seperti satu cerita dongeng sahaja. Seperti satu permainan wayang untuk mengabui mata orang-orang Melayu. Tindakan untuk menyatukan Melayu, satu tindakan kontras dengan tindakannya sepuluh tahun lalu. Sekiranya Tengku Razaleigh benar-benar cinta kepada perpaduan Melayu, beliau tidak akan tergamak untuk menubuhkan parti Semangat 46 dan menentang Dr Mahathir menerusi pilihanraya umum 1990 dan 1995. Beliau sepatutnya menerima kepimpinan Dr

Mahathir kerana kepimpinannya diterima oleh ahli Umno. Apakah tidak terfikir oleh Tengku Razaleigh tindakannya menentang Umno dan Dr Mahathir itu telah menimbulkan banyak masalah kepada bangsa Melayu? Dimanakah kewarasan Tengku Razaleigh dan para pemimpin Semangat 46 ketika itu? Dimana?

Mengiktibarkan kepada sejarah itu kita merasakan Tengku Razaleigh bertanam tebu di bibir mulut saja untuk menyatukan Melayu. Apakah boleh diletakkan kepercayaan kepada seorang yang menyebabkan Melayu berpecah, untuk menyatukan Melayu? Bagi orang yang sihat akal fikiran dan celek politik akan mentertawakan tindakan Tengku Razaleigh itu. Mereka akan tersenyum mendengar agenda Tengku Razaleigh itu. Kalau pun tidak tergamak untuk dituduh sebagai gila, tetapi perkara itu adalah kerja orang tidak waras atau seperti kerja budak-budak yang membina istana pasir di tepi pantai, selepas membinanya dirobohkan kemudian dibina semula – mengikut *moody* kebudak-budakannya. Mengharapkan kepada orang yang tidak berprinsip untuk menyatupadukan bangsa Melayu sepertilah mengharapkan pencuri dan perompak agar menjaga harta benda kita.

Bukan itu sahaja tindakan Tengku Razaleigh itu perlu dipertikaikan. Bagaimana beliau hendak membina perpaduan Melayu sedangkan pada masa yang sama beliau meruntuhkan perpaduan ummah yang dibina di Kelantan? Kalau hendak dikira perpaduan ummah di Kelantan lebih penting daripada perpaduan Melayu. Perpaduan ummah di Kelantan dibangunkan atas dasar *ad-din*, dimana sebahagian besar rakyat Kelantan telah dapat menerimanya. Buktinya ialah kekalahan BN/Umno dalam pilihanraya 1990 dan 1995.

Pada saat orang Kelantan sudah merasai aman bahagia dengan perpaduan ummah, tiba-tiba Tengku Razaleigh bertindak menghancurkannya. Bukankah itu satu tindakan yang bodoh dan

gila? Disinilah orang mula faham politik Tengku Razaleigh adalah politik untuk menyuburkan kaum kerabatnya!

Justeru di sebalik pembubaran itu ada maksud lain. Disebalik perkataan perpaduan itu ada motif dan cita-cita lain. Tengku Razaleigh sengaja menggunakan kata-kata keramat 'perpaduan Melayu' untuk mencapai natijah dan maksud yang tersirat sesudah hampa dengan agendanya sebelum ini.

Dalam hal ini para penganalisis dan pemerhati politik melihat kenapa Tengku Razaleigh terpaksa berbuat begitu, kerana beliau sudah merasakan kekuatananya untuk berlawan dengan Dr Mahathir sudah tidak ada lagi. Beliau sudah dapat merasakan kekuatan dan ikhtiarnya menjatuhkan Dr Mahathir dari luar sudah tidak berjaya. Sebagai seorang pengamal politik — *Machiavellisme* ‘matlamat menghalakan cara’ tidak menjadi kesalahan untuk Tengku Razaleigh berbaik dengan musuhnya semula setelah gagal menumbangkannya. Pengamal *Machiavellisme* akan melakukan apa saja tanpa mengira batasan adat dan tegahan agama asalkan matlamat mereka tercapai. Mereka tidak pernah menghitung apakah tindakan mereka bertentangan dengan hukum Allah ataupun tidak. Pada mereka yang penting matlamat mereka tercapai.

Bagi seorang yang sihat akal fikiran, mempunyai moral dan prinsip perjuangan yang murni dan ikhlas, mereka akan merasa malu untuk bertindak seperti Tengku Razaleigh. Mereka akan merasa canggung untuk menggunakan perpaduan Melayu setelah sebelum itu beliau mempunyai saham memecahkan perpaduan Melayu. Kemudian apa yang lebih melucukan lagi beliau sanggup pula menyertai parti yang ditentang dan dianggap palsu sebelum ini. Bukankah sebelum ini beliau sendiri yang bermati-matian menafikan tentang ketulinan UMNO itu? Bukankah sebelum ini beliau sendiri yang berusaha

sampai bersekongkol dengan DAP dan Parti Bersatu Sabah (PBS) menerusi *Gagasan Rakyat* untuk menumbangkah BN? Dan bukankah beliau sendiri yang mengkritik dasar-dasar pemerintah Dr Mahathir?

Sewaktu membentangkan ucapan dasar selaku calon Presiden pada 19 April, 1987, di Hotel Hilton Tengku Razaleigh berkata;

*"Projek-projek raksasa yang disebutkan tadi bukan sahaja telah memboroskan beribu-ribu juta wang negara tetapi juga telah menimbulkan satu amalan ekonomi yang tidak sihat. Ini berpunca dari sikap pilihkasih di mana segelintir individu yang terpilih dan berhubung rapat dengan pucuk pimpinan politik yang berkuasa telah diberi segala bentuk peluang dan keistimewaan. Segelintir individu ini telah memonopoli peluang-peluang perniagaan dan kontrek awam.*

*"... Kita bukan anti pembangunan. Kita bukannya anti perindustrian. Kita juga bukan anti projek raksasa. Kita juga mahu melihat sebuah negara Malaysia yang maju dan moden; yang berkeupayaan dalam bidang industri, sains dan teknologi, yang boleh bersaing dan setanding dengan negara-negara lain dalam pasaran dunia. Tetapi segala perancangan itu hendaklah diasaskan kepada semangat Dasar Ekonomi Baru; perlulah diukur dari segi nikmat, faedah dan peluang kepada orang-orang Melayu; dan tidak sekadar untuk memenuhi nafsu rakus pucuk pimpinan politik yang berkuasa sekarang...*

*"Apalah erti projek-projek besar dan raksasa, sekiranya orang-orang Melayu sekadar menjadi*

*penonton melihat dengan putih mata kemewahan dan nikmat projek-projek seumpama itu diangkut keluar oleh orang-orang asing yang diberikan segala keistimewaan dan kemudahan. Dalam keadaan yang mendukacitakan begini, nasib bangsa Melayu tidak ubah seperti kata perpatah “ibarat memagar kelapa condong, pohonnya tumbuh di kebun kita, buahnya jatuh ke kebun orang.”*

Jika beliau mempunyai prinsip perjuangan tulin, moral diri yang tinggi – sudah tentu beliau tidak tergamak dan merasa malu untuk rujuk semula kepada Umno dan menerima Dr Mahathir sebagai sahabat setelah disusahkan hidup Perdana Menteri itu. Kalau beliau mempunyai maruah, usahkan hendak duduk serumah, untuk bertentangan mata pun tidak sanggup. Tetapi seperti yang dikatakan tadi, kerana beliau tidak mempunyai harga diri, orang yang boleh melacurkan maruah politik dengan beberapa sen sahaja, tidak akan pernah merasa berdosa dan tidak pernah tahu malu di sepanjang hidupnya.

Disini jelas, antara tujuan Tengku Razaleigh rujuk semula kepada Umno ialah untuk mencari sisa-sisa peluangnya dalam parti itu. Setelah beliau menyedari sukar untuk menjatuhkan Dr Mahathir dan mengugat Umno dari luar, maka beliau bertindak menyertai Umno dan cuba mencari peluang dari dalam.

Niat beliau ini hendaklah diawasi oleh semua ahli ahli Umno. Jika alpa dan ada yang terdodai dengan janj-janji muluknya (Tengku Razaleigh) itu ia boleh menyebabkan Umno berpecah sekali lagi. Perkara ini tidak mustahil akan terjadi sekiranya ada ahli yang lapar untuk bersedia menjadi alat kepada Tengku Razaleigh. Tengku Razaleigh mungkin saja mengambil kesempatan dengan menghimpun dan mengecek orang-orang yang tidak menyukai dan cemburu dengan Anwar. Golongan ini

juga boleh duduk sepagar untuk sama-sama melontar batu ke arah rumah kaca Anwar bersama bekas Presiden Semangat 46 itu.

Selain itu, tindakan Tengku Razaleigh membubar parti Semangat 46 dilihat ada tujuan yang bersifat peribadi iaitu untuk menenangkan gelora yang sedang menimpa istana Kelantan pada waktu ini. Umum mengetahui bahawa kedudukan takhta kerajaan Kelantan pada masa ini sedang dipertikaikan. Tengku Iskandar Ibni Almarhum Tengku Ahmad Panglima Raja, sedang bersiap sedia untuk menge-mukakan tuntutan ke atas takhta kerajaan Kelantan itu.

Menurut Tengku Iskandar beliaulah merupakan pewaris ke atas takhta kerajaan Kelantan. Dari dokumen dan fakta sejarah serta carta salasilah keturunan Long Yunus, Tengku Ismail - Sultan Kelantan hari ini tidak dari akar umbi keturunan Long Yunus yang mutlak jika dikira dari nasab sebelah bapa.

Nasab Tengku Ismail terputus dari darah daging Long Yunus apabila moyotnya (Long Kundur) adalah anak tiri kepada Tengku Sulong iaitu puteri Long Senik Mulut Merah, bukan dari kerabat Long Yunus. Adalah dipercayai moyotnya adalah orang luar Kelantan berasaskan kepada ayah moyotnya iaitu suami Tengku Sulong iaini Sultan Ahmad Tengah berasal dari Terengganu.

Dakwa Tengku Iskandar lagi moyot Tengku Ismail iaitu Long Kundur tidak sepatutnya menaiki takhta kerana beliau bukan keturunan Long Yunus, lagi pun beliau merupakan anak tiri kepada puteri Long Senik Mulut Merah iaitu Long Sulong. Lantaran itu dakwa Tengku Iskandar orang yang berhak menaiki takhta kerajaan Kelantan ialah datuknya, Tengku Ab Ghafar yang dikenali sebagai Tengku Temenggong ataupun Tengku Putera Dalam Kebun.

Tetapi disebabkan ketika kemangkatan Long Senik Mulut Merah (1837-1886), Tengku Ab Ghafar masih kecil berumur 9 tahun, menyebabkan takhta kerajaan Kelantan diberikan kepada ayah moyot Tengku Ismail iaitu Sultan Ahmad Tengah, suami Tengku Sulong. Dan apa yang malangnya takhta itu tidak dikembalikan kepada Tengku Ab Ghafar sebaliknya terus diwarisi oleh moyot saudara Tengku Ismail, iaitu Tengku Mansor (1890-1899) kemudian diserahkan pula kepada moyotnya Long Kundur (1889-1890) dan seterus pada keturunannya sampai ke hari ini. "Penyelewengan" inilah yang menyebabkan keturunan sebenar Long Yunus tidak mewarisi takhta kerajaan Kelantan.

Tengku Ab Ghafar mempunyai empat orang anak, tiga perempuan dan seorang lelaki yang bermama Tengku Ahmad yang dikenali dengan nama Tengku Ahmad Panglima Raja. Tengku Ahmad pula mempunyai sembilan orang anak, tujuh perempuan dua lelaki. Seorang anak lelakinya, Tengku Zaid telah meninggal dunia pada 29 Mei, 1983. Berdasarkan kepada fakta sejarah dan nasab itulah maka Tengku Iskandar mendakwa satu-satunya orang yang mutlak berhak ke atas takhta kerajaan Kelantan adalah beliau.

Tuntutan Tengku Iskandar itu sedikit sebanyak telah mengangggi emosi Tengku Razaleigh. Dalam hal ini sudah sewajarnya Tengku Razaleigh kena bertanggungjawab menghadapi masalah ini. Beliau kena berusaha agar usaha Tengku Iskandar itu gagal untuk menyelamatkan takhta anak saudaranya. Bagi Tengku Razaleigh, keutuhan istana Kelantan ditangan anak saudaranya sangat penting. Pengaruh istana sangat besar kepada pengaruh politik Tengku Razaleigh di Kelantan. Kekuatan pengaruh istana Kelantan secara tidak langsung melambang kekuatan pengaruh politiknya. Justeru maka beliau kena berusaha agar takhta itu tidak terusik oleh sesiapa.

Untuk menjamin kedudukan itulah maka beliau kena mengurangkan kritikan dan serangannya ke atas kerajaan Dr Mahathir. Dalam hal ini kita nampak penyertaan beliau dalam Umno itu adalah sebagai pelindungan untuk menyelamatkan takhta kerajaan Kelantan, dan tidak lebih dari itu. Tengku Razaleigh sangat berharap agar sedikit sebanyak Dr Mahathir menggunakan kedudukan dan kuasanya untuk melindungi istana Kelantan. Bolehlah dianggap kemasukan itu sebagai ufti Tengku Razaleigh kepada Dr Mahathir untuk melindungi istana Kelantan daripada digangu atau dipertikaikan oleh orang lain.

Khabarnya Tengku Razaleigh tidak senang dengan usaha Tengku Iskandar yang cuba mempertikaikan kesahihan kesultanan Kelantan itu. Tengku Iskandar pernah mengakui perkara ini, dimana Tengku Razaleigh enggan bersalam dengannya sewaktu berjumpa di rumah Tun Ghafar Baba.

Jadi untuk memastikan ‘kepalsuan’ di istana Kelantan itu tidak terbongkar, adalah lebih baik kalau beliau mengurangkan tindakan politiknya ke atas kerajaan (Dr Mahathir), dan bagi memusatkan masalah itu selesai beliau menyertai Umno. Dengan menyertai kerajaan, setidak-tidaknya kerajaan akan memikir dua kali untuk membenarkan tuntutan oleh Tengku Iskandar ke atas takhta kerajaan Kelantan itu. Tengku Razaleigh sangat mengharapkan Dr Mahathir turut campur tangan agar kerajaan tidak bersedia melayan tuntutan Tengku Iskandar. Dengan itu selamatlah kedudukan sultan Kelantan. Itulah harapan Tengku Razaleigh, ia lebih bertujuan menjaga kepentingan dirinya sendiri, daripada untuk menjaga kepentingan orang-orang Melayu (Semangat 46).

Tengku Razaleigh juga ada alasan dan maksud yang lebih jauh dari itu. Kenapa beliau mempertahankan Sultan Kelantan, kerana kalau mengikut ghalibnya pada tahun 2005 kelak, sultan

Kelantanlah bakal menjadi Yang Dipertuan Agung. Jadi kalau Sultan Kelantan menjadi Agung, mudahlah untuk Tengku Razaleigh meneruskan misinya untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia. Muslihat ini tidak banyak yang tahu.

Tetapi dalam hal ini Tengku Razaleigh mungkin lupa bahawa tapuk pemerintahan Malaysia ini bukan selamanya berada di bawah telapak kaki Dr Mahathir. Apakah beliau sedar masa untuk Dr Mahathir memerintah hanya tinggal suku hari sahaja lagi? Dan dapatkah Tengku Razaleigh mem-perdayakan tokoh itu untuk memelihara kepentingannya? Bagaimana kelak kalau selepas Dr Mahathir nanti, pemimpin itu tidak bersedia untuk melindungi kepalusan yang menyelubungi istana Kelantan? Jawabnya Kelantan akan mencatat sejarah sebagai negeri pertama yang bertukar Raja di zaman moden ini.

Berdasar hipotesis dan kemungkinan itu, adalah baik kalau ahli-ahli Umno berhati-hati dalam melayan kehadiran semula Tengku Razaleigh. Jika ahli Umno tidak berwaspada dan terpengaruh dengan bujuk rayuan dan pertaubatan Tengku Razaleigh itu, tidak mustahil Umno akan berhadapan dengan situasi malangnya yang pernah berlaku ke atas parti itu.

Satu hal yang ahli Umno sentiasa kena ingat bahawa kalau tidak ada mengada, masakan tempua bersarang rendah dan jangan sama sekali menafikan di air yang tenang tidak ada buaya. Selain itu ahli Umno juga kena faham perangai politikus katak. Selain daripada pantas melompat, ia juga pintar menggunakan lidahnya untuk membaham mangsanya Perkara ini perlu difikirkan dengan baik dan cermat agar pisang tidak berbuah dua kali!

## Rujukan

1. Al Quran Nur Karim.
2. Shahih Muslim, Hadith.
3. Anwar Ibrahim, 1997. Gelombang Kebangkitan Asia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Mohd Sayuti Omar, 1996. Anwar Lawan Mahathir. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
5. Mohd Sayuti Omar, 1990. Anwar Ibrahim - Mimpi & Realiti. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
6. Zakry Abadi, 1993. Mengapa Anwar?. Kuala Lumpur: Gelanggang Publishing.
7. Yahaya Ismail, 1987. Politik UMNO Melayu Tergugat. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.
8. J. Victor Morais, 1984. Anwar Ibrahim Cekal dan Tabah, Edisi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
9. Dr Adnan 'Ali ridha Al-Annahwy, 1990. Syura Bukan Demokrasi. Kuala Lumpur: Media Ehsan Sdn. Bhd.
10. Utusan Malaysia, 1987 - 1998. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
11. Hambali Abdul Latiff, 1995. Putera Mahkota UMNO. Kuala Lumpur: Penerbitan Satria
12. Ranjit Gill, 1987. Razaleigh Cita-cita dan Perjuangan. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.